



LAPORAN TAHUNAN 2021





LAPORAN TAHUNAN 2021

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN

Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya

Tel: 603 8871 3333

Faks: 603 8888 8770

Diterbit oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN BELIA & SUKAN

Aras 4, Menara KBS

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya

Tel: 603 8871 3333

Faks: 603 8888 8770

Hakcipta Pencetak:

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Belia & Sukan

Rekaan Muka Depan & Susun Atur:

Izzad Zalman bin Abd Kader J.S.M.

Ketua Komunikasi Korporat

Reka Bentuk & Urus Cetak:

Hars Pro Services

No. 24, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

Tel: 6013 5322 756

Emel: harspros@gmail.com

KANDUNGAN

- 
- 
- 08** | **Sekapur Sireh**
YB Menteri Belia & Sukan
- 10** | **Kata Aluan**
Ketua Setiausaha KBS
- 12** | **Carta Organisasi**
Kementerian Belia & Sukan
- 14** | **Pencapaian & Sorotan**
Tahun 2021
- 20** | **Laporan Sektor Pengurusan**
- ▶ Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
 - ▶ Bahagian Kewangan
 - ▶ Bahagian Pembangunan
 - ▶ Bahagian Akaun
 - ▶ Bahagian Pengurusan Maklumat
 - ▶ Bahagian Khidmat Pengurusan
 - ▶ Unit Komunikasi Korporat
 - ▶ Unit Anti Doping
 - ▶ Unit Audit Dalam
 - ▶ Unit Integriti
 - ▶ Pejabat Penasihat Undang-Undang
- 82** | **Laporan Sektor Strategik**
- ▶ Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
 - ▶ Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
 - ▶ Bahagian Hubungan Antarabangsa
- 110** | **Laporan Jabatan**
- ▶ Jabatan Belia dan Sukan Negara
 - ▶ Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (I-Lead)
 - ▶ Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia
- 145** | **Laporan Badan Berkanun**
- ▶ Majlis Sukan Negara
 - ▶ Institut Sukan Negara (ISN)
 - ▶ Perbadanan Stadium Malaysia
 - ▶ Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia
 - ▶ Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
 - ▶ Perbadanan Padang Golf Subang
- 196** | **Laporan Syarikat**
- ▶ Pusat Belia Antarabangsa (IYC)
 - ▶ Impact Integrated
 - ▶ Sepang International Circuit (SIC)



PENGENALAN

SEJARAH KBS

Sejarah penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai hal ehwal belia. Seterusnya pada tahun 1964 Bahagian Kebudayaan ini telah dipindahkan ke Kementerian Penerangan. Dalam masa yang sama berikutan kegiatan belia secara berpersatuan yang semakin berkembang, maka bagi tujuan memupuk serta memantau perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah Kementerian Penerangan dan pada masa sama ditubuhkan Bahagian Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan diwujudkan pada 15 Mei 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan dengan itu nama Kementerian Belia dan Sukan ini telah diubah kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dengan perpindahan Bahagian Kebudayaan tersebut, nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah kembali kepada nama asalnya iaitu Kementerian Belia dan Sukan, sehingga sekarang.


Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan Malaysia khususnya dalam pembangunan Belia dan Sukan.

VISI

Membentuk Malaysia yang lebih sejahtera, makmur dan bersatu melalui pembangunan belia dan pembudayaan sukan.

MISI

Memacu kemajuan belia dan sukan secara holistik untuk memenuhi aspirasi negara.



TERAS STRATEGIK

Pemeriksaan Anak Muda

Dalam memperkasakan anak muda, suara anak muda akan diberi ruang dalam menentukan hala tuju dan perancangan organisasi, potensi belia akan digilap sepenuhnya dan diiktiraf. Kepimpinan anak muda diasuh dalam melahirkan belia bertaraf global dan menyantuni komuniti.

Kualiti Kesejahteraan Hidup

Meningkatkan tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan menjadi matlamat utama setiap individu, tidak terkecuali belia, kerana mereka merupakan kumpulan yang berpotensi mempengaruhi masa depan sesebuah negara. Sehubungan itu, beberapa faktor harus diambil kira seperti tahap pendidikan, kesihatan dan sumber pendapatan mereka. Maka tahap kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka perlu diberi perhatian sewajarnya.

Penciptaan Pekerjaan

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik ekoran perubahan pesat dalam penggunaan teknologi terkini dan kepelbagaian keperluan oleh majikan. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai isu dalam pasaran kerja dan dirumitkan lagi oleh prestasi ekonomi negara semasa yang agak sederhana. Penciptaan peluang pekerjaan baharu yang perlahan dilihat tidak senada dengan limpahan graduan dalam pasaran kerja. Justeru, KBS dalam usaha mencipta peluang pekerjaan dan medium yang sesuai untuk generasi muda.

Memperkasa Tadbir Urus

Bagi memperkasa tadbir urus, KBS telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya dengan mengamalkan tadbir urus yang baik & berintegriti. KBS telah melancarkan Pelan Integriti KBS antaranya menggariskan perolehan yang telus (Open Tender), penempatan Pegawai SPRM di KBS, melaksanakan program auditing, pengisytiharan harta Menteri dan Pegawai Pejabat Menteri dan akhir sekali memuktamadkan Corruption Risk Management (CRM) dengan kerjasama SPRM.

PIAGAM PELANGGAN KBS

- 1.** Memaklumkan keputusan permohonan bantuan aktiviti yang dikemukakan oleh pertubuhan belia/badan sukan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh mesyuarat.
- 2.** Meluluskan pendaftaran pertubuhan belia dalam tempoh lima (5) hari dengan syarat permohonan memenuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 3.** Meluluskan pendaftaran badan sukan dalam tempoh tujuh (7) hari dengan syarat memenuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 4.** Memaklumkan keputusan permohonan kemasukan ke IKBN/IKTBN dalam tempoh tiga (3) minggu selepas permohonan ditutup.
- 5.** Menjelaskan tuntutan bayaran dalam tempoh empat belas (14) hari dengan syarat dokumen yang dikemukakan adalah lengkap.
- 6.** Mengesahkan penerimaan aduan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan memberikan maklum balas aduan dalam tempoh tiga (3) hari.



SEKAPUR SIREH

KATA ALUAN



Sekapur Sireh

YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU
MENTERI BELIA & SUKAN



Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah izin-Nya, Buku Laporan Tahunan 2021 Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) berjaya diterbitkan sebagai naskhah rujukan kepada segala inisiatif telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

Sesungguhnya, penularan COVID-19 telah memberikan kesan yang cukup besar sekaligus mengubah lanskap dan norma kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Dalam tempoh dua tahun ini, KBS mengambil pelbagai keputusan secara tangkas bagi memastikan kesan negatif COVID-19 kepada pemegang taruh utama dalam pembangunan belia, sektor sukan dan bidang kemahiran dapat disantuni dengan sebaik mungkin.

Fokus KBS bermula pada Ogos 2021 adalah terarah kepada pembangunan model dan hala tuju baharu, program serta aktiviti yang telah membantu meningkatkan ekonomi belia, memperkasakan TVET KBS, membudayakan sukan dan memantapkan industri sukan. Ini selaras dengan pengumuman oleh YAB Perdana Menteri berhubung pembukaan pelbagai sektor terutamanya sektor sukan dan rekreasi secara berperingkat.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Ketua Setiausaha serta Pengurusan Tertinggi termasuk warga kerja KBS atas komitmen untuk merealisasikan seluruh perencanaan yang disusun sepanjang tahun 2021.

Saya berharap kita dapat melalui segala cabaran dengan iltizam dan kesungguhan yang lebih tinggi. KBS akan terus komited merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif serta ikhtiar baharu yang memberi impak positif kepada golongan belia, penggiat sukan dan rakyat Malaysia secara keseluruhan.


Sekian, terima kasih

YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu
Menteri Belia & Sukan



Kata Awan

YBHG DATO' JANA SANTHIRAN A/L MUNIAYAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN BELIA & SUKAN



Salam sejahtera,

Tahun 2021 menyaksikan perubahan landskap kehidupan rakyat secara mendadak terutamanya dalam aspek ekonomi dan sosial susulan daripada penularan pandemik Covid-19. Situasi pandemik tersebut memberi cabaran yang luar biasa bukan hanya di negara ini, malah di seluruh dunia. Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) terus mengambil segala langkah yang perlu bagi membantu golongan belia dan penggiat sukan yang terkesan.

Dalam menghadapi norma baharu di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), KBS telah mengorak langkah melaksanakan pendekatan baharu yang proaktif bagi membantu kumpulan sasaran KBS iaitu golongan belia dan penggiat sukan yang terkesan. Pelbagai inisiatif baharu telah diperkenalkan bagi meringankan beban ekonomi kumpulan sasaran KBS menerusi penyediaan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada belia serta bantuan kepada pengusaha dan penggiat sukan.

Melangkah ke hadapan, KBS telah memetakan semula pembangunan dan hala tuju sukan negara dengan fokus kepada pembudayaan sukan sebagai gaya hidup masyarakat dan perkembangan industri sukan. Selain daripada itu, sebuah model yang memetakan hala tuju pembangunan belia dengan tumpuan kepada isu dan cabaran era pandemik turut dibangunkan sebagai usaha meningkatkan peluang kepada belia untuk terlibat dalam pembangunan negara.

Bagi memastikan inisiatif ini dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang disasarkan, maka penglibatan aktif kesemua kumpulan sasaran belia dan pelaksana di bawah Dasar Belia Malaysia menjadi keutamaan KBS. Justeru, pencapaian KBS pada tahun 2021 adalah pencapaian yang amat signifikan dengan situasi semasa.

KBS berharap agar semua pihak memberikan komitmen yang berterusan dalam memperkasakan golongan belia dan penggiat sukan di negara ini. Pada tahun 2022, Kementerian akan terus menggiatkan usaha bagi memastikan pembangunan belia dan sektor sukan akan terus maju sebagai penggerak dalam memacu pembangunan negara.

Sekian, terima kasih

Dato' Jana Santhiran A/L Muniayan
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia & Sukan



MENTERI
**YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL
BIN DATO' AZUMU**



TIMBALAN MENTERI
**YB SENATOR DATO' SRI TI
LIAN KER**



KETUA SETIAUSAHA
PTD / GRED UTAMA A
**YBHG. DATUK M NOOR
AZMAN BIN TAIB
(2020 - 2021)**



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PENGURUSAN)
PTD / GRED UTAMA B
ABDULLAH BIN HASAN



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
PTD M54
NORAZLI BIN INDZAM



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN KEWANGAN
PTD M54
MISJIJAH BINTI MARUL



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
MAKLUMAT
PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT F54
FAUZI BIN ELHAM @ ALHIM



KETUA AKAUNTAN
BAHAGIAN AKAUN
AKAUNTAN W54
NAZHATUN BINTI MD REJAB



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA
PTD M54
HAZALIA BINTI HASSAN



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN KHIDMAT
PENGURUSAN
PTD M52
HASNOR BIN ABD. HAMID



KETUA KOMUNIKASI KORPORAT
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
GRED 54 TERBUKA
YAMUNA PERIMALU



PENGARAH
UNIT ANTI-DOPING MALAYSIA
(ADAMAS)
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN S54
AZURA BINTI ABIDIN



KETUA AUDIT DALAM
UNIT AUDIT DALAM
JURUAUDIT W52
GANESH RAO A/L C BODIAH



KETUA UNIT INTEGRITI
UNIT INTEGRITI
PTD M52
GEETHA RAMACHANDRAN



PENASIHAT UNDANG-UNDANG
PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
PEGAWAI UNDANG-UNDANG L52
AIDA MASTURA BINTI MOHAMED AMAN




PENGARAH
PUSAT BELIA ANTARABANGSA (IYC)
**DR. HJ. MOHAMED MALIKI BIN
MOHAMED RAPIIE**



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
IMPACT INTEGRATED (IMPACT)
AHMED FARIS BIN AMIR



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SEPANG INTERNATIONAL
CIRCUIT SDN BHD (SIC)
AZHAN SHAFRIMAN BIN HANIF



CARTA ORGANISASI KBS



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(STRATEGIK)
PTD / GRED UTAMA B
RAMONA BINTI MOHD RAZALI



PENGAH KEMAHIRAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA
PTD JUSA C
MOHD IQBAL BIN MOHD NOOR



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK
PTD M54
AHMAD JEFRY BIN AZIZ@ADAN



SETIAUSAHA BAHAGIAN
BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA
PTD M54
NUR NAZIRAH BINTI MD JOHA



KETUA PENGARAH JABATAN BELIA
DAN SUKAN NEGARA (JBSN)
GRED UTAMA B TERBUKA
**YBHG. DATO' HJ. WASITAH BINTI
HJ. MOHD YUSUF**



KETUA PENGARAH
INSTITUT PEMBANGUNAN DAN
KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (i-LEAD)
GRED UTAMA B TERBUKA
HAJI MOHD HASWANDI BIN HAJI AHMAD



PESURUHJAYA SUKAN
PEJABAT PESURUHJAYA SUKAN (PPS)
GRED UTAMA C TERBUKA
IBRAHIM BIN MOHD YUSOF



PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA
PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN
BELIA (PPBNB)
PEGAWAI BELIA & SUKAN SS4
BADARI BIN AWANG DAMIT




KETUA PENGARAH
MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)
PEGAWAI BELIA & SUKAN GRED UTAMA B
DATO' AHMAD SHAPAWI BIN ISMAIL



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
INSTITUT SUKAN NEGARA (ISN)
GRED UTAMA C TERBUKA
AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA
MALAYSIA (IYRES)
GRED UTAMA C TERBUKA
DR. VELLAPANDIAN A/L PONNUSAMY



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN STADIUM MALAYSIA (PSM)
PEGAWAI TADBIR N52
KOSONG




PENGERUSI EKSEKUTIF
PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG (PPGS)
KUMARESUR KRISHNASAMY



PENCAPAIAN & SOROTAN

Tahun 2021



INISIATIF PRIHATIN BELIA DAN SUKAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 5 Julai 2021 telah mengumumkan tujuh (7) Inisiatif Prihatin Belia dan Sukan (IPBS) khusus untuk penggiat industri sukan di Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Inisiatif-inisiatif tersebut telah diwujudkan sebagai usaha KBS dalam menambah nilai dan menyokong pelaksanaan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada 28 Jun 2021. Sehingga 31 Disember 2021, Bilik Gerakan Sekretariat Prihatin KBS (SPIKE) telah menerima sebanyak 1,598 pertanyaan melalui telefon dan email yang berkaitan dengan inisiatif yang ditawarkan di bawah IPBS.

Sebanyak RM18 juta telah diperuntukkan secara *one-off* melalui Inisiatif Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS) dengan keutamaan kepada operator dan pengusaha fasiliti sukan dan rekreasi komersial yang terjejas kerana tidak dapat beroperasi sepanjang tempoh PKP. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 600 buah syarikat telah menerima bantuan ini.

Kementerian turut memperkenalkan Inisiatif Moratorium Bagi Pemain Industri Sukan kepada peminjam individu B40, M40 atau T20 dan juga usahawan mikro untuk memohon kepada pihak bank bagi mendapatkan kelulusan moratorium secara automatik. Melalui inisiatif ini KBS menawarkan bantuan dengan menyediakan surat pengesahan KBS bagi menyokong permohonan moratorium di mana-mana bank pilihan. Sebanyak 15 buah permohonan diterima dan diproses untuk kelulusan.

Melalui Insentif Sewaan dan Operator Perniagaan Fasiliti Sukan, KBS turut memberikan insentif pengurangan sewaan fasiliti sukan dan rekreasi di bawah seliaan KBS pada kadar 50 peratus sehingga Disember 2021. Secara keseluruhan inisiatif ini telah memberi manfaat kepada 289 orang individu dan operator dengan nilai diskaun yang diberikan sebanyak RM1.6 juta.

KBS menyediakan inisiatif Tawaran Malaysia Vaccine Support Volunteer (MyVac) khusus untuk pekerja industri sukan untuk membela nasib dan menyokong para penggiat industri sukan yang terkesan khususnya para pekerja yang terpaksa mengambil cuti tanpa gaji atau ditamatkan perkhidmatan. Melalui inisiatif ini KBS menyediakan satu ribu slot MyVac kepada para pekerja industri sukan yang berdaftar dengan KBS/MITI dalam sistem CIMS melalui Program MYVAC@SPORTSINDUSTRY. Sepanjang 2021 seramai 192 orang dari kalangan para pekerja industri sukan telah ditugaskan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

KBS dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah menyediakan Inisiatif Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS). Skim ini disediakan kepada operator/pengusaha premis komersial yang terjejas akibat penutupan sektor sukan di bawah inisiatif Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS) dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM20 juta. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 95 permohonan telah diluluskan bagi pinjaman di bawah TEKUN Nasional dan sebanyak 26 permohonan telah diluluskan bagi pinjaman di bawah Bank Rakyat.

KBS turut melaksanakan Inisiatif Program Vaksinasi Industri Sukan (SPORTIVAC) bagi membolehkan penggiat industri sukan diberikan keutamaan untuk menerima vaksin. Melalui inisiatif ini seramai 25,759 orang pekerja dalam sektor sukan dan rekreasi telah menerima suntikan vaksin di bawah inisiatif SPORTIVAC.

Melalui inisiatif Penawaran Kursus Berkaitan Sukan Secara Percuma pula KBS turut menawarkan kursus berkaitan sukan secara percuma kepada penggiat industri sukan serta orang ramai khususnya para belia dalam meningkatkan kemahiran dan ilmu berkaitan sukan melibatkan Coaching Foundation Programme (ISN), Communication Towards Professionalism in Sports (ISN), Program Bootcamp Golf Services (ILKBS) dan Sports Massage (ILKBS). Inisiatif ini telah berjaya menarik penyertaan keseluruhan seramai 897 orang peserta.

HARI SUKAN NEGARA

HARI SUKAN NEGARA 2021

Bersempena Sambutan Hari Sukan Negara 2021 secara hibrid, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri, telah meluangkan masa meninjau aktiviti-aktiviti sukan yang dijalankan di sekitar Menara Kementerian Belia dan Sukan.

YAB Perdana Menteri telah diiringi oleh YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk M Noor Azman Bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Belia dan Sukan dan Dato' Dr. Hajah Wasitah Binti Hj. Mohd Yusof, Ketua Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negara.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara tertutup adalah simulasi golf, bola jaring 3-on-3, sukan rakyat dan juga sesi aerobik bersama Persatuan Orang Kerdil Malaysia.

Turut diadakan ialah pameran daripada agensi seperti Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sukan Negara (ISN), serta demonstrasi pit stop kereta lumba Le Mans oleh pasukan Viper Niza dan pameran motosikal berkuasa tinggi oleh SIC Racing Team.







Inter-Regional FUTURE LEADER'S DIALOGUE @ DUBAI



Utusan Malaysia



TERKINI NASIONAL EKONOMI LUAR NEGARA GAYA SUKAN RENCANA PREMIUM

LAIN-LAIN SUKAN

MySukan TV promosikan sukan akar umbi



AHMAD Faizal Azumu memperkenalkan logo MySukan TV dalam majlis pelancaran secara maya semalam.

Oleh SUBIKRI SUDARS: 11 November 2021, 10:30 am



PUTRAJAYA: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengambil inisiatif mewujudkan sebuah jenama media milik KBS iaitu, MySukan TV yang berperanan menyokong sukan akar umbi.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, MySukan TV berfungsi untuk mempromosikan aktiviti sukan peringkat akar umbi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

Dalam masa sama, ia akan membawakan juga siaran langsung perlawanan sukan untuk menarik pelaburan atau tajaan daripada syarikat-syarikat swasta.

"Sejak beberapa dekad lalu, kementerian telah melancarkan, menyokong dan mempromosikan sukan akar umbi serta pembangunannya seperti Skwad Projek MSN-FAM yang beraksi dalam Liga Perdana, Liga Bola Sepak Universiti (Liga IPT), kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSSM), Liga Bola Sepak Rakyat (LBR) dan banyak lagi.

"Pembangunan akar umbi adalah mahal dan kejayaan sesuatu program itu tidak bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan, jadi kita memerlukan sektor swasta bukan sahaja sebagai pemberi dana, malah berkongsi sumber mereka dengan program ini.

"Usaha sektor swasta ini akan membantu pembangunan masa depan atlet negara dan memberi sokongan dalam bentuk bantuan ekonomi memandangkan industri ini amat terkesan berikutan pandemik Covid-19," katanya ketika melancarkan MySukan TV secara atas talian semalam.

Siapa Yang Perlu Hadir?

- Ejen atau dropship yang nak jana pendapatan lebih baik
- Pengasas bisnes yang serius nak melonjakkan jualan!
- Bangsa usahawan yang serius & komited nak bina bisnes berjaya!

POPULAR

- Recep Tayyip pecat Ketua Jabatan Perangkaan Turki**
31 Januari 2022, 9:33 am
- Nazmi lega dapat pasukan baharu**
31 Januari 2022, 9:33 am
- Afcon 2021: Salah inspirasi Mesir ke separuh akhir**
31 Januari 2022, 9:25 am
- Tiang retak, penjaja Pasar Sri Tanjung mungkin dipindah**
31 Januari 2022, 9:17 am


PERBANKAN ISLAM TIRU PERBANKAN KONVENSIONAL?

[KLIK DISINI](#)



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia




FUNGSI

- Pembangunan Dasar Sumber Manusia.
- Pembangunan Organisasi.
- Pembangunan Latihan dan Kompetensi.
- Urusan Perkhidmatan, Kemudahan & Hubungan Majikan-Pekerja.
- Kemajuan Kerjaya & Perancangan Penggantian.
- Pengurusan Maklumat Sumber Manusia/ HRMIS.
- Pentadbiran dan Kewangan BPSM.

Taklimat Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2021

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menganjurkan Taklimat Pengisian SKT Tahun 2021 pada 17 Februari 2021 secara maya. Taklimat ini dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan melibatkan seramai 300 orang peserta dari pelbagai Bahagian/ Jabatan/ Institusi/ Agensi di bawah KBS. Objektif utama pelaksanaan taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan mengenai proses dan kaedah penyediaan SKT bagi setiap penjawat awam terutamanya kepada pegawai lantikan baharu dan pertama kali mengisi SKT di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS).

Pengisian taklimat berkenaan dengan Pengenalan SKT, Punca kuasa dan Kepentingan Pelaksanaan SKT telah disampaikan oleh Puan Nur Fariza binti Husaini, Ketua Penolong Setiausaha, Cawangan Perkhidmatan dan Prestasi (CPP), BPSM. Seterusnya sesi diteruskan dengan penerangan mengenai Penetapan Pegawai Penilai Pertama (PPP); Proses Penyediaan SKT; Proses Penyediaan dan Garis Masa Pelaksanaan SKT; Capaian SKT dalam Sistem HRMIS; dan Komponen-komponen SKT oleh Cik Nur Ahada binti Kamaruddin dari Unit HRMIS, CPP, BPSM. Nota taklimat diedarkan melalui perkhidmatan KBS *Cloud* dan perkongsian diruangan *chat* Zoom.



Antara gambar sepanjang pelaksanaan Taklimat Pengisian SKT Tahun 2021


Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) 2021

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Kursus Kepegawaian Kementerian Belia dan Sukan (KKKBS) 2021. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib pada 22 Februari 2021 (Isnin) secara dalam talian (*online*). Kursus ini merupakan syarat wajib untuk pengesahan jawatan bagi pegawai dalam Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan (S) dan Skim Perkhidmatan Latihan (E). Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk membentuk keperibadian unggul, berkeupayaan menjadi pemikir yang mantap dan membangunkan profesionalisme dalam kalangan peserta selaras dengan visi dan misi Kementerian ini. Kursus ini telah melibatkan penyertaan seramai 80 orang pegawai terdiri dalam kalangan pegawai-pegawai dari Gred S29, S41, E29 dan E41.



• Majlis Perasmian KKKB 2021 pada 22 Februari 2021 (Isnin)

Kursus ini dilaksanakan secara dalam talian (*online*) bermula dari 22 Februari hingga 22 April 2021. KKKB 2021 ini merupakan pelaksanaan kali ke-10 sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2008. Kursus ini terbahagi kepada 5 Elemen Utama iaitu Elemen Kenegaraan, Elemen Modal Insan, Elemen Pengurusan, Elemen Kepimpinan dan Elemen Kerjaya yang dapat membantu pegawai-pegawai baharu dalam menjalankan tugas di lapangan masing-masing. Para peserta diwajibkan melaksanakan dua (2) tugas utama sepanjang sesi pelaksanaan kursus secara individu dan juga berkumpulan. Para peserta KKKB 2021 juga telah diberikan beberapa tugas sampingan bagi menyemarakkan serta merencanakan lagi pelaksanaan kursus ini. Antara tugas yang telah dilaksanakan oleh para peserta kursus sehingga 22 Mac 2021 (Isnin) adalah seperti *PLAN(T) YOUR CAREER*, *Be Unique, Be Different Challenge*, Ucapan Hari Wanita Sedunia (*International Women's Day*), *KKKB Diary 2021*, *Public Speaking* dan Aktiviti *Roll Call*.



Majlis Perasmian
KKKBS 2021 pada
22 Februari 2021 (Isnin)




Sesi Kursus



Tugasan PLAN(T) YOUR CAREER

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA TAHUN 2021

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Program Transformasi Minda (PTM) Tahun 2021 pada 2 hingga 6 Februari 2021 secara sepenuhnya dalam talian (*online*) dengan menggunakan aplikasi *Zoom Meeting*. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBrs. Hazalia binti Hassan pada 2 Februari 2021 (Selasa) secara dalam talian (*online*). Kursus PTM merupakan syarat wajib untuk pengesahan jawatan bagi pegawai dan kakitangan dalam pelbagai Skim Perkhidmatan. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk membentuk dan meningkatkan kefahaman berkenaan dengan konsep kenegaraan, sistem pentadbiran kerajaan dan peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam. Kursus ini yang julung kalinya dilaksanakan secara dalam talian melibatkan penyertaan seramai 123 orang Pegawai dan Kakitangan dalam pelbagai Skim Perkhidmatan. BPSM telah mencatat sejarah dalam penganjuran PTM di KBS dengan pertama kali melaksanakan kursus PTM secara sepenuhnya dalam talian dengan jayanya.




Sesi kursus dengan paparan penceramah



Urus Setia dan penceramah



Majlis Perasmian
PTM 2021 pada
2 Februari 2021
(Selasa)



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021


Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021 pada 12 April 2021 di Grand ballroom, Hotel Tenera Bangi. Majlis ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan. Seramai 328 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah menerima sijil penghargaan APC, sijil simpanan premium Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah Rm1,000 dan cenderahati berupa *multipurpose adaptor*, minuman isotonic dan anak pokok yang merupakan sumbangan Majlis Sukan Negara, Institut Sukan negara dan Pusat Belia Belia Antarabangsa.





LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Kewangan



PENGENALAN

Bahagian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) diterajui oleh Setiausaha Bahagian (Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred 54) yang bertanggungjawab menguruskan perbelanjaan di bawah peruntukan Belanja Mengurus (OE) secara cekap dan teratur berpandukan perancangan yang dibuat dan peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Di samping itu, Bahagian ini juga memberi khidmat sokongan kepada segala aktiviti dan program Kementerian dalam memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan teratur, cekap, berkesan dan berintegriti. Cawangan dan Unit yang menjalankan fungsi-fungsi Bahagian adalah seperti berikut:

Cawangan Perolehan: memproses sebut harga dan tender Kementerian bagi memastikan semua perolehan Kementerian adalah teratur mengikut panduan dan pekeliling yang telah ditetapkan.

Cawangan Kewangan: terdiri daripada tiga (3) seksyen iaitu:

- **Seksyen Belanjawan** yang bertanggungjawab menguruskan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) B.45 Kementerian.
- **Seksyen Akaun** bertanggungjawab menguruskan gaji, bayaran dan terimaan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) Menara KBS.
- **Seksyen Pentadbiran** bertanggungjawab menyelaras urusan-urusan penting Bahagian Kewangan.

PENCAPAIAN 2021


Peruntukan Belanja Mengurus B.45 dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2021

KBS telah diluluskan peruntukan Belanja Mengurus (B.45) tahun 2021 sebanyak **RM614,136,800.00**. Susulan pelaksanaan pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara berikutan penularan wabak pandemik Covid-19, beberapa program yang telah dirancang oleh Kementerian/Jabatan/Agensi tidak dapat dilaksanakan. Peruntukan kemas kini yang boleh dibelanjakan ialah **RM506,579,900.00** selepas mengambil kira beberapa siri sekatan berjumlah **RM107,556,900.00**.

Pecahan peruntukan mengikut Program/Aktiviti ialah:

Program/Aktiviti		Jumlah Peruntukan Mengurus Tahun 2021		
		Peruntukan Diterima (RM)	Sekatan/ Tambahan (RM)	Peruntukan Kemas Kini (RM)
PENGURUSAN				
010100	Pengurusan Am	57,149,700.00	(4,850,000.00)	56,280,725.00
010200	Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)	12,980,000.00	(2,311,200.00)	10,668,800.00
010300	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)	1,855,100.00	-	1,855,100.00
PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN				
020100	Belia dan Sukan	96,509,800.00	(1,034,500.00)	95,248,200.00
020200	Pembangunan Kemahiran Belia	189,175,400.00	(5,114,600.00)	180,802,971.00

020300	Majlis Sukan Negara (MSN)	14,000,000.00	-	14,000,000.00
020400	Institut Sukan Negara (ISN)	16,400,000.00	(202,700.00)	16,197,300.00
020500	Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD)	29,418,800.00	(1,154,900.00)	27,427,904.00
PROGRAM KHUSUS				
030100	Bertugas Luar Negara	750,000.00	(250,000.00)	500,000.00
030200	Emolumen Kakitangan Kontrak (EKK)	14,289,000.00	(275,000.00)	14,014,000.00
030300	Hari Sukan Negara	2,400,000.00	(400,000.00)	2,000,000.00
030400	Penyelenggaraan Pejabat dan Kompleks Belia dan Sukan	4,000,000.00	-	4,000,000.00
030500	Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan IKBN	6,000,000.00	-	6,000,000.00
030600	International Youth Centre (IYC)	-	-	-
030700	Selangor International Centre Sdn Bhd (SIC)	39,000,000.00	(39,000,000.00)	
030800	Program Belia dan Sukan	20,765,600.00	(3,450,000.00)	17,315,600.00
030900	Elaun Pelajar Institusi Latihan Kemahiran Belia	20,733,600.00	(4,600,000.00)	16,133,600.00
031000	Malaysia Future Leaders School (MFLS)	16,560,000.00	(9,544,200.00)	7,175,800.00
031100	Program Latihan dan Pembangunan Sukan MSN	59,000,000.00	(33,500,000.00)	25,500,000.00
031200	Penyelenggaraan Kem Wawasan Negara	2,000,000.00	-	2,000,000.00
031300	Program Kluster i-LEAD	1,535,100.00	(308,000.00)	1,227,100.00
031400	Impact Integrated (IM)	5,000,000.00	-	5,000,000.00
031500	Program Kemahiran Belia	3,114,700.00	(1,561,800.00)	1,552,900.00
ONE-OFF				
040100	Harta Modal	1,500,000.00	-	1,679,900.00
JUMLAH KESELURUHAN		614,136,800	(107,556,900.00)	506,579,900.00



Berdasarkan laporan yang dijana, prestasi perbelanjaan mengurus KBS bagi tahun 2021 adalah berjumlah **RM500,714,132.25** atau **98.84%** daripada peruntukan kemas kini sebanyak RM506,579,900.00.

Prestasi perbelanjaan mengikut program adalah seperti berikut:

Program	Peruntukan Kemas Kini (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja	Baki (RM)	% Baki
Pengurusan	68,804,625.00	67,290,899.11	97.80	1,513,725.89	2.20
Pembangunan Belia dan Sukan	333,676,375.00	330,830,024.33	99.15	2,846,350.67	0.85
Program Khusus	102,419,000.00	100,969,662.01	98.58	1,449,337.99	1.42
One Off	1,679,900.00	1,623,546.80	96.65	56,353.20	3.35
KESELURUHAN	506,579,900.00	500,714,132.25	98.84	5,865,767.75	1.16

Prestasi keseluruhan perbelanjaan mengurus sebanyak 98.84% adalah **amat baik** mengambil kira kekangan pelaksanaan program/aktiviti di peringkat Kementerian/ Jabatan/Agensi yang hanya dapat dilaksanakan secara fizikal bermula bulan September 2021 ketika negara mula memasuki Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara yang membenarkan sektor sosial dibuka secara berperingkat.

Pengurusan Perolehan

Bagi Pengurusan Perolehan, Bahagian ini bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan perolehan dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa. Selain itu, peranan Bahagian Kewangan merupakan medium perantara bagi segala urusan perolehan seperti memberikan khidmat nasihat, bantuan dan sokongan dalam memastikan pengurusan perolehan diuruskan dengan cemerlang. Selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa, semua proses perolehan bekalan/ perkhidmatan dilaksanakan sepenuhnya melalui sistem ePerolehan. Secara keseluruhan, PTJ Bahagian Kewangan, KBS telah melaksanakan perolehan melalui sistem ePerolehan melibatkan nilai perolehan berjumlah **RM90,896,110.90**. Perincian lanjut mengenai kaedah dan nilai perolehan adalah seperti berikut:

Kaedah Perolehan	Bil Perolehan	Nilai Perolehan (RM)
<i>e-Bidding</i>	0	-
<i>Government to Government</i>	8	58,309.60
Kontrak Kementerian	77	4,373,672.76
Kontrak Pusat	4	81,520.00
Pembelian Terus	827	1,417,223.88
Rundingan Terus	0	-
Sebut Harga	13	2,297,350.00
Tender Terhad	0	-
Tender Terbuka	39	82,668,110.90
JUMLAH	751	90,896,187.14

Pengurusan Pembayaran

Selain itu, Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab memproses bayaran bil kementerian bagi tahun 2021. Jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah sebanyak **3,561** bil dengan nilai keseluruhan **RM250,727,650.13**. Ringkasan laporan bil adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan Bil	Nilai Bil (RM)
Januari	224	27,636,100.38
Februari	419	36,744,003.26
Mac	318	3,064,387.65
April	433	62,600,241.55
Mei	285	4,750,213.80
Jun	184	5,520,985.22
Julai	237	4,250,368.99
Ogos	262	6,606,492.54


September	232	39,648,051.45
Oktober	350	24,954,825.22
November	602	20,628,216.37
Disember	15	14,323,763.70
JUMLAH	3,561	250,727,650.13

Sehingga 31 Disember 2021, KBS telah berjaya menyelesaikan 100% pembayaran bil-bil di bawah 14 hari.

AKTIVITI / PROGRAM

Sepanjang tahun 2021, sebanyak lima (5) siri kursus berkaitan pengurusan kewangan dan perolehan telah dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan. Antara kursus-kursus yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN



Pada 4 Mac 2021, Bahagian Kewangan telah menganjurkan satu kursus pengurusan kewangan yang dijalankan secara atas talian sepenuhnya melibatkan penyertaan seramai 378 orang peserta daripada PTJ-PTJ Kementerian. Matlamat utama kursus ini adalah untuk menyediakan platform kepada kakitangan-kakitangan KBS untuk berinteraksi secara langsung dengan Bahagian Kewangan Kementerian mengenai permasalahan pengurusan kewangan di PTJ supaya isu-isu melibatkan pengurusan kewangan dapat diselesaikan dengan cepat dan teratur.


TAKLIMAT GOVERNMENT OF MALAYSIA (GOM) PORTAL SIRI 1



Pada 24 Mac 2021, Bahagian Kewangan telah mengadakan Taklimat MAS Bersama Kementerian Belia dan Sukan (GOM Portal) yang melibatkan 24 orang pegawai dan pelaksana yang menguruskan waran penerbangan udara.

Taklimat GOM Portal ini dilaksanakan selaras dengan inisiatif MAS yang komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada penjawat awam melalui sistem penempahan tiket kapal terbang yang lebih komprehensif yang ditawarkan di dalam GOM Portal. GOM Portal juga akan menggantikan sistem tempahan tiket kapal terbang *Government Transport System*.

KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN TAHUN 2021 - SIRI 1



Kursus Pengurusan Perolehan Siri 1 Tahun 2021, KBS telah diadakan secara atas talian pada 10 November 2021. Pengisian kursus adalah merangkumi taklimat oleh pihak Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) mengenai Dasar Kenaan Cukai, Item Yang Dikenakan Cukai/ Dikecualikan Cukai dan Tatacara Permohonan Pengecualian Cukai.

Seramai 86 orang peserta (gred 29, 41 dan ke atas) telah menghadiri kursus tersebut yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di Kementerian, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Akademi Pembangunan Belia Malaysia, Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan, Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan, Pejabat Pesuruhjaya Sukan, Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia dan Pusat Belia Antarabangsa.

Secara keseluruhan, kursus ini telah menyediakan platform kepada pihak KBS untuk berinteraksi secara langsung dengan JKDM, perkongsian pengalaman oleh Bahagian/Jabatan/Agensi serta memberikan input yang berguna yang boleh diaplikasikan dalam pengurusan perolehan di Bahagian/Jabatan/Agensi.



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Pembangunan

Status Peruntukan Pembangunan (DE) KBS Bagi Tahun 2021

Sehingga 31 Disember 2021, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan (DE) KBS adalah sebanyak **RM 230,303,498.77** atau bersamaan dengan **98.54 peratus**. Prestasi DE KBS **6.54 peratus** lebih tinggi berbanding sasaran DE tahunan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iaitu **92 peratus**.

Status Peruntukan Pembangunan (DE) sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Peruntukan Dipinda (RM)	Sekatan (RM)	Belanja (RM) dan Peratus Belanja (%)
RM 233,303,498.77	RM 92,734,340	RM 230,303,498.77 (98.54%)


Pencapaian Kajian Penilaian Outcome (KPO) Program/ Projek Pembangunan

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah menetapkan sebanyak **lima (5) program/ projek** yang telah siap dan beroperasi sekurang-kurangnya dalam tempoh enam (6) bulan untuk dilaksanakan KPO. Bagi tahun 2021, pencapaian KPO KBS adalah 100% di mana kesemua projek telah dikemukakan dan dibentangkan kepada pihak ICU, JPM. Senarai program/ projek adalah seperti berikut:

Projek	Agensi/ Bahagian
Membeli Peralatan Latihan Bagi Memenuhi Keperluan Pertukaran Noss Dan Menyediakan Teknologi Terkini Di IKTBN Pagoh	Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
Pembinaan Baru Akademi Bola Sepak (Fasa II), Gambang	Majlis Sukan Negara
Kajian Indeks Budaya Sukan Malaysia (2019)	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Naik Taraf Padang Bola Sepak Sintetik Rahang	Jabatan Belia dan Sukan Negara
Naik Taraf Padang Bola Sintetik Kerteh, Terengganu	Jabatan Belia dan Sukan Negara

Status Pelaksanaan Projek Pembangunan Rolling Plan Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Pada tahun 2021, sebanyak 214 projek telah diluluskan merangkumi 145 projek sambungan dan 69 projek baharu. Daripada jumlah tersebut sebanyak 48 projek berstatus siap. Status pelaksanaan projek sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:



Status Projek	Jumlah Projek
Siap	48
Pelaksanaan	107
Perolehan	15
Perancangan	44
Jumlah	214

Pelaksanaan Mesyuarat/ Program/ Lawatan Bahagian Pembangunan Bagi Tahun 2021

Pada tahun 2021, Bahagian Pembangunan telah berjaya melaksanakan mesyuarat/ program/ lawatan seperti berikut:

Mesyuarat/ Program/ Lawatan	Jumlah
Mesyuarat Tapak, Lawatan Pemantauan Projek, Perasmian dan Pecah Tanah Projek	109
Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) Kementerian Belia Dan Sukan.	9
Mesyuarat Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT)/ Mesyuarat Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja (APK)/ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kuantiti Sementara (KKS)/ Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK)/ Mesyuarat Jawatankuasa Wang Peruntukan Sementara (WPS).	6
Mesyuarat Jawatankuasa Projek Kecil.	5
Mesyuarat <i>Contract Coordination Panel</i> (CCP).	3
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tanah (JPTK) Kementerian Belia Dan Sukan.	1

Status Pelaksanaan Projek Kecil Dan Projek Di Bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA)

Pada tahun 2021, sebanyak 101 projek telah diluluskan di bawah butiran Projek Kecil dan 64 projek di bawah butiran PEMERKASA. Status pelaksanaan Projek Kecil sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Status Projek Kecil	Jumlah Projek
Siap	97
Pelaksanaan	4
Perolehan	-
Perancangan	-
Jumlah	101

Status pelaksanaan Projek PEMERKASA sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Status Projek Kecil	Jumlah Projek
Siap	64
Pelaksanaan	-
Perolehan	-
Perancangan	-
Jumlah	64





LAPORAN *SEKTOR* PENGURUSAN

Bahagian Akaun

PENGENALAN

Bahagian Akaun ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi pejabat perakaunan di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) supaya lebih teratur, cekap dan berkesan. Mempunyai jumlah perjawatan seramai 20 orang yang diterajui oleh Ketua Akauntan gred WA54. Empat (4) seksyen yang ditubuhkan di bawah Bahagian Akaun KBS iaitu Seksyen Perakaunan Pengurusan, Seksyen Perundingan dan Pemantauan, Seksyen Perakaunan Kewangan dan Seksyen Pentadbiran Kewangan.

VISI


Peneraju perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

MISI

Menyediakan perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam yang efisien, efektif dan berkualiti tinggi.


OBJEKTIF

1. Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan kementerian.
 2. Memastikan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan kementerian diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi peraturan perakaunan dan kewangan yang berkuatkuasa.
 3. Membantu Kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
 4. Menyediakan data-data serta maklumat perakaunan yang tepat bagi penyediaan Penyata Kewangan kementerian yang berkualiti dan mengikut jadual.
 5. Memberikan khidmat nasihat yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan selaras dengan amalan terbaik
-



BIL	TAJUK	CATATAN
1	<p>Mesyuarat Berkala Yang Dipengerusikan Oleh KSU</p> <p>A) Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JPPA)</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ JPPA Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 22/06/2021 ▶ JPPA Bilangan 2 Tahun 2021 telah diadakan pada 11/11/2021 <p>B) Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau System For Government Agencies (SAGA)</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ JPPA Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 22/06/2021 ▶ JPPA Bilangan 2 Tahun 2021 telah diadakan pada 11/11/2021 	
2	<p>Naziran Terimaan di Pusat Tanggungjawab</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Akademi Kenegaraan 15 hingga 17 Mac 2021 ▶ Jabatan Belia dan Sukan WP Kuala Lumpur 18 hingga 30 Mac 2021 ▶ Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia 01 hingga 30 Ogos 2021 ▶ Institut Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (ILEAD) 26 April hingga 1 September 2021. ▶ Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia 6 hingga 22 September 2021. ▶ Jabatan Belia Sukan Negara 27 September 15 Oktober 2021. ▶ Bahagian Kewangan Kementerian Belia dan Sukan 27 Oktober hingga 12 November 2021. 	<p>Secara amnya, objektif naziran di KBS adalah bagi :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memastikan PTJ mematuhi semua peruntukan undang-undang, piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan yang berkuatkuasa; ▶ Membantu dan memberi khidmat nasihat mengenai piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan kepada PTJ bagi memastikan PTJ mengambil tindakan ke atas penemuan naziran untuk mengelakkan teguran berulang; ▶ Memantau dan membimbing secara berterusan bagi memantapkan kefahaman PTJ terhadap piawaian perakaunan serta peraturan kewangan dan perakaunan; dan ▶ Melaporkan kepada Ketua PTJ atau Pegawai Pengawal di atas apa-apa penemuan luar aturan yang matan (API38(b)(iii)).
3	<p>Latihan / Kursus Anjuran Bahagian Akaun</p> <p>A) KURSUS iGFMS (ONLINE) : MODUL ASET SIRI 1 TAHUN 2021</p> <p>Diadakan pada 5 hingga 6 Julai 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Menara KBS. Kehadiran peserta secara maya adalah seramai 20 orang yang terdiri daripada 7 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS</p>	<p>Objektif / Matlamat Kursus :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memberi pendedahan kepada fungsi-fungsi Sistem iGFMS berkaitan Perakaunan Aset. ▶ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Perakaunan dan penyesuaian Aset di Sistem iGFMS.




<p>B) KURSUS IGFMAS (ONLINE) : PERAKAUNAN ASET SIRI II (ZON TIMUR)</p> <p>Diadakan pada 11 hingga 12 Ogos 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Menara KBS. Kehadiran peserta secara maya adalah seramai 29 orang yang terdiri daripada 11 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan perakaunan aset.</p>	<p>Objektif / Matlamat Kursus :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memberi pendedahan kepada fungsi-fungsi Sistem iGFMAS berkaitan Perakaunan Aset. ▶ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Perakaunan dan penyesuaian Aset di Sistem iGFMAS.
<p>C) KURSUS IGFMAS (ONLINE) : PERAKAUNAN ASET SIRI III (ZON UTARA)</p> <p>Diadakan pada 24 hingga 25 Ogos 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada 17 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan perakaunan aset.</p>	<p>Objektif / Matlamat Kursus :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memberi pendedahan kepada fungsi-fungsi Sistem iGFMAS berkaitan Perakaunan Aset. ▶ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Perakaunan dan penyesuaian Aset di Sistem iGFMAS.
<p>D) KURSUS IGFMAS (ONLINE) : PERAKAUNAN ASET SIRI IV (ZON SELATAN)</p> <p>Diadakan pada 7 hingga 8 September 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada 23 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan perakaunan aset.</p>	<p>Objektif / Matlamat Kursus :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memberi pendedahan kepada fungsi-fungsi Sistem iGFMAS berkaitan Perakaunan Aset. ▶ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Perakaunan dan penyesuaian Aset di Sistem iGFMAS.
<p>E) KURSUS IGFMAS (ONLINE) : PERAKAUNAN ASET SIRI V (ZON SABAH & SARAWAK)</p> <p>Diadakan pada 22 hingga 23 September 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 2, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada 10 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan perakaunan aset.</p>	<p>Objektif / Matlamat Kursus :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memberi pendedahan kepada fungsi-fungsi Sistem iGFMAS berkaitan Perakaunan Aset. ▶ Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman penggunaan Modul Perakaunan dan penyesuaian Aset di Sistem iGFMAS.
<p>F) KURSUS IGFMAS : MODUL MyCOST KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN</p> <p>Diadakan pada 26 Oktober 2021 bertempat di Makmal Komputer Aras 14, Menara KBS. Kehadiran peserta adalah seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada 5 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan KBS yang terlibat secara langsung dalam perakaunan pengurusan yang menggunakan Sistem MyCost bagi merekodkan dan melaporkan maklumat pengekosan di PTJ.</p>	<p>Objektif / Matlamat Kursus :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▶ Memberi pendedahan dan gambaran keseluruhan modul dan konsep kepada pegawai di PTJ di bawah seliaan KBS mengenai perakaunan pengurusan dan sistem MyCost.



Kursus IGFMAS Bagi Modul MYCOST 26 Oktober 2021



Mesyuarat Penutup Naziran Di Bahagian Kewangan KBS




Kursus IGFMAS Modul Aset Siri 1 Tahun 2021 | 5-6 Julai 2021



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Pengurusan Maklumat





MAKLUMAT BAHAGIAN

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) merupakan bahagian di bawah Sektor Pengurusan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang memberikan khidmat sokongan teknologi maklumat secara efektif ke arah meningkatkan kualiti dan juga kepuasan pelanggan KBS.

BPM mempunyai 31 orang warga kerja di yang bertempat di Menara KBS. Memberi sokongan dan khidmat teknikal kepada semua bahagian di Menara KBS dan juga rundingan serta kerjasama kepada Agensi di bawah KBS.


Sebelum ini BPM merupakan sebuah unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan. Setelah dijadikan sebagai bahagian, BPM kini menjadi peneraju utama ICT di KBS dengan menubuhkan jawatankuasa yang berperanan memantau projek-projek ICT di KBS. Selain itu, BPM juga berperanan dalam memberikan khidmat nasihat dalam projek-projek ICT serta merancang program-program ICT bagi Kementerian dan Agensi di bawahnya.

Bergerak ke hadapan, BPM sentiasa memberikan kerjasama yang terbaik dalam menjayakan agenda pemerkasaan belia dan sukan. Pelaksanaan projek melibatkan aplikasi, infrastruktur dan juga tadbir urus adalah dirangka bagi mencapai sasaran dan aspirasi yang ditetapkan pengurusan tertinggi KBS.

MAKLUMAT PROGRAM DAN AKTIVITI

Program Kesedaran ICT

Program ini telah dilaksanakan pada 22 September 2021 secara telesidang. Ia merupakan satu inisiatif BPM bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada Warga KBS mengenai keselamatan ICT agar langkah-langkah keselamatan yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan ICT (DKICT) dapat dipatuhi serta kadar insiden melibatkan keselamatan ICT dapat dikurangkan. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Tuan Haji Fauzi bin Elham@Alhim merangkap Pengurus ICT KBS. Seramai 100 orang kakitangan ibu pejabat KBS termasuk wakil ICT dari negeri-negeri turut serta menjayakan program ini. Pelbagai siri ceramah dan juga taklimat telah disampaikan daripada pelbagai agensi bagi memberi pendedahan kepada Warga KBS.




Sesi Taklimat Dokumen Terperingkat daripada Pegawai Arkib Negara



Encik Mohammad Khairi bin Abd Aziz Moderator Kuiz Keselamatan ICT



Wakil BPM Yang Menjayakan Program Keselamatan ICT KBS



EKlinik Perkhidmatan *End-to-End* KBS

Program ini telah dilaksanakan pada 29 September 2021 secara telesidang. Program ini merupakan satu inisiatif BPM bagi memberi pendedahan dan juga mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak MAMPU berkenaan dengan inisiatif perkhidmatan secara atas talian *End-to-End* di KBS. Perkhidmatan *End-to-End* ini sejajar dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang menyasarkan peningkatan sebanyak lima peratus (5%) bagi perkhidmatan yang disediakan secara atas talian dari mula hingga akhir proses pada setiap tahun bermula 2021-2025. Program ini telah dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian dan juga Agensi di bawah KBS seramai 18 orang. EKlinik ini telah dipengerusikan oleh YBr. Tuan Abdullah bin Hasan selaku Ketua Digital Kementerian (*Chief Digital Officer*).




EKlinik E2E KBS Secara Telesidang

EKlinik Data Terbuka KBS

Program ini telah dilaksanakan pada 25 Ogos 2021 secara telesidang. Program ini merupakan inisiatif bimbingan, perkongsian pandangan serta pertanyaan secara maya yang melibatkan Seksyen Data Terbuka MAMPU bersama pembekal data Portal Data Terbuka Sektor Awam (DTSA) iaitu **Pentadbir dan Editor bagi setiap Kementerian dan Agensi di bawah KBS**. Selain itu, sesi ini bertujuan untuk mengekalkan KBS dan Agensi di bawahnya dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti set Data Terbuka bagi diterbitkan di platform Data Terbuka. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan penghasilan produk berinovasi berasaskan data serta memenuhi keperluan *data on demand* kepada pengguna. Program ini telah dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian dan juga Agensi di bawah KBS seramai 25 orang. EKlinik ini telah dipengerusikan oleh YBr. Tuan Haji Fauzi bin Elham@Alhim selaku Pengurus ICT Kementerian.

Majlis Kick Off Pelan Strategik Teknologi Maklumat KBS

Majlis ini telah berlangsung pada 15-16 Mac 2021 secara telesidang yang melibatkan semua Bahagian dan Agensi di bawah KBS. Seramai 30 orang wakil telah menghadiri majlis ini secara telesidang yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan Abdullah bin Hasan selaku Ketua Digital Kementerian (*Chief Digital Officer*). Wakil MAMPU yang diketuai oleh Ketua Perunding ICT MAMPU, Puan Siti Sapura binti Raffee turut hadir bersama secara maya bagi menjayakan majlis ini. Tujuan majlis ini adalah sebagai tanda simbolik permulaan projek pembangunan Pelan Strategik KBS bagi tempoh lima (5) tahun bermula 2021-2025. Pelan ini dibangunkan bersama-sama Agensi di bawah KBS bagi menghasilkan program-program dan juga aktiviti-aktiviti ICT melibatkan Kementerian dan Agensi dalam satu (1) dokumen yang akan dijadikan sebagai asas serta dokumen rujukan utama Kementerian.



Majlis Kick Off Pelan Strategik Teknologi Maklumat KBS 2021-2025



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan



PENGENALAN

Bahagian ini bertanggungjawab dalam hal ehwal pentadbiran am, pengurusan kualiti organisasi dan Pusat Sumber.

Fungsi


- Memberi perkhidmatan sokongan bagi pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian dari segi kemudahan ruang dan peralatan pejabat, pengurusan perhubungan dan pengangkutan dan juga perkhidmatan pengurusan acara di peringkat ibu pejabat.
- Memberi khidmat nasihat, pengurusan rekod dan dokumen terperingkat, surat-menyurat, pekeliling perkhidmatan dan keselamatan organisasi.
- Mentadbir pengurusan aset dan stor Kementerian, inventori, pelupusan dan hapus kira aset.
- Pengurusan Pusat Sumber untuk kemudahan rujukan melalui pembangunan sistem katalog dan indeks koleksi perpustakaan.
- Menguruskan perolehan berkaitan perkhidmatan sokongan untuk mencapai fungsi Bahagian.
- Sebagai urus setia jawatankuasa berkaitan inovasi dan kualiti serta pelaksanaan program pembangunan modal insan dan kemajuan pentadbiran awam Kementerian.
- Sebagai jawatankuasa yang menguruskan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di Kementerian Belia dan Sukan.

Program dan Aktiviti

Di samping menjalankan tugas hakiki harian, Bahagian ini juga telah melaksanakan beberapa program untuk mengukuhkan lagi peranan selaku peneraju pentadbiran di Kementerian.

Antara program yang dijalankan adalah seperti berikut:-

PROGRAM	PENYERTAAN
Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2021	Urus Setia BKP
Kursus Kesedaran Keselamatan Perlindungan Anjuran Kementerian Belia Dan Sukan	Urus Setia BKP dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian
Kursus Asas EKSA	Urus Setia BKP dan Ahli Jawatankuasa Ekse Kementerian
Kursus Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan	Urus Setia BKP
Kursus DDMS 2.0	Urus Setia BKP, Pegawai Rekod Jabatan dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan



• Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2021




• Kursus Asas EKSA



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Unit Komunikasi Korporat



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet berkenaan Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 61 Bil.2/2008 pada 22 September 2008 telah memutuskan pewujudan Unit Komunikasi Korporat di setiap Kementerian. Penubuhan UKK bertujuan untuk memelihara dan meningkatkan imej Kementerian melalui strategi Perhubungan Awam yang teratur serta mempromosikan acara-acara dan kempen-kempen rasmi melalui media Kerajaan.

FUNGSI

- Merancang dan melaksanakan pelan media berhubung publisiti, promosi dan kempen bagi setiap dasar, peranan, program dan aktiviti serta majlis rasmi kementerian/ agensi melalui stesen TV dan radio; bahan promosi seperti gegantung (bunting), kain rentang (banner) dan billboard; artikel untuk sisipan akbar; teks ucapan; dan program-program kementerian/agensi.
- Menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang berkaitan dengan kementerian/ agensi.
- Memantau dan memberikan respons terhadap *trend* penyebaran maklumat melalui media massa, menyediakan bahan-bahan kempen berbentuk penulisan, pelaporan, penerbitan dan montaj-montaj bersesuaian untuk dimuatkan di portal kementerian.
- Mengurus maklumat strategik mengenai analisis *trend* media dan persepsi rakyat berkaitan isu-isu semasa dikemukakan secara tepat dan konsisten dan merancang cadangan pelan intervensi untuk dikemukakan kepada pemegang taruh bagi membantu menangani isu-isu semasa secara proaktif dan berkesan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

UKK telah melaksanakan empat latihan berkaitan pengurusan media dan aduan bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai KBS dan agensi yang terlibat dalam hal ehwal korporat dan pengurusan strategik. Berikut adalah senarai kursus yang telah dilaksanakan bagi tahun 2021.


Bil	Kursus/Bengkel	Tarikh	Tempat
1	Bengkel Pengurusan Aduan	28 dan 29 Jun 2021	Secara Dalam Talian
2	Taklimat Tatacara Berhadapan Dengan Media	19 November 2021	Secara Dalam Talian
3	Kursus Komunikasi Krisis	23 November 2021	Hotel Pulse Grande, Putrajaya
4	Kursus Digital Marketing	24 November 2021	Hotel Pulse Grande, Putrajaya


PRESTASI ADUAN

UKK juga merupakan penyelaras utama aduan KBS. Jumlah aduan awam diterima menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), Biro Pengaduan Awam bagi tahun 2021 adalah sebanyak 178 kes. KBS telah mencapai sebanyak 100% penyelesaian aduan. Perincian adalah seperti berikut:

BIL	BULAN	* TERIMA	* ADUAN		DALAM TINDAKAN		SELESAI		SELESAI DALAM TEMPOH 15 HARI	
			Aduan	%	Dalam Tindakan	%	Selesai	%	Selesai	%
1	Januari	5	5	2.81	0	0.00	5	100.00	4	80.00
2	Februari	8	9	5.06	0	0.00	9	100.00	8	88.89
3	Mac	6	6	3.37	0	0.00	6	100.00	6	100.00
4	April	7	7	3.93	0	0.00	7	100.00	6	85.71
5	Mei	6	6	3.37	0	0.00	6	100.00	5	83.33
6	Jun	30	30	16.85	0	0.00	30	100.00	30	100.00
7	Julai	21	22	12.36	0	0.00	22	100.00	17	77.27
8	Ogos	12	12	6.74	0	0.00	12	100.00	12	100.00
9	September	23	23	12.92	0	0.00	23	100.00	23	100.00
10	Oktober	13	13	7.30	0	0.00	13	100.00	11	84.62
11	November	20	20	11.24	0	0.00	20	100.00	14	70.00
12	Disember	25	25	14.04	0	0.00	25	100.00	16	64.00
	Jumlah :	176	178	100.00	0	0.00	178	100.00	152	85.39

PECAHAN ADUAN DAN BUKAN ADUAN KBS BAGI TAHUN 2021





MEDIA SOSIAL KBS

Sebanyak 3,200 hebahan (*posting*) telah dibuat di media sosial rasmi KBS iaitu Facebook, Instagram dan Twitter sepanjang 2021.

LAIN-LAIN

Butiran	Pencapaian
Permohonan Logo	40
Nota Kepada Pengarang	35
Slot Wawancara TV, Radio & Akhbar	29




Yb Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu bersama media-media yang hadir





LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Unit Anti Doping Malaysia (ADAMAS)



PENGENALAN

Kerajaan Malaysia telah menandatangani Deklarasi Copenhagen terhadap Anti-Doping dalam sukan (*Copenhagen Declaration on Anti-Doping in Sport*) pada 28 November 2006 dan berkuat kuasa bermula 1 Februari 2007. Justeru itu, sebuah Organisasi Anti-Doping Kebangsaan (National Anti-Doping Organisation – NADO) harus ditubuhkan di negara yang telah menandatangani penerimaan WADC dan Konvensyen Paris.

Konvensyen ini menyediakan rangka kerja undang-undang yang membolehkan kerajaan menangani masalah doping secara spesifik yang berada di luar domain komuniti atau badan sukan. Ini dapat membantu mengiktiraf peraturan, dasar dan garis panduan anti-doping global untuk menyediakan persekitaran pertandingan yang adil dan saksama kepada semua atlet.

Susulan daripada penerimaan kod dan konvensyen tersebut, pada tahun 2006, sebuah agensi yang bertindak sebagai NADO Malaysia telah diwujudkan untuk menjalankan program anti-doping negara dan diletakkan secara pentadbiran di Institut Sukan Negara (ISN) yang dinamakan Unit Anti-Doping Malaysia.

Bagi mengelakkan konflik kepentingan terhadap fungsi di ISN, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berpandangan perlu ada agensi yang berkecuali dan bebas dari pengaruh mana-mana badan sukan atau agensi pentadbir sukan itu sendiri. KBS selaku kementerian yang bertanggungjawab telah membuat keputusan pada 24 Oktober 2008 untuk memindahkan fungsi ADAMAS dari ISN ke KBS.

Sehingga kini, Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) terus komited dan bertanggungjawab di dalam melaksanakan fungsi-fungsinya dengan misi memelihara integriti sukan bebas daripada doping dan tekun berusaha ke arah mewujudkan persaingan yang adil, sihat serta memartabatkan semangat kesukanan yang tulen dalam kalangan atlet serta secara tidak langsung memastikan negara tidak tersenarai sebagai *non-compliance state* dengan sentiasa patuh kepada *World Anti-Doping Code 2021* dan *UNESCO International Convention Against Doping in Sport*. Antara fungsi utama ADAMAS adalah:

- Bertanggungjawab dalam pembangunan dan pelaksanaan program pendidikan secara komprehensif;
- Bertanggungjawab dalam pelaksanaan ujian anti-doping yang menyeluruh di semua peringkat;
- Menjalinkan hubungan kerja yang kukuh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Penyelarasan pengecualian kepada penggunaan Terapeutik; dan Konsultasi Pengurusan Keputusan bagi kes-kes positif di dalam doping;

PELAKSANAAN PROGRAM 2021

Seminar Anti-Doping Kebangsaan 2021

Program Seminar Anti-Doping Kebangsaan 2021 dan Majlis Penerimaan Peraturan Anti-Doping ADAMAS (ADAMAS Anti-Doping Rules 2021) yang telah dilaksanakan pada 25 Oktober 2021 bertempat di Hotel Tenera, Bangi, Selangor Darul Ehsan. Objektif pengajuran program ini adalah bagi memastikan pendidikan secara berterusan mengenai Anti-Doping disampaikan dalam kalangan masyarakat sukan. Selain daripada itu, seminar ini bertujuan untuk memastikan penggunaan pelaksanaan *World Anti-Doping Code (WADC) 2021* terpakai oleh semua golongan yang berkepentingan.

Pengisian seminar ini meliputi pembentangan kertas kerja, forum dan sesi menandatangani Borang Deklarasi Penerimaan Peraturan Anti-Doping ADAMAS. Puan Azura Binti Abidin, Pengarah ADAMAS telah membentangkan Kertas Kerja yang bertajuk “Perubahan di Dalam Kod Anti-Doping Dunia 2021” manakala slot “Forum Persekitaran Bebas Doping – Tanggungjawab Siapa?” telah dikendalikan oleh Saudari Lesley Lim selaku moderator. Ahli panel yang terlibat adalah Datuk Megat M. Shariman,

Presiden Majlis Paralimpik Malaysia(MOM) dan Encik Sivarasvanan a/l Suppiah, Ketua Unit Sains Sukan dan Perubatan dari Persatuan Bola Sepak Malaysia(FAM).

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan seterusnya menjadi saksi kepada penerimaan Peraturan Anti-Doping ADAMAS 2021 oleh semua persatuan / persekutuan sukan kebangsaan Malaysia. Seramai 103 orang yang hadir melibatkan Presiden dan wakil dari Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia dan Pengurusan Tertinggi KBS serta para wartawan. Dalam masa yang sama, secara atas talian, melalui platform ADAMAS Facebook Live, seramai orang 9 orang individu yang membuat perkongsian (*share*) dan 1,400 orang yang melayari *Live Streaming* tersebut. Objektif utama ADAMAS melaksanakan program ini adalah bagi memastikan semua pemegang taruh utama khususnya persatuan / persekutuan sukan kebangsaan turut menerima dan mematuhi Kod *Anti-Doping* Dunia 2021 dan Peraturan *Anti-Doping* ADAMAS 2021 ini.

Sesi Libat Urus Pembangunan Akta Anti-Doping

Pada 8 September 2021 – 7 Oktober 2021, ADAMAS telah melaksanakan sebanyak tujuh (7) siri sesi libat urus bagi pembangunan akta anti-doping Malaysia. Empat siri (4) telah dilaksanakan secara dalam talian dan tiga (3) siri dilaksanakan secara fizikal berlandaskan pematuhan SOP COVID-19.

Hampir 1000 orang peserta telah menyertai kesemua libat urus ini melibatkan kumpulan sasaran seperti wakil EXCO sukan negeri, Jabatan / Agensi Kerajaan, Pusat Sukan IPT, Akademi Sukan, Majlis Sukan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Jabatan Belia dan Sukan Negeri, Pejabat Belia dan Sukan Daerah dan Persatuan-Persatuan Kecergasan dan Rekreasi (Kebangsaan), Pegawai Kawalan Doping + Ahli Jawatankuasa ADAMAS, *Sports Law Association Malaysia*, Institut Penimbangtara Malaysia, *Major Events Organisers*, profesional perubatan, Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Paralimpik Malaysia, jurulatih badan sukan kebangsaan dan atlet (kebangsaan/antarabangsa/rekreasi).

Objektif utama sesi libat urus ini adalah seperti berikut:

- Mendapatkan maklum balas, pandangan serta ulasan dari para pemegang taruh ADAMAS berkenaan hasrat membangunkan akta Anti-Doping Kebangsaan;
- Memastikan elemen ketelusan dalam pelaksanaan Akta Anti-Doping Kebangsaan yang bakal dikuatkuasakan boleh diterima pakai seterusnya meningkatkan keyakinan dalam kalangan pemegang taruh; dan
- Menjamin kualiti aspek perundangan yang bakal dilaksanakan dengan mengambil kira implikasi daripada pelaksanaan undang-undang tersebut di peringkat awal lagi.

Tujuh (7) Sesi Libat Urus Pembangunan Akta Anti-Doping yang telah dilaksanakan adalah :-

- Pentadbiran Anti-Doping di Rantau Asia Tenggara : 8 September 2021
- Forum Integriti dalam Sukan : 20 September 2021
- Forum Persekitaran Bebas Doping : 21 September 2021
- Forum World Anti-Doping Code 2021: Agenda Anti-Doping dalam sukan rekreasi : 24 September 2021
- Forum Anti-Doping dari Kaca Mata Penggiat Sukan : 28 September 2021
- Townhall 'Nilai, Hak dan Tanggungjawab' : 1 Oktober 2021
- Townhall 'Kesihatan dan Prestasi Tulen' : 7 Oktober 2021

ADAMAS Webinar Series dan Sesi Taklimat Pendidikan Anti-Doping dan Wawancara Television / Radio.

Sebanyak 23 siri meliputi ADAMAS Webinar Series, Sesi Ceramah / Taklimat Pendidikan *Anti-Doping* dan Wawancara Television / Radio telah dilaksanakan oleh ADAMAS khusus kepada 2581 orang atlet, jurulatih dan kumpulan sokongan atlet yang bernaung di bawah persatuan / persekutuan sukan kebangsaan. Sesi pendidikan *anti-doping* ini menekankan kepada peranan ADAMAS itu sendiri selaku National Anti-Doping Organization (NADO) di Malaysia serta memberi pendidikan dan kesedaran mengenai gejala doping yang sentiasa menular di dalam negara kita. Penceramah / ahli panel yang terlibat di dalam sesi pendidikan ADAMAS adalah terdiri daripada Pegawai ADAMAS sendiri, penggiat-penggiat sukan negara, bekas atlet Negara serta pegawai-pegawai sukan yang mempunyai kepakaran di dalam bidang doping.

23 siri sesi pendidikan ADAMAS yang telah dilaksanakan adalah :-

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH KURSUS	TEMPAT	JUMLAH PENYERTAAN	PENCERAMAH ANTI-DOPING
1	Webinar Refresher Course Educators Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)	29 Januari 2021	Zoom Meeting	30 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Mohd Hafizuddin bin Baki
2	ADAMAS Webinar Series: Sports Integrity: Is Our Sports Clean?	18 Mac 2021	Zoom Webinar	952 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Annathurai Ranganathan • Cik Lesley Lim • Encik Jayantha Kumar Sen Gupta • Encik Anil Kumar Alagu
3	Ceramah Pendidikan Anti-Doping bagi Kursus Kejurulatihan Spesifik Sukan Bina Badan Tahap 1	25 Mac 2021	International Youth Centre (IYC), Cheras	80 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref
4	Webinar Pendidikan Asas Anti-Doping	31 Mac 2021	Zoom Webinar	64 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli • Cik Azhani Hazis • Encik Abdul Syahamah • Encik Eizlan Haris • Encik Farid Izzudin
5	Webinar Pendidikan Asas Anti-Doping	9 April 2021	Zoom Webinar	82 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli • Encik Abdul Syahamah • Encik Eizlan Haris
6	Ceramah Pendidikan Anti-Doping bagi Seminar Kejurulatihan dan Pembangunan Sukan 2021	10 April 2021	Hotel Pullman, Bangsar	127 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH KURSUS	TEMPAT	JUMLAH PENYERTAAN	PENCERAMAH ANTI-DOPING
7	Webinar Education Road To Tokyo (Atlit, Jurulatih & Pengurus)	10 Mei 2021	Zoom Webinar	40 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Cik Azhani Hazis • En Zulkefli • En Abdul Syahamah
8	ADAMAS Webinar Series: What You Take, It's Your Obligation	27 Mei 2021	Zoom Webinar	223 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Prof Madya Dr Abd Halim Bin Mokhtar • Encik Dziehnan Bin Mustapa • Encik Kumar Subramaniam
9	Siri Webinar Anti-Doping (SAMCO 2021 Webinar Series: Doping In Sports.	29 Mei 2021	Facebook Live	100 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Azura binti Abidin
10	Webinar Whereabouts RTT Paralympic (Atlit, Jurulatih & Pengurus)	3 Jun 2021	Zoom Webinar	40 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Cik Azhani Hazis • Encik Zulkefli • Encik Abdul Syahamah
11	Athletes and Clean Sports: Do It The Right Way!	4 Jun 2021	Zoom Webinar	100 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Ms. Nageswary Thiagarajan
12	SAY NO TO DOPING	11-Jun-21	CISCO WEBEX MEETING	50 orang	<ul style="list-style-type: none"> • En Mohamad Hafizuddin Baki
13	Webinar Kejurulatihan Majlis Sukan Negeri Kedah Siri 1/2021	27 - 28 Jun 2021	Google Meet	250 orang	<ul style="list-style-type: none"> • En. Hafizuddin Bin Baki
14	Sesi Wawancara Radio Topik : Demi Malaysia : Anti-Doping dan Olimpik	21 Julai 2021	RAKITA FM	40 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Azhani bin Abd Hazis
15	Sesi Wawancara Televisyen Topik : Olimpik Tokyo 2020 : Menggapai Kejayaan Bebas Doping	26 Julai 2021	RTM	10 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Azura binti Abidin
16	Sesi Wawancara Radio Topik: Olimpik Tokyo 2020 Dari Kacamata ADAMAS	28 Julai 2021	BERNAMA RADIO	20 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref
17	Webinar Refresher Course Educators ADAMAS	19 Ogos 2021	Zoom Meeting	36 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref
18	Kursus Sains Sukan Tahap 1	24 Ogos 2021	Webex Meeting	64 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH KURSUS	TEMPAT	JUMLAH PENYERTAAN	PENCERAMAH ANTI-DOPING
19	Taklimat Pendidikan Asas Anti-Doping Program Pembangunan	8 Sep 2021	Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh	100 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref • Cik Azhani Hazis
20	Sesi Webinar Pendidikan Asas Anti-Doping ADAMAS Bersama PERSATUAN BOLA SEPAK MALAYSIA (FAM) Liga Malaysia 2021/2022	13 Oct 2021	Zoom Meeting	50 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref • Mr. Sivanasvaran A/L Suppiah • Encik Mohd Dzieh Bin Mustafa
21	Anti-Doping Education Webinar	24 Nov 2021	Zoom Meeting	84 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Abdul Syahamah bin Hassan
22	Ceramah Pendidikan Anti-Doping ADAMAS-Persekutuan Lawn Bowls Malaysia	4 Dec 2021	Podium KBS, Kementerian Belia dan Sukan	25 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Zulkefli bin Saref • Cik Azhani Hazis
23	Sembang Petang Pengarah ADAMAS bersama Pemain Futsal Wanita Melaka United	16 Dec 2021	Sportizza Sport of Home Subang	24 orang	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Azura binti Abidin • Cik Siti Asnidah binti Zamri

The Conference of Parties (COP) to The International Convention Against Doping In Sport

Persidangan (COP) Kepada Konvensyen Antarabangsa Menentang Doping Dalam Sukan ialah acara dwitahunan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dan dihadiri oleh negara anggota. Konvensyen ini membantu menyelaraskan undang-undang, garis panduan dan peraturan anti-doping di peringkat antarabangsa untuk menyediakan persekitaran sukan yang bersih, adil dan saksama untuk semua atlet.

COP8 memberi peluang kepada negara anggota mengetahui pencapaian secara kolektif dalam menangani beberapa isu strategik dan instrumen teras. Ini termasuk memantau pelaksanaan konvensyen, garis panduan operasi dan rangka kerja akibat ketidakpatuhan, rangka kerja perundangan model dan dana ke arah membanteras gejala doping dalam sukan.

Pengujian Kawalan Doping (In-Competition & Out-of-Competition Testing)

Ujian kawalan doping dijalankan untuk memperolehi bukti analytical samada atlet telah melanggar peraturan anti-doping iaitu *Anti-Doping Rule Violation 2.1 (Presence of prohibited substance or its metabolites or markers in an athlete's sample)* atau *Anti-Doping Rule Violation 2.2 (Use or attempted to use by an athlete of a prohibited substance or a prohibited method)*.

Sejajar dengan *World Anti-Doping Code* Artikel 5, setiap *National Anti-Doping Organization* (iaitu Unit Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)) bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan ujian kawalan doping secara bijak yang bersesuaian dengan risiko doping dalam kalangan atlet di bawah bidang kuasanya dan seterusnya mengesan dan menghalang amalan doping. Prinsip *smart-testing* digunakan bagi memastikan ujian kawalan doping dijalankan kepada atlet yang tepat, bahan yang tepat dan pada masa yang tepat (*the right athlete, the right substance at the right time*).

ADAMAS pada setiap tahun akan membangunkan *Testing Distribution Plan (TDP)* dengan menyediakan *Risk Assessment* berpandukan piawaian antarabangsa sebagai pelan perancangan pelaksanaan ujian doping (sampel urin dan darah) secara komprehensif bagi ujian dalam pertandingan (*In-Competition Testing*) dan ujian doping di luar pertandingan (*Out-of-Competition Testing*).

ADAMAS juga dilantik sebagai *Sample Collection Authority (SCA)* bagi pelaksanaan misi di bawah *International Federation (IF)* dan *Major Event Organizer (MEO)* serta bekerjasama erat bersama *International Testing Agency (ITA)* dan agensi badan sukan luar negara.

Bagi tahun 2021 sebanyak 300 ujian kawalan doping telah dilaksanakan bersama pasukan Pegawai Pengumpulan Sampel yang telah dilantik ADAMAS. Sampel ujian doping telah dihantar untuk dianalisa oleh Makmal Anti-Doping di Doha, Qatar yang merupakan salah satu daripada makmal yang diiktiraf dan diakreditasi oleh *World Anti-Doping Agency (WADA)*.

Analisa standard bagi ujian anti-doping merangkumi analisa bahan-bahan seperti *anabolic agent; peptides hormone, growth factor; beta-2 agonist; hormone and metabolic modulators; diuretics and masking agents; manipulation of blood and blood components; chemical and physical manipulation; gene and cell doping; stimulants; narcotics; cannabinoids; glucocorticoids; dan beta blockers*. Selain analisa biasa, terdapat beberapa jenis Analisa seperti Erythropoietin-Receptor Agonists (EPOs), Growth Hormone (GH) dan Growth Hormone Releasing Factors (GHRFs).

Athlete Biological Passport (ABP) merupakan salah satu cara yang sangat berkesan dalam mensasarkan ujian anti-doping yang strategik di mana ia membolehkan pengenalpastian atlet untuk ujian sasaran analisis tertentu melalui penafsiran data yang bijak, tepat pada masanya dan juga salah satu cara yang berdaya maju untuk mengaitkan atlet dalam kesalahan *Anti-doping (Anti-Doping Rule Violation 2.2: Use or attempted to use by an athlete of a prohibited substance or a prohibited method)*. Terdapat dua modul yang akan dianalisa dalam *Athlete Biological Passport (ABP)* iaitu modul *Haematological* (membolehkan mengenal pasti bahan atau kaedah terlarang yang digunakan dalam blood doping) dan modul Steroidal (membolehkan mengenal pasti penggunaan *exogenous anabolic steroid*).

ADAMAS juga bekerjasama dengan *Ghent University Laboratory* sebagai *Athlete Passport Management Unit (APMU)* yang akan membantu dan bekerjasama dengan ADAMAS dalam mentadbir data di dalam *Athlete Biological Passport (ABP)*, menasihati serta membantu ADAMAS daripada segi *intelligence* dalam menentukan ujian sasaran.

Terdapat dua (2) kes positif telah dikesan pada tahun 2021 dalam penggunaan bahan terlarang melalui ujian doping yang telah dilaksanakan.

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Anti-Doping 2021-2022

ADAMAS telah berjaya menubuhkan secara rasmi tiga (3) jawatankuasa telah ditubuhkan pada tahun 2021 bagi membantu ADAMAS di dalam memastikan urusan doping dapat diurus dengan baik dan memastikan persekitaran Negara Malaysia bebas dari gejala doping.

- **Jawatankuasa Pengurusan Keputusan** dibentuk bertujuan untuk bertanggungjawab melaksanakan sesi pendengaran dan rayuan bagi menentukan sama ada atlet atau sesiapa sahaja yang tertakluk kepada ADAMAS *Anti-Doping Rules* telah melakukan pelanggaran peraturan anti-doping (*anti-doping rules violations*) dan mengenakan tindakan selaras dengan pelanggaran tersebut. jawatankuasa ini terdiri daripada 11 orang ahli di mana terdiri daripada seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa yang berkelayakan, berpengetahuan, berkemahiran, berkepakaran dan berpengalaman luas dalam bidang perundangan (termasuk perundangan sukan), perubatan sukan, sains dan farmaseutikal di samping berpengetahuan asas di dalam bidang *anti-doping* dan telah melalui kursus Pengurusan Keputusan anjuran ADAMAS.
- **Jawatankuasa Therapeutic Use Exemptions (TUE)** pula bertujuan untuk memastikan semua urusan berhubung permohonan TUE di ADAMAS dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh individu-individu yang mempunyai kelayakkan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang perubatan sukan untuk mempertimbang dan menilai setiap permohonan TUE selaras *Guidelines for the International Standard for Therapeutic Use Exemptions (ISTUE)*. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik oleh ADAMAS dari kepelbagaian kepakaran di dalam bidang perubatan.
- **Jawatankuasa Pendidikan** pula bertujuan untuk memastikan program-program pendidikan *anti-doping* ADAMAS dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan dalam *UNESCO International Convention Against Doping in Sport, World Anti-Doping Code, dan International Standards for Education*. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tujuh (7) orang yang dilantik oleh ADAMAS yang berkelayakan, berpengetahuan, berkemahiran, berkepakaran dan berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan latihan.



Permohonan Therapeutic Use Exemptions (TUE)

Permohonan Therapeutic Use Exemptions (TUE) bagi tahun 2021 sebanyak 16 permohonan daripada atlet-atlet di Malaysia iaitu terbahagi kepada beberapa sukan iaitu :

BIL	SUKAN	PERMOHONAN
1	Silat	1
2	Menembak	2
3	Memanah	2
4	Olahraga	2
5	Petanque	1
6	Gimnastik Artistik	1
7	Terjun	1
8	Badminton	1
9	Angkat Berat	1
10	Tenpin Bowling	1
11	Para Badminton	1
12	Para Olahraga	1
13	Para Renang	1

Pengurusan Keputusan ke atas dua (2) Atlet Angkat Berat Negara

Bagi tahun 2021, ADAMAS telah menubuhkan Jawatankuasa Rayuan & Pendengaran apabila terdapat dua kes positif penyalahgunaan bahan terlarang yang melibatkan atlet Angkat Berat Negara.

NAME	IN/OUT-OF COMPETITION	SUBSTANCE FOUND	SANCTION
Muhammad Azroy Hazalwafie Izhar	Out-Of Competition	Metandienone	15 July 2021 to 16 July 2025 4 Years Suspension
Muhammad Ikram Haikal Mohd Zuari	Out-Of Competition	Metandienone	15 July 2021 to 16 July 2025 4 Years Suspension



LAPORAN *SEKTOR* PENGURUSAN

Unit Audit Dalam

PENGENALAN

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Belia dan Sukan telah ditubuhkan pada tahun 1995 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan terkini digantikan dengan Pekeliling Perbendaharaan, PS3.1. Unit ini merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan. Unit Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat nasihat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap keberkesanan operasi Kementerian selaras dengan undang-undang dan peraturan sedia ada.

MISI

Menjalankan pengauditan yang berkesan dan mengeluarkan laporan yang bebas dan objektif.

VISI

Penyumbang ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti.

OBJEKTIF


Membantu Kementerian mencapai matlamat melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan menentukan keberkesanan proses kawalan dan tadbir urus.

PERJAWATAN

Sebanyak 13 perjawatan kader dari Jabatan Audit Negara dan 4 jawatan guna sama telah ditempatkan di UAD KBS. Pengisian perjawatan sehingga 31 Disember 2021.


PENCAPAIAN UNIT AUDIT DALAM

Secara keseluruhannya pada tahun 2021, UAD KBS telah berjaya melaksanakan sebanyak 34 (113.33%) daripada 30 aktiviti pengauditan yang dirancang seperti di **Carta 1**. Jumlah pencapaian pelaksanaan pengauditan ini termasuk pengauditan khas berdasarkan arahan pengurusan tertinggi yang di luar perancangan UAD.



Carta 1: Rancangan dan Pencapaian UAD Tahun 2021

Aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021 meliputi 12 Pengauditan Pengurusan Kewangan, tiga (3) Pengauditan Prestasi, dua (2) Pengauditan Perolehan, satu (1) Pengauditan Pematuhan, lima (5) Pengauditan Mengejut, empat (4) Penampilan Audit, satu (1) Pengauditan Susulan dan enam (6) Pengauditan Khas/ Siasatan seperti di **Carta 2**.



Carta 2: Pelaksanaan Aktiviti Mengikut Jenis Pengauditan Bagi Tahun 2021

Aktiviti pengauditan turut terjejas berikutan pandemik Covid-19 yang mengekang pergerakan pasukan Audit untuk melaksanakan kerja lapangan (*audit field work*). Bagaimanapun, pihak UAD telah melaksanakan pendekatan pengauditan secara *remote/virtual* dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan yang dikemukakan melalui e-mel. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat serta pemeriksaan fizikal juga dijalankan melalui kaedah *video conferencing* untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pada tahun 2021, UAD telah menjalankan 12 pengauditan pengurusan kewangan. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan. Pengauditan ini meliputi lapan (8) aspek utama iaitu kawalan pengurusan, kawalan bajet, pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit, kawalan terimaan, pengurusan perolehan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan Kerajaan.

Sebanyak 12 pengauditan yang dijalankan berkaitan pengurusan kewangan seperti berikut:

- Kem Wawasan Negara Meru, Selangor;
- Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Klang, Selangor;
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan;
- Kompleks Rakan Muda Sukan Air dan Udara Desaru, Johor;
- Kompleks Belia dan Sukan Johor;
- Institut Kemahiran Belia Negara, Pekan;
- Kem Wawasan Negara Ulu Kenas, Perak;
- Jabatan Belia dan Sukan Negara Labuan, Sabah;
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Larut Matang, Perak;
- Pejabat Pesuruhjaya Sukan;
- Kem Wawasan Negara Kaki Bukit, Perlis; dan
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Besut, Terengganu.

Pengauditan Prestasi

Pengauditan prestasi dilaksanakan bagi menilai sejauh mana pelbagai aktiviti, program dan projek Kementerian telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengauditan yang dijalankan memberikan penekanan terhadap elemen 3E iaitu *Economy*, *Efficiency* dan *Effectiveness* bagi memastikan wujudnya akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di kalangan pegawai di Kementerian dalam menjalankan tugas seterusnya dapat mengesan wujudnya sebarang unsur-unsur pembaziran, penyalahgunaan dan penyelewengan.


Bagi tahun 2021, sebanyak tiga (3) pengauditan prestasi telah dilaksanakan seperti berikut:

- Pengauditan Perolehan Peralatan Sukan Akademi Bola Sepak Negara Fasa II, Gambang, Kuantan, Pahang;
- Pengauditan Terhadap Projek Menaik Taraf Kompleks Belia Dan Sukan Jerantut, Pahang; dan
- Pengauditan Terhadap Projek Menaik Taraf Kompleks Belia Dan Sukan Batu Uban, Pulau Pinang.

Pengauditan Perolehan

Pengauditan perolehan dijalankan bagi memastikan perolehan dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengikut amalan tadbir urus yang baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan iaitu akauntabiliti, telus, memberi nilai faedah yang baik, saingan terbuka, adil dan saksama. Sebanyak dua (2) pengauditan perolehan yang telah dijalankan seperti berikut:

- Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar, Perak; dan
- Institut Kemahiran Belia Negara Peretak, Selangor.



Pengauditan Pematuhan

Pengauditan pematuhan adalah pengauditan yang memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*) menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam yang berlaku akibat daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Sebanyak satu (1) pengauditan pematuhan yang telah dijalankan iaitu:

- Pengauditan Pengurusan Kenderaan di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua, Selangor.

Pengauditan Mengejut Dan Penampilan Audit

Pengauditan Mengejut dijalankan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil, kutipan hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga yang disimpan oleh Pejabat Kerajaan supaya diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Penampilan Audit pula adalah merupakan pengauditan yang dijalankan dari semasa ke semasa dengan memberi tumpuan kepada aspek kawalan pengurusan kewangan iaitu terimaan, perbelanjaan, aset dan stok pejabat.

UAD telah melaksanakan Pengauditan Mengejut dan Penampilan Audit terhadap sembilan (9) buah Pejabat Pemungut di bawah Kementerian. Pejabat yang terlibat adalah seperti berikut:

- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuala Selangor;
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kuala Langat;
- Pejabat Belia dan Sukan Kawasan Titiwangsa/Setiawangsa;
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Utara;
- Pejabat Belia dan Sukan Kawasan Kepong/Segambut;
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Temerloh;
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Muallim;
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Hulu Selangor; dan
- Pejabat Belia dan Sukan Daerah Port Dickson.

Pengauditan Susulan

Pengauditan susulan dilaksanakan untuk menentukan teguran dan penemuan Audit yang lalu telah dibuat penambahbaikan serta peraturan pengurusan kewangan diurus dengan teratur, dikawal dan dokumen disimpan dengan selamat. Bagi tahun 2021, UAD telah menjalankan satu (1) pengauditan susulan iaitu:

- Pengauditan Susulan Pengurusan Arah Perubahan Kerja (APK) Projek Pembinaan di Kompleks Sukan Tapah, Perak dan Kompleks Sukan Masjid Tanah, Melaka.

Pengauditan Khas/ Siasatan

Pengauditan khas adalah merupakan pengauditan yang dijalankan dari semasa ke semasa berdasarkan arahan oleh pengurusan tertinggi khususnya arahan daripada Ketua Setiausaha KBS berhubung dengan aduan/ masalah/pemantauan program/aktiviti yang dijalankan oleh pihak Kementerian/ Bahagian/Jabatan/Agensi. Bagi tahun 2021, UAD telah menjalankan sebanyak lima (5) pengauditan khas dan satu (1) siasatan seperti berikut:

BIL.	BUTIRAN
PENGAUDITAN KHAS	
1	<i>Flying Squad</i> Aset Alih – Bersama Bahagian Akaun.
2	Pengesahan Data Baki Awal Aset Alih di i-LEAD.
3	Pengesahan Data Baki Awal Aset Tak Alih (Tanah) di Menara KBS.
4	Pengesahan Data Baki Awal Aset Tak Ketara di Menara KBS.
5	Pengesahan Fizikal Terhadap Program Sambutan Hari Sukan Negara 2021.
SIASATAN	
1	Jawatankuasa Siasatan Dalam Laporan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengauditan Khas / Siasatan Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2021

Lain-Lain Aktiviti

Pada tahun 2021, UAD turut terlibat dengan lain-lain aktiviti yang telah dirancang meliputi pentadbiran, mesyuarat dan latihan serta tugas secara *ad-hoc* bagi program/aktiviti di bawah KBS. Antara lain-lain aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut

BIL.	BUTIRAN
AKTIVITI UAD	
1	Penyediaan Laporan Tahunan UAD 2020 untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia
2	Menjalankan Kursus Pengauditan Berasaskan Pengurusan Risiko untuk warga UAD
3	Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit sebanyak 3 Kali
4	Urusetia Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN)
5	Mesyuarat Maklum Balas AG's Dashboard Jabatan Audit Negara
SIASATAN	
1	Menyertai Pertandingan Hiasan Pejabat Sempena Hari Kemerdekaan Ke-64
2	Penyelarasan Gerak Kerja Malaysia <i>Vaccine Support Volunteer</i> (MyVac)

Lain-Lain Aktiviti Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2021



Pengauditan Pengurusan Perolehan Peralatan Sukan Akademi Bola Sepak Negara Fasa II, Gambang, Kuantan, Pahang | 15 Mac 2021



Pengauditan Pengurusan Kewangan Kompleks Rakan Muda Sukan Air Dan Udara Desaru | 5 hingga 8 April 2021



Hari Sukan Negeri Selangor | 9 Oktober 2021



Penampilan Audit di Port Dickson | 26 Oktober 2021



Pengauditan Terhadap Projek Menaik Taraf Kompleks Sukan Jerantut | 28 Oktober 2021



Pengauditan Perolehan Di Institut Kemahiran Belia Negara Seri Iskandar, Perak 1 dan 2 November 2021



Pengauditan Susulan Pengurusan Arahkan Perubahan Kerja Projek Pembinaan di Kompleks Sukan Tapah 25 November 2021



Pengauditan Terhadap Projek Menaiktaraf Kompleks Belia Dan Sukan Batu Uban, Pulau Pinang 22 hingga 27 November 2021



LAPORAN *SEKTOR* PENGURUSAN

Unit Integriti

MAKLUMAT UNIT

Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang telah dimandatkan. Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti dan akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh sehingga meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

MAKLUMAT PROGRAM DAN AKTIVITI

SEKSYEN PENGUKUHAN INTEGRITI, PENGURUSAN ADUAN DAN PENTADBIRAN

- Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- Melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Meniai Aduan (JMA).
- Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.

SEKSYEN TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

- Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
- Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
- Merangka, mengkoordinasi, memantau dan bertindak sebagai urus setia induk Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Kementerian bagi memastikan objektif JAR tercapai.
- Merancang dan melaksanakan pemantauan (Naziran) serta mengawal selia dalam aktiviti Tadbir Urus dan Pematuhan KBS.
- Bekerjasama dengan agensi dalaman KBS dari aspek mengkoordinasikan kempen gaya kerja berintegriti di dalam pengurusan dan pentadbiran di setiap organisasi di bawah Kementerian.

Selain itu, Seksyen Tadbir Urus dan Pematuhan juga berjaya melaksanakan mesyuarat/ aktiviti seperti :

i. Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan

Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Pemantapan Governans Integriti dan Anti-Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Kebangsaan telah menggariskan agar setiap kementerian, jabatan, agensi dan negeri dapat melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR). Objektif JAR adalah untuk:

- Meningkatkan komitmen Kerajaan dalam pembanterasan rasuah dan meningkatkan imej negara.
- Menjana sinergi dalam memastikan sistem pentadbiran Kerajaan dapat digerakkan dalam persekitaran sifar toleransi rasuah; dan

- Memperkukuh kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan berteraskan prinsip ketelusan, akauntabiliti serta berdaya saing.

Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ini telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) dengan keahlian daripada Pengurusan Tertinggi Kementerian. Pelaksanaan mesyuarat ini adalah 3 kali setahun.



Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan

ii. Sesi Kunjung Hormat Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasah Malaysia (SPRM) ke Kementerian Belia dan Sukan

YBhg. Datuk M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Seri Azam Baki, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Menara KBS, Putrajaya pada 19 April 2021.

Pada sesi perbincangan tersebut, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan dan kesefahaman berhubung inisiatif proaktif dalam merangka Program Kerjasama KBS dengan SPRM menerusi program pendidikan kesedaran berhubung tadbir urus, integriti dan anti rasuah kepada warga KBS di pelbagai peringkat termasuk Pertubuhan Belia dan Sukan.

Turut dibincangkan Majlis Pelancaran OACP KBS 2021-2025 serta Ikrar Bebas Rasuah (IBR) KBS yang akan disempurnakan oleh YB Menteri Belia dan Sukan.

YBhg. Datuk Seri Azam Baki juga turut melawat coretan aspirasi Visi Sukan Negara 2030 dan turut melontarkan pendapat dan aspirasi beliau terhadap VSN2030.

Turut hadir pada sesi kunjungan tersebut adalah YBrs. En. Abdullah Hasan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Belia dan Sukan serta YBhg. Datuk Razim bin Mohd Noor, Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM.




Ketua Pengarah SPRM Bersama Pengurusan Tertinggi KBS

iii. **Majlis Sambutan Hari Integriti dan Pelancaran Pelan AntiRasuah Organisasi (OACP) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2021**

Majlis Sambutan Hari Integriti dan Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Peringkat Kementerian Belia dan Sukan 2021 telah diadakan pada 9 November 2021 yang melibatkan kehadiran semua ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) KBS secara fizikal dan warga KBS secara dalam talian. Bagi menyemarakkan nilai-nilai integriti di kalangan warga KBS, pelbagai pengisian telah diadakan seperti **Forum Interaktif Integriti, Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh Pengurusan Tertinggi** serta **Pelancaran OACP peringkat KBS** yang diadakan secara hibrid.

YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu telah mengetuai bacaan ikrar bebas rasuah Team KBS di hadapan YBhg. Datuk Seri Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada masa yang sama, majlis pelancaran OACP ini turut melibatkan jabatan/ agensi/ syarikat di bawah KBS sebagaimana berikut:

- Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)
- Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i- LEAD)
- Majlis Sukan Negara (MSN)
- Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia (PPSM)
- Institut Sukan Negara (ISN)



- Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (PPPB)
- Perbadanan Stadium Malaysia (PSM)
- Sepang International Circuit (SIC)
- Pusat Belia Antarabangsa (IYC)

OACP telah menggariskan elemen-elemen penting yang meliputi bidang keutamaan, strategi dan inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi tempoh lima (5) tahun. Pemantauan pelaksanaan inisiatif ini akan dibuat secara berkala setiap tahun menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat KBS. Turut hadir pada program berkenaan YB Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Puan Ramona binti Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) dan Encik Abdullah bin Hasan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).



Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi Kementerian Belia dan Sukan Tahun 2021

SEKSYEN PENGESANAN, PENGESAHAN DAN TATATERTIB

- Menjadi urus setia dan melaksanakan prosedur tatatertib & surcaj untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib sehingga selesai.
- Menerima permohonan, memproses dan merekod perisytiharan harta kakitangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Belia dan Sukan dan memantau serta mengumpul maklumat perisytiharan harta kakitangan di Ibu Pejabat/ Jabatan/ Institut/ Akademi dibawah Kementerian Belia dan Sukan.
- Menerima, memproses dan mengumpul maklumat serta memantau penyertaan anggota Kementerian dalam urusan berkaitan permohonan bergiat dalam politik, kerja luar, kerja sambilan dan berniaga.
- Menerima dan memproses permohonan anggota Kementerian dalam urusan pemilikan tanah secara diberimilik oleh kerajaan.
- Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.
- Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab.

Selain itu, Seksyen Pengesanan, Pengesahan dan Tatatertib juga berjaya melaksanakan aktiviti seperti :


Bil	Kursus/Bengkel	Tarikh	Tempat
1	Kursus Pengurusan Tatatertib KBS Tahun 2021	7 hingga 9 April 2021	Hotel Movenpick, Sepang, Selangor
2	Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 1 Tahun 2021	30 Mac 2021	Secara hybrid bertempat di Pusat Sumber KBS, Aras 4 Menara KBS dan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom Meeting serta <i>Live</i> di akaun Facebook KBSMalaysia
3	Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 2 Tahun 2021	20 Ogos 2021	Secara dalam talian melalui aplikasi Zoom Meeting dan <i>Live</i> di laman Facebook KBSMalaysia
4	Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 3 Tahun 2021	7 September 2021	secara dalam talian melalui aplikasi Zoom Meeting dan <i>Live</i> di laman Facebook KBSMalaysia
5	Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 4 Tahun 2021	9 November 2021	Secara kehadiran fizikal di Dewan Podium B, Menara KBS dan secara dalam talian melalui aplikasi Zoom Webinar dan <i>Live</i> di laman Facebook KBSMalaysia




Kursus Pengurusan Tatatertib KBS Tahun 2021



Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 1 Tahun 2021



Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 2 Tahun 2021



Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 3 Tahun 2021




Sesi Interaktif Integriti KBS Siri 4 Tahun 2021



LAPORAN SEKTOR PENGURUSAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang





Pengenalan

Pejabat Penasihat Undang-Undang mempunyai jumlah perjawatan sebanyak lima (5) orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh seorang Penasihat Undang-Undang gred L52. Secara ringkasnya fungsi-fungsi Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah seperti yang berikut:

- i. Bertanggungjawab dalam pengurusan khidmat nasihat undang-undang untuk memastikan agar khidmat nasihat undang-undang itu dapat diberikan kepada Bahagian/Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan.
- ii. Menyemak draf perjanjian, draf memorandum persefahaman domestik dan antarabangsa dan apa-apa surat cara perundangan yang dirujuk oleh Bahagian/ Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan.
- iii. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat di dalam dan luar Kementerian serta Jabatan Peguam Negara seperti yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- iv. Menyediakan jawapan-jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa persidangan dewan dalam hal undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian.
- v. Menyemak cadangan pindaan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikemukakan oleh Kementerian.
- vi. Membantu Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara dalam urusan penyediaan dokumen perbicaraan termasuk membuat kajian, mengemukakan pendapat dan berurusan secara langsung dengan Bahagian Guaman, Jabatan Peguam Negara.
- vii. Menghadiri prosiding Mahkamah dalam kes-kes yang melibatkan Kementerian sama ada mewakili Kementerian sebagai plaintif atau bertindak sebagai peguam pemerhati Kementerian (sekiranya perlu).
- viii. Memberi ceramah dan bertindak sebagai fasilitator dalam program-program melibatkan perundangan yang dianjurkan oleh Kementerian.

Aktiviti dan Pencapaian dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021

Pencapaian

■ Khidmat Nasihat dan Perundangan

Sebanyak **234** nasihat perundangan telah disediakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang kepada KBS dan agensi-agensinya di bawahnya sepanjang tahun 2021. Antara pandangan undang-undang utama yang telah diberikan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah termasuk pandangan perundangan berkenaan kertas Jemaah Menteri daripada YB Menteri Belia dan Sukan.

■ Menyemak, Menyediakan atau Menggubal Draf Perjanjian dan Memorandum Persefahaman Domestik

Sebanyak **569** perjanjian dan memorandum persefahaman domestik telah disemak atau digubal oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang sepanjang tahun 2021. Antara perjanjian-perjanjian utama yang telah disemak adalah seperti yang berikut:

- draf Perjanjian Perolehan dan Penyewaan melibatkan Kementerian/Agensi/Jabatan;
- draf *Construction Agreement* bagi projek-projek di KBS;
- pindaan kepada Perjanjian Latihan bagi Pelajar Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan pertukaran penjamin;
- draf Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia (diwakili oleh KBS) dengan syarikat-syarikat bagi pelaksanaan kerjasama untuk pelajar dan lepasan ILKBS di seluruh Malaysia.

■ **Menyemak, Menggubal dan Meluluskan Memorandum Persefahaman Antarabangsa**

Sebanyak **6** instrumen perundangan antarabangsa melibatkan KBS telah disemak atau digubal oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang sepanjang tahun 2021.


■ **Menghadiri mesyuarat di Kementerian/Agensi/Jabatan**

Sebanyak **118** mesyuarat domestik dan antarabangsa telah dihadiri melibatkan Kementerian Belia dan Sukan serta Agensi/Jabatan dibawahnya termasuk di Jabatan Peguam Negara.

■ **Undang-Undang Utama atau Perundangan Subsidiari**

Sebanyak **8** perundangan subsidiari telah digubal, disemak atau dipinda sepanjang tahun 2021 seperti yang berikut:

- draf Perintah Pembangunan Sukan (Pindaan Jadual Pertama);
- draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Jawatankuasa Pertikaian Sukan) 2021;
- draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Tatacara Dalaman Bagi Penyelesaian Pertikaian Dalam Badan Sukan) 2021;
- draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Pendaftaran Badan Sukan) 2021;
- draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Penggantungan dan Pembatalan Badan Sukan) 2021;
- draf Peraturan-Peraturan Pembangunan Sukan (Tatacara Pindaan Perlembagaan Badan Sukan) 2021;
- draf Perintah Majlis Sukan Negara (Pengubahsuaian) 2020; dan
- draf Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 [*Akta A1602*].



■ **Senarai Akta di Bawah KBS**


- Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*]
- Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [*Akta 668*]
- Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 [*Akta 29*]
- Akta Institut Sukan Negara 2011 [*Akta 729*]
- Akta Perbadanan Stadium Malaysia 2010 [*Akta 717*]
- Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 [*Akta 810*]
- Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri 1976 [*Akta 170*]



LAPORAN SEKTOR STRATEGIK

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia





MAKLUMAT JABATAN

PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) bertanggungjawab menyelia kesemua 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). ILKBS merangkumi 8 Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), 13 Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan sebuah Akedemi Kemahiran Belia Golf (AKBG).

ILKBS telah diperkenalkan pada 22 November 2016 sebagai satu inisiatif penjenamaan semula bagi menyatukan kesemua institusi latihan kemahiran di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penjenamaan ini dibuat setelah mengambil kira keperluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional atau TVET yang dilihat kian mendapat tempat di dalam agenda pembanggunan negara ketika ini.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://kemahiran.kbs.gov.my/>.

14 BIDANG | 22 INSTITUSI

CAWANGAN DI BPKB

- a) Cawangan Pengurusan Dan Kewangan
- b) Cawangan Perancangan Pembangunan Dan Penyelenggaraan
- c) Cawangan Perancangan Dan Pengurusan Prestasi
- d) Cawangan Teknikal Dan Kualiti Latihan
- e) Cawangan Kerjasama Strategik Dan Kreatif
- f) Cawangan Pengurusan Hal Ehwal Pelajar
- g) Cawangan Pembangunan Kekompetenan Belia

FUNGSI UTAMA

ILKBS memberi latihan kemahiran meliputi Tahap 1 hingga Tahap 5 di bawah Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia.

KONSEP LATIHAN

80 % LATIHAN KEMAHIRAN | 20 % BINA INSAN

70 % AMALI | 30 % TEORI

LAPORAN PENCAPAIAN UTAMA TVET KBS 2021

■ BILANGAN BELIA DAN PEKERJA INDUSTRI YANG DILATIH:

- a) Pelajar Sepenuh Masa: 9,488 orang

b) Kursus Jangka Pendek:

- i. Program Bootcamp: 160 orang
- ii. Program Star@U: 459 orang
- iii. Kampus Bandar (ICC): 1,833 orang
- iv. Kursus Modular (Akaun Amanah): 842 orang
- v. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN): 161 orang

Jumlah belia dan pekerja industri yang mengikuti Latihan TVET di KBS pada tahun 2021 adalah seramai **12,943 orang**.

- % KEBOLEHPASARAN PELAJAR ILKBS: **91.43 %**
- PURATA PENDAPATAN LEPASAN ILKBS: **RM 1,569.30**

MAKLUMAT PROGRAM DAN AKTIVITI


(TERAS STRATEGIK 3: PEMERKASAAN BIDANG TVET BERASASKAN INDUSTRI DAN PENDIGITALAN)

STRATEGI 1: TVET KBS PILIHAN UTAMA

- **WorldSkills Competition, Shanghai 2022**



Nama : Muhammad Bakri bin Mohd Nasir
Asal : Marang, Terengganu
Akademik : SPM, SKM Tahap 3
ILKBS : IKBN Wakaf Tapai
Bidang : Welding



■ Worldskills Malaysia 2021 (University Challenge)



worldskills Malaysia 2021
UNIVERSITY CHALLENGE

BIDANG MECHANICAL ENGINEERING CAD

BIL	NAMA	INSTITUT/ UNIVERSITI	PINGAT
1	MUHAMMAD ULFAN MUQARAM BIN ABDULLAH	KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA KEMAMAN	GOLD
2	MUHAMMAD SHAHRUL EFFENDY BIN ISMAIL	KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA KEMAMAN	SILVER
3	HANIF EFFENDY BIN RAHMAN	IKTNB PAGOH	BRONZE

JPK UniKL UNIVERSITI KUALA LUMPUR **TAHNIH**

worldskills Malaysia 2021
UNIVERSITY CHALLENGE

BIDANG MECHANICAL ENGINEERING CAD

BIL	NAMA	INSTITUT/ UNIVERSITI	PINGAT
9	MUHAMMAD NAUFAL BIN MOHD AZHARI	UNIKL MALAYSIA FRANCE INSTITUTE	MEDALLION FOR EXCELLENCE
10	MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD AZHARI	KOLEJ VOKASIONAL PORT DIKSON	MEDALLION FOR EXCELLENCE
11	CHAN PEI JIE	ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY AND INNOVATION	MEDALLION FOR EXCELLENCE
12	JORDAN LEONARD YEO YONG WEI	ASIA PACIFIC UNIVERSITY OF TECHNOLOGY AND INNOVATION	MEDALLION FOR EXCELLENCE
13	MUHAMMAD ASYRAF BIN ZULFIKRI	IKTNB BUKIT MERTAJAM	MEDALLION FOR EXCELLENCE

JPK UniKL UNIVERSITI KUALA LUMPUR **TAHNIH**

■ Innovation Development Through Education Activities (iDEA'21)

iDEA'21 merupakan pertandingan rekacipta dan inovasi bertujuan memupuk budaya pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan anak muda. iDEA'21 juga bertindak sebagai platform bagi mengetengahkan hasil inovasi anak-anak tempatan. Pada tahun 2021, sebanyak **38 produk inovasi** (ILKBS) yang mempunyai nilai komersial telah berjaya **didaftarkan di bawah MyIPO** (Perbadanan Harta Intelek Malaysia).

Sepanjang dua tahun pelaksanaan, sebanyak **162 projek/produk inovasi** dihasilkan dan telah melibatkan **lebih 600 peserta** dari Institusi Latihan Kemahiran Awam/Swasta dan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta.



PENYERTAAN

370

PROJEK

JOHAN KESELURUHAN KATEGORI ILKBS

IKTBN TEMERLOH

JOHAN KESELURUHAN KATEGORI TERBUKA


ADTEC MELAKA

JOHAN KATEGORI (ILKBS)

BIDANG TEKNOLOGI MEKANIKAL
IKTBN TEMERLOH
BIDANG TEKNOLOGI ELEKTRIKAL & ELEKTRONIK
IKTBN SEPANG
BIDANG TEKNOLOGI AWAM, ALAM SEKITAR & TEKNOLOGI HIJAU
IKBN JITRA
BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT & TELEKOMUNIKASI
IKBN PEKAN
BIDANG TEKNOLOGI MAKANAN
IKBN NAKA
BIDANG TEKNOLOGI REKAAN FABRIK
IKBN JITRA

JOHAN KATEGORI (TERBUKA)

BIDANG TEKNOLOGI MEKANIKAL
IKTBN TEMERLOH
BIDANG TEKNOLOGI ELEKTRIKAL & ELEKTRONIK
KOLEJ VOKSIONAL SHAS KUALA LIPIS
BIDANG TEKNOLOGI AWAM, ALAM SEKITAR & TEKNOLOGI HIJAU
ADTEC MELAKA
BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT & TELEKOMUNIKASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BIDANG TEKNOLOGI MAKANAN
KOLEJ VOKASIONAL ERT SETAPAK
BIDANG TEKNOLOGI REKAAN FABRIK
KOLEJ VOKSIONAL SUNGAI PETANI 2



■ Youth Robot Challenge 2021 (Y-RoboC'21)

Pertandingan Robotik ILKBS yang dikenali sebagai *Youth Robot Challenge* (Y-RoboC) 2021 merupakan pertandingan anjuran Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia (BPKB) yang dikelolakan oleh ILKBS. Pertandingan ini diadakan setiap tahun sebagai platform perkongsian idea, pengetahuan dan pendedahan pelajar dan pengajar dalam bidang teknologi robotik. Menyediakan ruang dan tempat kepada golongan pelajar, belia, masyarakat serta agensi luar untuk mempamerkan bakat, kemampuan dan kehebatan mereka dalam memberi saingan melalui semangat pertandingan yang sihat.



PENYERTAAN
84
PASUKAN



8KG RUMBLE & 16KG MULTIBOT



5KG TOWER CONQUER



AUTONOMOUS AGRO ROBOT

STRATEGI 2: MENINGKAT KEUPAYAAN BELIA SEBAGAI MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

■ **Bootcamp**

Program yang memberikan latihan kemahiran secara intensif selama empat sehingga empat belas minggu kepada belia massa mengikut kehendak dan keperluan industri dan disertai dengan jaminan pekerjaan. Tenaga pengajar terdiri daripada pihak industri dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti.

- Sebanyak **10 program Bootcamp** telah dilaksanakan dan seramai **158 peserta Bootcamp** telah mendapat tawaran bekerja.

■ **Skills Training At Risk @ Youth (STAR@U)**

STAR@U merupakan program alternatif kepada belia berisiko/minoriti berumur 15-30 tahun bagi mendapatkan latihan kemahiran secara modular menerusi kursus jangka pendek menggunakan kemudahan dan kepakaran sedia ada di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) seluruh negara.

- Sebanyak **41 program STAR@U** telah dilaksanakan dan **memanfaatkan 459 orang belia** tempatan.

■ **Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM)**

- BIL. PENYERTAAN PELAJAR ILKBS DALAM ANUGERAH REMAJA PERDANA (ARP): **4,431 ORANG**
- BILANGAN AKTIVITI: -
- PENTAULIAHAN: **1,359 orang**

Sebuah program bertaraf antarabangsa (diberi mandat oleh The Duke of Edinburgh's International Award Foundation) yang mengiktiraf remaja berumur 14-24 tahun dalam aktiviti yang menyumbang kepada pembentukan personaliti dan keterampilan pelajar ILKBS. Objektif ARPRM:

- a) Menyediakan diri remaja menghadapi cabaran ke arah kematangan diri dan penyerlahan potensi.
- b) Membentuk pembangunan remaja secara holistik melalui penyertaan dan pengiktirafan dalam aktiviti seimbang di bawah 4 komponen.
- c) Memupuk semangat kesukarelaan serta mengiktiraf sumbangan remaja dalam aktiviti kemasyarakatan.
- d) Meningkatkan potensi kepimpinan remaja sebagai pemimpin elit muda.

■ **Program Kemahiran Belia Autisme@ILKBS**

Program inklusiviti khas untuk belia autisme yang menggunakan pendekatan Authentic Learning dan program latihan kemahiran secara modular (latihan 3-9 bulan). Program bertujuan membantu meningkatkan potensi peserta dan membantu meningkatkan taraf ekonomi peserta melalui penawaran pekerjaan.

Aktiviti:

RIMAU CAFÉ	MYITCREW	CULLYVENTURES
BIDANG PENGURUSAN CAFE	BIDANG TEKNOLOGI MAKLUMAT	BIDANG BAKERI
3 PELAJAR	9 PELAJAR	12 PELAJAR



Program Cully Venture@ILKBS : IKTBN Sepang



Program Cully Venture@ILKBS : IKTBN Sepang



Rimau Café : Menara
KBS, Putrajaya

STRATEGI 3: MENINGKAT KUALITI LATIHAN DAN KEBERKESANAN TVET

Program TVETPRENEUR @ILKBS

Inisiatif pembangunan TVETPreneur telah dimulakan sejak tahun 2017 melalui pemerksaan ke atas Kurikulum Bidang Keusahawanan dan memperkenalkan program **Inkubator**, **Mybizhub Makerspace** dan **Keusahawanan Digital** bagi melengkapkan pengetahuan pelajar dan pelajar lepasan ILKBS untuk menceburi bidang keusahawanan.

PROGRAM INKUBATOR@ ILKBS	PROGRAM MAKERSPACE MYBIZHUB@ILKBS	KEUSAHAWANAN DIGITAL
141 PELAJAR	156 PELAJAR	Menjana jualan sebanyak RM1,581,411.92 sehingga Disember 2021

TVETPRENEUR ILKBS

INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN BELIA DAN SUKAN

"PROGRAM INI TELAH MENUKAR CARA SAYA BERFIKIR DAN MENJADIKAN SAYA LEBIH MATANG DAN BERDAYA SAING. WALAUPUN SAYA MASIH BELAJAR, SAYA SUDAH MEMULAKAN PERNIAGAAN SAYA INI SECARA SEPARUH MASA MENGGUNAKAN KEMAHIRAN YANG SAYA MILIKI"

FIKRI, PELAJAR IKTN GUSUN TUA

SAUDARA FIKRI & RAKAN MENJALANKAN PERNIAGAAN MEMBERANGKAI MENYELANGKAN UNIT PERKHIDMATAN UDARA DISERTAI KEWASIHAN LEMBAH KLANG.

<http://kemahiran.kbs.gov.my> | <https://ilkbs.my> ILKBS

PROGRAM MAKERSPACE MYBIZHUB @ILKBS 2021

Melalui Program MyBizhub Makerspace Penjaja-ILKBS saya telah berjaya mendapatkan syarikat DYANA RICH ENTERPRISE dengan purata jualan RM13,000/bulan. Saya telah adalah wakil stokis daerah kang bagi product Nimble

IKBN KUALA LANGAT

PROGRAM MAKERSPACE MYBIZHUB@ILKBS

MOHAMMAD AKRAM ZAKI BIN HASSAN

Antara kemahiran yang Akram boleh buat di kedainya seperti:

- Baik pulih ekzos kenderaan
- Upgrade Pipe ekzos
- Menjual alat parti ekzos
- Custom Piping Kenderaan
- Awning
- Buat Pager dan Grill
- Fabrikasi Legam
- Stainless Steel dan Besi

ALUMNI BAHAGIAN PEMASANGAN PAIP GAS JABATAN MEKANIKAL IKBN PEKAN

IKBS INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGERA PEKAN

Norshazmi Mohd Nor
Peserta Program Penjaja (Makerspace) IKTN Bukit Mertajam 2021

Melalui program ini, saya telah menjadi seorang usahawan dalam bidang elektrik dan telah berjaya membuka syarikat dengan 3 orang pekerja.

upskilmalaysia.gov.my

Program Inkubator 'Tailor Designer' IKBN Wakaf Tapai.

Merialisasikan Impian Peserta ke Pasaran Global

Penganjuran program 'Tailor Designer' bakal menonjolkan bakal empat orang Pereka Muda peserta Inkubator Jabatan Teknologi Tekstil, IKBN Wakaf Tapai yang bakal memasarkan pakaian ke pasaran Global. Gabungan Idea empat pereka muda iaitu Nur Asima, Nur Shafirina, Siti Athilal dan Izyan Shahirah telah menarik minat AFSM Group untuk memilih 2 koleksi rekaan peserta yang bakal dipasarkan di bawah platform marketplace Malaysia - Canada - US iaitu Secret Modest. Dengan membawa jenama **Stitch By IKBN WT** koleksi peserta ini akan di jual secara atas talian di laman web secretmodest.com. Konsep Modesty dan Couture Design akan memberi kelainan pada setiap rekaan peserta. Pelancaran koleksi pakaian dan Fashion Show akan dilancarkan pada 22.2.2022, di Kuala Lumpur. Program Inkubator memberi platform kepada peserta untuk menceburi bidang usahawan pasaran Global.


STITCH

Rokiah Shamsudin
Program Inkubator IKBN Miri, Sarawak

Taka Kik & Bunga
BAKED BY KEYE'Z

SAYA KINI BERASA BANGGA KERANA MAMPU MENJANA PENDAPATAN SENDIRI MELALUI PERNIAGAAN YANG DIBINA.

Founder Keye'z Enterprise



■ **Program MyFuture Agro@ILKBS**

Program MyFuture Agro@ILKBS ini merangkumi program tanaman, program ternakan, program penghasilan produk serta program latihan (*upskilling and reskilling*). Kesemua program agro ini bertujuan memberi ilmu dan kemahiran asas pertanian serta disokong oleh teknologi bagi meningkatkan kecekapan dan memaksimumkan hasil keluaran.

- Sebanyak **15 kursus pertanian dan penternakan** telah dilaksanakan yang melibatkan **14 ILKBS** dan seramai **190 orang belia** tempatan telah mengikuti kursus-kursus tersebut.



- **Pelantikan Pasukan Pakar Negara (Team of Expert – ToE)**
(Worldskills Competition (WSC) 2022)

BIL	NAMA	ILKBS	BIDANG
1.	NORSUHAILI BIN MOHD. YAHYA	IKBN WAKAF TAPAI	WELDING
2.	HAIRUL ANUAR BIN ZAKARIAH	IKTBN ALOR GAJAH	RESTAURANT SERVICES
3.	DJOHAN BIN HALIM	IKBN KUALA PERLIS	BRICKLAYING

STRATEGI 4: MEMPERKASA KERJASAMA STRATEGIK MELALUI KOLABORASI ANTARABANGSA, INDUSTRI DAN ALUMNI

- **Kolaborasi dan Jalinan dengan Agensi, Industri dan Alumni**
→ **259 rakan strategik** peringkat Nasional dan ILKBS dalam pelbagai bidang kemahiran.





LAPORAN **SEKTOR** **STRATEGIK**

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDS) terdiri daripada empat cawangan iaitu Cawangan Sukan, Cawangan Belia, Cawangan Strategik dan Cawangan Penyelarasan dengan kekuatan keseluruhan pegawai dan kakitangan seramai 27 orang.

BDS bertanggungjawab untuk merancang, menggubal, menyelaraskan serta memantau pelaksanaan dasar-dasar dan akta berkaitan belia dan sukan berpandukan matlamat program atau aktiviti Kementerian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, merangkumi Dasar Belia Malaysia, Dasar Sukan Negara, Visi Sukan Negara, Model Baharu Pembangunan Belia, Pelan Strategik KBS, Akta Pertubuhan Dan Pembangunan Belia 2007 dan Akta Pembangunan Sukan.

BDS juga bertanggungjawab melaporkan pelaksanaan dan pemantauan ke atas inisiatif dan dasar Kerajaan melibatkan Rancangan Malaysia, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan *Outcome-Based Budgeting* (OBB). Selain itu, BDS bertindak menyelaraskan dan mengurus Kertas Jemaah Menteri, hal ehwal Parlimen, Mesyuarat Pasca-Kabinet serta kolaborasi strategik bersama kementerian dan agensi luar.

MEMORANDUM DAN NOTA JEMAAH MENTERI


Pada tahun 2021, Kementerian telah menyediakan sebanyak lapan (8) Memorandum Jemaah Menteri (MJM) untuk diangkat bagi mendapatkan pertimbangan dan keputusan Jemaah Menteri. Antara MJM yang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri adalah Memorandum Pemakaian Kod Anti-Doping Dunia 2021 Dan ADAMAS Anti-Doping Rules 2021. Jemaah Menteri menimbangkan Memorandum daripada Kementerian dan bersetuju supaya Kerajaan secara dasar menerima pakai Kod Anti-Doping Dunia 2021 (World Anti-Doping Code 2021) selaras dengan keperluan yang ditetapkan oleh Agensi Anti-Doping Dunia (World Anti-Doping Code – WADA). Mesyuarat juga bersetuju supaya Malaysia melalui Kementerian menerima pakai Agensi Anti Doping Malaysia (ADAMAS) Anti-Doping Rules 2021. Senarai Memorandum dan Nota Jemaah Menteri yang berkaitan adalah seperti berikut :

Memorandum Jemaah Menteri

1. Pemakaian Kod Anti-Doping Dunia 2021 Dan Adamas Anti-Doping Rules 2021
2. Semakan Semula Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan
3. Lawatan Kerja Ke Tokyo, Jepun Sempena Temasya Sukan Olimpik XXXII, 22 Julai – 8 Ogos 2021 Dan Sukan Paralimpik XVI, 24 Ogos – 5 September 2021
4. Pelaksanaan Literasi Demokrasi Kepada Pengundi 18 Tahun
5. Pendirian Malaysia Dalam Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara ASEAN Dan Agensi Anti-Doping Dunia
6. Isu Penguatkuasaan Penurunan Had Umur Belia
7. Memorandum Persefahaman Antara Asean Dan World Anti- Doping Agency Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Anti-Doping
8. Permohonan Peruntukan Dana Bagi Pembiayaan Yuran Hak Penganjuran Acara Sukan Permotoran Antarabangsa Malaysia Motorcycle Grand Prix Oleh Sepang International Circuit Sdn. Bhd Bagi Tempoh Limam Tahun (2022-2026)

Nota Jemaah Menteri

1. Sambutan Hari Sukan Negara 2021
-



MODEL BAHARU PEMBANGUNAN BELIA 2030 (MBPB2030)

Pada tahun 2021, Cawangan Belia, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik memfokuskan kepada gerak kerja ke atas Pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta A1602), pembangunan Model Baharu Pembangunan Belia 2030 (MBPB2030) dan Pelan Pemerkasaan Ekonomi Belia.



Pelaksanaan MBPB2030 melibatkan beberapa siri libat urus dengan lapan (8) kumpulan sasaran belia dan kumpulan pelaksana program-program pembangunan belia iaitu Kementerian dan Agensi Persekutuan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta institusi pendidikan dan penyelidikan. MBPB2030 dibangunkan dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk memetakan perancangan bagi mempersiapkan generasi belia beridentiti Malaysia menghadapi cabaran dan perubahan masa hadapan khususnya kesan daripada pandemik COVID-19.


Bagi mencapai matlamat tersebut, model ini akan menggariskan teras utama, strategi dan inisiatif dengan sasaran keberhasilan yang lebih jelas dan perancangan yang lebih terancang dengan mengambil kira aspirasi – aspirasi belia. MBPB2030 dijangka akan dilancarkan pada bulan September 2022.

Bermula pada bulan Oktober hingga Disember 2021, sebanyak 24 sesi libat urus telah dilaksanakan secara atas talian dan fizikal. Seramai 2,947 orang telah terlibat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan belia, pakar dan pelaksana pembangunan belia seperti berikut :

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH	PERINCIAN
1	Sesi Libat Urus Bersama Ahli Kumpulan Pakar, Panel of Experts & Special Task Force	29.10.2021	Kumpulan Pakar dan Kumpulan Special Task Force
2	Sesi Libat Urus Bersama Peserta Malaysia Future Leaders School (MFLS)	05.11.2021	Peserta MFLS
3	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Perlis	11.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Perlis
4	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Kedah	11.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Kedah
5	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Pulau Pinang	13.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Pulau Pinang
6	Sesi Libat Urus Bersama Alumni Malaysia Future Leaders School (MFLS)	12.11.2021	Alumni MFLS
7	Sesi Libat Urus Bersama Belia	10 - 12.11.2021	8 kumpulan belia
8	Sesi Libat Urus Bersama Pegawai Kader & Penjawat Awam KBS Pelbagai Skim	17.11.2021	Pegawai Kader & Penjawat Awam KBS
9	Sesi Libat Urus Bersama Belia Pengajian Tinggi Siri 1	23.11.2021	Mahasiswa IPTA/IPTS
10	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Kelantan	23.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Kelantan
11	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Selangor	23.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Selangor
12	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia W.P Kuala Lumpur	23.11.2021	Pertubuhan Belia W.P Kuala Lumpur

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH	PERINCIAN
13	Sesi Libat Urus Bersama Belia Pengajian Tinggi Siri 2	24.11.2021	Mahasiswa IPTA/IPTS
14	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Sabah	25.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Sabah
15	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan	25.11.2021	Pertubuhan Belia Negeri Sembilan
16	Sesi Libat Urus Bersama Pegawai Belia dan Sukan di JBS Negeri dan PBSB	26.11.2021	Pegawai Belia dan Sukan
17	Sesi Libat Urus Bersama Belia Antarabangsa	26.11.2021	Belia Antarabangsa
18	Sesi Libat Urus Bersama Majlis Perundingan Belia W.P Labuan	27.11.2021	Pertubuhan Belia W.P Labuan
19	Sesi Libat Urus Bersama Pelajar dan Alumni TVET	30.11.2021	Pelajar ILKBS
20	Sesi Libat Urus Bersama Tenaga Pengajar/Penyedia Latihan dan Industri TVET	30.11.2021	Tenaga Pengajar, Industri dan Alumni ILKBS
21	Sesi Libat Urus Bersama Peserta Program Belia dan Sukan Siri 1	08.12.2021	Peserta Program JBSN
22	Sesi Libat Urus Bersama Atlet Muda	02.12.2021	Atlet
23	Sesi Libat Urus Bersama Kumpulan Pelaksana	21-22.12.2021	10 Kumpulan Pelaksana





KANVAS VISI SUKAN NEGARA 2030 (VSN 2030)

VSN2030 merupakan satu hala tuju baharu yang digubal bagi memacu pembangunan sukan dalam negara untuk tempoh 10 tahun bermula tahun 2021 hingga tahun 2030. Rangka strategi dan inisiatif yang dibangunkan adalah berdasarkan pandangan daripada semua pemegang taruh melalui Kanvas VSN2030.

Kanvas VSN2030 merupakan platform bagi pengumpulan aspirasi dan pandangan daripada seluruh rakyat Malaysia melalui sesi balai rakyat berlandaskan konsep 'daripada komuniti untuk komuniti'. Aspirasi dan harapan yang dikumpulkan daripada semua pemegang taruh menjadi asas kepada Kerajaan dalam merangka strategi dan inisiatif yang komprehensif.

Kanvas VSN2030 telah dilancarkan secara maya oleh YB Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican pada 7 April 2021. Kanvas VSN2030 ini berlangsung selama hampir 8 bulan bermula pada 7 April 2021 hingga 30 November 2021. Sepanjang tempoh ini, sebanyak 65 buah sesi balai rakyat telah diadakan di seluruh negara yang melibatkan penyertaan seramai 8,727 orang peserta secara fizikal dan 67,500 orang peserta secara maya. Program yang dijalankan juga telah berjaya mengumpulkan lebih 4,000 aspirasi dan cadangan merangkumi semua peringkat pemegang taruh sukan.



BENGKEL PELAN STRATEGIK 2021-2025 KBS


Bengkel Pelan Strategik 2021 – 2025 ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 1 – 3 April 2021 bertempat di Hotel Sunway Pyramid, Selangor. Bengkel ini yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk M. Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KBS telah melibatkan seramai 60 orang pegawai pengurusan tertinggi dan pegawai pengurusan dan profesional Kementerian. Ia bertujuan untuk memperhalusi dan mengemaskini hala tuju Kementerian serta mengenal pasti pendekatan dan tindakan berkesan dalam menjayakan Visi dan Misi KBS. Selain itu ia juga adalah untuk mengenal pasti fokus baharu dan pendekatan berimpak tinggi bagi pelaksanaan program-program KBS bagi tempoh lima (5) tahun supaya dapat menghasilkan outcome untuk pembangunan golongan belia dan kemajuan sukan pada masa hadapan; serta menjadi asas rujukan bagi mengenal pasti keberkesanan program-program dan melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan.



BENGKEL PERANCANGAN PROGRAM KBS TAHUN 2022

Bengkel Perancangan Program KBS Tahun 2022 ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada 1 – 3 Disember 2021 bertempat di Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA Sepang, Selangor. Bengkel yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan ini dihadiri seramai 64 orang pegawai pengurusan tertinggi dan pegawai pengurusan dan profesional Kementerian. Bengkel ini bertujuan untuk mengemas kini hala tuju serta program Kementerian berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Pelan Strategik KBS 2021 – 2025, Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030), Dasar Sukan Negara, Dasar Belia Malaysia, Model Baharu Pembangunan Belia (MBPB), Belanjawan 2022 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030). Bengkel ini juga turut mengenal pasti isu dan cabaran bagi penganjuran program-program Kementerian yang bakal dilaksanakan pada tahun 2022, seterusnya menjajarkan perancangan program, aktiviti dan projek yang lebih efektif dan efisien.





PENGGUBALAN PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN

Akta Pembangunan Sukan 1997 (Pindaan) 2018 telah diluluskan di Parlimen pada bulan April 2018, iaitu pada 3 April 2018 di Dewan Rakyat dan 4 April 2018 di Dewan Negara. Selaras dengan kelulusan pindaan tersebut, KBS perlu menyediakan peraturan-peraturan yang perlu dibaca bersama Akta 576. Objektif penyediaan peraturan ini adalah untuk menyeragamkan hala tuju sukan dan memastikan persatuan terus aktif dan melaksanakan aktiviti mengikut perlembagaan.

Sehubungan itu, KBS bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah menyediakan draf bagi lapan (8) peraturan dan pindaan kepada Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga di bawah Akta 576 seperti berikut:

- a) Perlesenan;
- b) Jawatankuasa Pertikaian Sukan;
- c) Prosedur Dalaman Penyelesaian Pertikaian Dalam Badan Sukan;
- d) Pendaftaran Badan Sukan;
- e) Penggantungan dan Pembatalan Pendaftaran Badan Sukan;
- f) Tatacara Pindaan Perlembagaan Badan Sukan;
- g) Tugas, Kuasa dan Fungsi Badan Sukan; dan
- h) Maklumat Yang Kena Diberikan.
- i) Jadual Pertama (Senarai Jenis Sukan)
- j) Jadual Kedua (Perlembagaan Badan Sukan Kebangsaan)
- k) Jadual Ketiga (Perlembagaan Badan Sukan Lain)

Peraturan Jawatankuasa Pertikaian Sukan dan Peraturan Prosedur Dalaman Penyelesaian Pertikaian Dalam Badan Sukan dalam semakan akhir oleh Jabatan Peguam Negara dan dijangka dapat diwartakan pada awal tahun 2022. Peraturan-peraturan lain sedang dalam proses pengubalan dan penambahbaikan.

PENGGUBALAN PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN

Pelan Tindakan Wanita Dalam Sukan (PTWDS) telah dilancarkan pada 9 Oktober 2022 bersempena dengan sambutan Hari Sukan Negara 2021. Pelancaran telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. PTWDS merupakan satu dokumen komprehensif menggariskan objektif, strategi dan inisiatif terancang ke arah memperkasa pembabitan dan penyertaan wanita dalam pelbagai bidang sukan ke arah menjadikan pembangunan sukan negara yang lebih inklusif dan seimbang.

Pelan ini dirangka berpandukan kepada Dasar Sukan Negara dan Akta Pembangunan Sukan 1997 dan mengandungi lima (5) teras, lapan (8) objektif, 19 strategi dan 45 inisiatif. Selaras dengan pelancaran PTWDS, Jawatankuasa Wanita Dalam Sukan telah ditubuhkan bagi merancang dan memantau pelaksanaan pelan tindakan ini. PTWDS disasarkan mampu meningkatkan pembabitan keseluruhan wanita dalam aktiviti sukan, kepimpinan dalam badan sukan dan penyertaan dalam kejurulatihan dan kepegawaian sukan.



SEKRETARIAT INDUSTRI SUKAN

PENGANJURAN BENGKEL DEFINISI INDUSTRI SUKAN

Sekretariat Industri Sukan telah menganjurkan Bengkel Definisi Industri Sukan secara atas talian pada 22 Julai 2021. Bengkel ini bertujuan untuk mendapatkan definisi industri sukan secara khusus yang mana akan diguna pakai oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan sebagai rujukan terhadap industri sukan Malaysia.

Selain daripada itu, bengkel ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada para peserta mengenai klasifikasi industri bagi industri sukan Malaysia mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia atau MSIC.

Seramai 30 orang peserta yang terdiri dari Bahagian, Jabatan dan Agensi di dalam KBS, wakil dari pelbagai Kementerian seperti Jabatan Perangkaan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelacangan, Seni dan Budaya. Terdapat juga wakil dari Persatuan Sukan Kebangsaan, Universiti tempatan dan organisasi swasta. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs Puan Ramona Binti Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan.

PERLAKSANAAN PROGRAM VAKSINASI INDUSTRI SUKAN (SPORTIVAC)

Akibat pandemic Covid 19 yang melanda negara, Sekretariat Industri Sukan dengan kerjasama Sekretariat Prihatin Kementerian Belia dan Sukan (SPIKE) telah menganjurkan Program Vaksinasi Industri Sukan. Inisiatif ini merupakan satu program yang membolehkan para penggiat ekosistem industri sukan diberi keutamaan untuk menerima vaksin.

Matlamat utama program ini adalah untuk memastikan sektor industri sukan yang terjejas akibat covid 19 dapat terus beroperasi dan membantu Program Imunisasi Covid 19 Kebangsaan dapat berjalan lancar khususnya yang melibatkan penggiat sukan.


Program Vaksinasi Industri Sukan ini telah diadakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Millenium, Kepala Batas, Pulau Pinang pada 21 Ogos 2021. Seramai 1200 orang peserta yang terdiri dari para penggiat industri sukan Pulau Pinang hadir bagi menerima suntikan vaksin. Program ini telah mendapat kerjasama dari Jabatan Belia dan Sukan Pulau Pinang dan Kementerian Kesihatan serta mendapat tajaan minuman dari 100 Plus dan Milo. Turut memeriahkan program adalah kehadiran Setiausaha Akhbar Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican.

KONVENSYEN KERJAYA INDUSTRI SUKAN 2021

Konvensyen Kerjaya Industri Sukan 2021 (KKIS) adalah merupakan program bersama yang dianjurkan oleh Sekretariat Industri Sukan (SIS) dan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD). Antara objektif penganjuran KKIS 2021 adalah untuk memperlihatkan potensi kerjaya dalam bidang industri sukan, perkongsian pandangan daripada penggiat sukan mengenai masa depan industri sukan negara di samping memberi pendedahan kepada golongan belia, pelajar universiti dan golongan Wanita terhadap industri sukan.

KKIS 2021 telah dianjurkan pada 13 November 2021 di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Terdapat dua sesi libat urus penting bersempena dengan KKIS 2021 iaitu Profesionalisme dan Kerjaya dalam Industri Sukan serta Pemerkasaan Wanita dalam Industri Sukan.

Lebih 800 orang peserta telah terlibat yang terdiri dari golongan profesional, belia, pelajar universiti, NGO, Persatuan Sukan, pemain industri dan kakitangan awam. KKIS 2021 telah berjaya memberi



pelbagai input kepada para peserta khususnya kepada golongan mahasiswa yang sedang mencari peluang bagi membina karier dalam industri sukan.

SESI LIBAT URUS PENYEDIAAN PELAN INDUK INDUSTRI SUKAN MALAYSIA (PISMA)

Sebagai salah satu KPI utama penubuhan Sekretariat Industri Sukan, Pelan Induk Industri Sukan Malaysia atau nama ringkasnya PISMA adalah merupakan perancangan hala tuju industri sukan negara ke arah ekosistem industri yang konrehensif, berdaya saing serta bersifat holistik dengan mengambil kira potensi semua penggiat industri sukan.

Jesteru itu Sesi Libat Urus Penyediaan PISMA merangkumi pelbagai perancangan serta objektif dan di antaranya adalah mendapatkan pandangan, idea, maklumat serta perkongsian input penting mengenai industri sukan dari semua pemegang taruh. Selain daripada itu, penganalisan masalah, cabaran dan halangan pihak berkepentingan perlu diambil kira dalam merumuskan PISMA serta seterusnya mencari jalan penyelesaian ke arah memperkasakan industri sukan negara.

Sesi Libat Urus Penyediaan PISMA telah diadakan pada 13 November 2021 bertempat di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur. Seramai 110 orang peserta yang terdiri dari pelbagai sektor, kepakaran dan latar belakang. Antara topik-topik yang dibentangkan semasa sesi libat urus ini adalah seperti :

- Membangunkan Ekosistem Industri yang komprehensif.
- Inisiatif dan galakan kepada industri sukan.
- Peluang pekerjaan dan kerjaya industri sukan.
- Peranan pihak swasta dalam pembangunan industri sukan negara.
- Urus tadbir industri sukan.
- Peranan NGO, masyarakat sivil dalam industri sukan.
- Meninjau kedudukan dan peranan industri sukan masakini.
- Kepimpinan sebagai pemacu dalam industri sukan.
- Produk industri sukan tempatan ke pentas antarabangsa.
- Badan bebas yang mengawal selia pembangunan industri sukan negara.

Sesi libat urus ini telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dengan pelbagai input, maklumat serta pandangan bernas dari para peserta yang terlibat. Para peserta juga berpadangan program seperti ini mampu mendekatkan para pemain industri dengan KBS dan secara tak lansung menjadi platform bagi mereka menyumbang idea serta kepakaran demi kelansungan industri sukan negara.

BENGGEL PENULISAN PELAN INDUK INDUSTRI SUKAN MALAYSIA (PISMA)

Bengkel Penulisan Pelan Induk Industri Sukan Malaysia (PISMA) adalah merupakan kesinambungan daripada Sesi Libat Urus Penyediaan PISMA yang mana hasil dapatan daripada sesi libat urus tersebut telah dijadikan panduan dan asas kepada penyediaan PISMA.

Bengkel ini telah membuka ruang kepada pengenalpastian terhadap definisi Industri sukan yang akan digunakan serta teras dan strategi utama yang perlu dikembangkan dalam penyediaan dokumen PISMA. Bengkel Penulisan PISMA ini telah diadakan pada 17 hingga 19 November 2021 di Thistle Port Dickson Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Seramai 34 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan setiap Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan terlibat dalam bengkel ini yang mana turut melibatkan 12 ahli akademik dari Universiti Teknologi MARA (UITM) yang bertindak sebagai Moderator dan Rapporteur.

Bengkel ini telah mencapai objektif penganjurannya dengan terhasilnya kerangka utama PISMA. Kerangka dokumen ini akan dikembangkan ke peringkat seterusnya dalam pembentukan PISMA yang dilihat akan memperkasakan industri sukan Malaysia ke arah yang lebih mampan, kompetitif dan berupaya melibatkan semua pemegang taruh industri sukan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Sekretariat Industri Sukan (SIS) ditubuhkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan misi untuk memacu dan memperkasakan sektor industri sukan sebagai satu sumber yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Antara peranan utama SIS adalah :

- Membangunkan Pelan Induk Industri Sukan Malaysia (PISMA) bagi menentukan hala tuju dan merancang pembangunan ekosistem industri sukan yang kondusif, mampan dan kompetitif.
- Mewujudkan Akaun Satelit Sukan bagi menentukan nilai sebenar industri sukan negara dan sumbangannya terhadap KDNK.
- Menjadi penghubung antara KBS dan pemegang taruh industri bagi mengenal pasti keperluan, pengukuhan kerjasama strategik dan meneroka peluang-peluang baru.
- Pengumpulan data-data berkaitan industri dengan pelaksanaan kajian impak ekonomi yang berasaskan industri sukan, input dari pemain industri dan kerjasama erat dengan agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.





LAPORAN **SEKTOR** **STRATEGIK**

Bahagian Hubungan Antarabangsa

PENGENALAN

Sebelum ini dikenali sebagai Cawangan Antarabangsa dan diletakkan di bawah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Program / aktiviti yang melibatkan hubungan antarabangsa turut dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) Institut Sukan Negara (ISN), Majlis Sukan Negara (MSN), Pusat Belia Antarabangsa (IYC) & Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia (IYRES) dan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD).

PROGRAM & PENCAPAIAN 2021

“VIRTUAL CONSULTATIONS DEDICATED TO THE ADLOGIC REPORTING” OLEH SEKRETARIAT ANTI-DOPING DI BAWAH UNESCO

Tarikh : 9 Februari 2021

Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 15, Menara KBS

Seramai 5 orang pegawai Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA) dan Unit Anti-Doping (ADAMAS) telah menyertai sesi libaturus oleh pihak Sekretariat Anti-Doping UNESCO. Sesi ini membantu *State Parties* termasuk Malaysia membuat persiapan ke arah pelaporan pematuhan kepada *International Convention Against Doping in Sports* bagi pusingan tahun 2020-2021 menggunakan sistem *Anti-Doping Logic* (ADLogic).




2021 FUN SPORTS IN TAIWAN INTERNATIONAL FORUM SECARA MAYA

Tarikh : 4 Mac 2021 (Khamis)

Masa : 2.00 Hingga 5.00 Petang

Seramai 20 orang pegawai KBS (Bahagian Hubungan Antarabangsa, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Pejabat Pesuruhjaya Sukan, Unit Anti-Doping & Sekretariat Industri Sukan) telah menyertai Forum tersebut. Ini adalah merupakan platform yang baik untuk warga KBS dan agensi di bawahnya di setiap peringkat mendapat pendedahan kepada pelbagai aspek pembangunan sukan yang telah dibincangkan dalam Forum bersifat antarabangsa termasuk topik pembangunan bandar melalui sukan, pengurusan acara sukan dan impak pandemik Covid-19 ke atas industri sukan.



SESI KUNJUNG HORMAT TIMBALAN PESURUHJAYA TINGGI BANGLADESH

Tarikh : 11 Mac 2021 (Khamis)
Masa : 2.00 Hingga 5.00 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 4, Menara KBS

Kunjungan hormat Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh, En. Mohammad Khorshed A. Khastagir ke atas Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Puan Ramona Mohd Razali mewakili Ketua Setiausaha KBS. Kunjungan hormat membincangkan cadangan kerjasama strategik dalam pembangunan belia bersempena sambutan ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-Bangladesh.



PRESENTATION CEREMONY OF THE JAPANESE FOREIGN MINISTER'S COMMENDATION TO BADMINTON ASSOCIATION OF MALAYSIA

Tarikh : 26 Mac 2021 (Jumaat)
Masa : 11.00 – 11.45 pagi
Tempat : Kediaman Duta Besar Jepun, Kuala Lumpur

Japanese Foreign Minister's Commendation merupakan anugerah tahunan yang diberikan kepada individu atau organisasi bagi tujuan pengiktirafan ke atas sumbangan dalam mempromosikan hubungan dua hala antara sesuatu negara dan Jepun. BAM dianugerahkan atas usaha BAM dalam mempertingkatkan hubungan antara dua negara melalui sukan secara umum dan khas melalui sukan badminton. BAM menyumbang kepada pembangunan sukan badminton di Jepun di mana jurulatih dari Malaysia melatih pemain-pemain Kebangsaan Jepun. Selain itu, pemain-pemain badminton Malaysia di bawah BAM juga berlatih di kem latihan yang dihoskan oleh Jepun dalam persiapan ke arah Temasya Olimpik 2020.

Acara telah dihadiri oleh:

- Tan Sri Mohamad Norza Zakaria – Presiden BAM dan Majlis Olimpik Malaysia;
- *First Admiral* (Rtd) Datuk Subramaniam Raman Nair – Timbalan Presiden Majlis Paralimpik Malaysia;
- Datuk Zainal Abidin Ahmad – Presiden Perodua;
- Encik Stuart Borrie – *Chief Operating Officer* Badminton World Federation;
- Puan Nur Nazirah Md Joha – Setiausaha Bahagian Hubungan Antarabangsa, KBS; dan
- Encik Arrifin Mohd Ghani – Timbalan Pesuruhjaya Sukan.




8TH SESSION OF THE CONFERENCE OF PARTIES (COP8) TO THE INTERNATIONAL CONVENTION AGAINST DOPING IN SPORT, 26-28 OKTOBER 2021

Delegasi Kementerian Belia dan Sukan yang diketuai oleh YBrs. Puan Azura binti Abidin, Pengarah ADAMAS telah menghadiri 8th Conference of Parties to the International Convention against Doping in Sports (COP8) secara maya dari 26 hingga 28 Oktober 2021. Delegasi Malaysia turut diwakili oleh Puan Afidah binti Arshad, Timbalan Delegasi Tetap Malaysia ke UNESCO yang menghadiri Persidangan COP8 tersebut secara fizikal. Persidangan COP8 yang diadakan dua tahun sekali memberi fokus kepada penilaian pencapaian International Convention against Doping in Sport (Konvensyen) sejak ia berkuatkuasa pada tahun 2005. Persidangan COP8 antara lain telah membincangkan pencapaian pematuhan Negara Anggota kepada Konvensyen bagi pusingan tahun 2020-2021, inisiatif untuk menambahbaik sistem pemantauan serta pembangunan instrumen bagi meningkatkan kapasiti modal insan dan amalan terbaik program anti-doping yang dilaksanakan di Negara Anggota. Malaysia melalui ADAMAS akan memberi komitmen sepenuhnya dalam mempertingkatkan integriti sukan di Malaysia.



ELEVENTH ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON YOUTH (SOMY-XI) DAN TENTH ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON YOUTH PLUS THREE (10TH SOMY+3)

Mesyuarat secara maya ini telah dianjurkan oleh Lao DPR & Sekretariat ASEAN dan berlangsung selama dua (2) hari iaitu bertariikh 23 September 2021 sehingga 24 September 2021. Mesyuarat telah membincangkan isu serantau, pelaporan berkaitan aktiviti belia di negara-negara anggota ASEAN (AMS) dan perbincangan mengenai Pelan Kerja ASEAN mengenai belia (*ASEAN Work Plan on Youth*) 2021-2025. Ia juga merupakan peluang dan platform perbincangan antara AMS serta rakan dialog dalam meningkatkan kerjasama belia serantau dan antarabangsa.



ASEAN MINISTERIAL MEETINGS ON SPORTS (AMMS-6) AND RELATED MEETINGS

ASEAN Ministerial Meetings on Sports and Related Meetings (AMMS-6) telah dianjurkan oleh Singapura dengan kerjasama Sekretariat ASEAN selama dua (2) hari iaitu dari 26 hingga 28 Oktober 2021 secara maya

Mesyuarat ini mensasarkan penyertaan di kalangan wakil ASEAN Ministerial Meeting on Sports (SOMS) dari setiap Negara Anggota ASEAN. Ahli Mesyuarat AMMS adalah terdiri daripada Menteri-menteri sukan yang bertanggungjawab dalam hal ehwal sukan dari Negara Anggota ASEAN. Mesyuarat telah membincangkan perkara-perkara berikut:

- *adoption* kepada ASEAN Work Plan on Sports 2021-2025 yang telah dipersetujui di peringkat *Senior Officials Meeting on Sports* (SOMS);
- potensi kerjasama dengan ASEAN *Dialogue Partners* dan *Partner Organisations* di bawah pelan kerja yang baharu;
- hala tuju dan pembangunan sukan di kalangan Negara Anggota ASEAN dan kerjasama dengan negara Jepun; dan
- pemerksaan wanita dalam bidang sukan.



EKSP0 2020 DUBAI

Ekspo 2020 Dubai yang berlangsung di Dubai, UAE ini telah berlangsung selama enam (6) bulan iaitu dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022. Penyertaan Malaysia dalam Ekspo 2020 Dubai bertujuan memberi peluang untuk mempromosikan kepakaran teknologi dan keupayaan inovasi negara di persada antarabangsa melalui platform ekspo kedua terbesar di dunia.

Penyertaan secara bersama Kementerian ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah dilaksanakan pada minggu ke-10 iaitu dari 5 hingga 11 Disember 2021 dengan bertemakan *Technopreneurship* dan *Social Entrepreneurship*. Selain itu, mengambil peluang penyertaan dalam Ekspo 2020 Dubai, seramai 25 peserta MFLS Tier-3 tahun 2020 telah terpilih bagi menyertai Delegasi KBS melalui program MFLS Go Global: Inter-Regional Future Leader's Dialogue @Dubai sempena yang diadakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) bertujuan memberikan pendedahan berkenaan pentadbiran dan pengurusan acara bertaraf global di samping bagi memberi nilai tambah kepada bakal pemimpin negara pada masa hadapan.





Seramai 25 peserta telah menyertai Ekspo Dubai yang berlangsung dari 1 Oktober 2021 hingga 31 Mac 2022



LAPORAN JABATAN

Jabatan Belia dan Sukan Negara





MAKLUMAT JABATAN

Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) merupakan sebuah jabatan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) khusus bagi melaksanakan program dan aktiviti pembangunan belia dan sukan. Diketuai oleh seorang ketua pengarah, JBSN memainkan peranan utama bagi memperkasakan pembangunan belia yang berdaya maju dan rakyat Malaysia berbudaya sukan.

Dengan kekuatan seramai 1,381 orang warga kerja di seluruh negara, JBSN terbahagi kepada beberapa bahagian merangkumi Bahagian Pembangunan Belia (BPB), Bahagian Pembangunan Sukan (BPS), Bahagian Pembangunan Rakan Muda (BPRM), Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan (P&K), Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS Negeri) dan Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM).

Sejak ditubuhkan pada tahun 2000, JBSN bergerak ke arah mencapai visi melahirkan belia sejahtera dan negara sukan serta misi menjadikan belia pemangkin negara berdaya maju dan membudayakan gaya hidup aktif melalui ekosistem sukan yang mampan. Selain itu, JBSN turut menawarkan perkhidmatan penggunaan fasiliti dan kemudahan bagi menjalankan aktiviti pembangunan belia dan sukan melalui Kompleks Belia dan Sukan (KOMBES), Kompleks Rakan Muda (KRM), Kompleks Sukan Komuniti (KSK) dan Kompleks Sukan (KS).

Bergerak ke hadapan, JBSN sentiasa proaktif di dalam menjayakan agenda pemerkasaan belia dan sukan. Pelaksanaan program dan aktiviti adalah dirangka bagi mencapai sasaran dan aspirasi yang ditetapkan pengurusan tertinggi KBS. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, layari www.jbsn.gov.my.

MAKLUMAT PROGRAM DAN AKTIVITI

BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA

Bahagian Pembangunan Belia (BPB) menjalankan fungsi menyediakan program keilmuan dan latihan kepada generasi muda yang dianjurkan bersama oleh sektor awam, sektor swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain. Selain itu, BPB juga berperanan mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah bagi membina kekuatan diri, institusi keluarga, keagamaan dan kemasyarakatan supaya generasi belia dapat berperanan dengan berkesan.

BPB juga aktif memantapkan program latihan keusahawanan dan menyediakan kemudahan serta peluang perniagaan kepada golongan belia supaya mereka mampu berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing di pasaran domestik dan global.

Tahun 2021 juga merupakan detik mencabar buat para belia kita apabila ada yang kehilangan mata pencarian, kesukaran menembusi pasaran pekerjaan dan sebagainya. Menyedari cabaran ini, pasukan BPB memainkan peranan yang signifikan bagi membantu belia yang keresahan ini. Inisiatif Skim Perantisan Nasional (SPN) menyediakan platform persediaan dan penempatan kerjaya buat belia yang memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Sepanjang 2021, 7,697 orang telah ditempatkan di rakan-rakan strategik dalam kalangan syarikat dan perniagaan yang berdaftar. BPB juga berusaha keras menjayakan program myGIC di mana ia berjaya mendaftarkan seramai 4,548 orang belia. Ternyata inisiatif-inisiatif merupakan satu penawar buat belia yang berdepan dengan cabaran untuk bangkit semula pasca pandemik COVID-19.

Selain itu, BPB juga berjaya melaksanakan program utama dan berimpak tinggi lain seperti berikut:

■ Hari Belia Negara 2021 (HBN 2021)

Bagi meraikan belia dan generasi muda, KBS menerusi JBSN telah menganjurkan sambutan Hari Belia Negara 2021 (HBN 2021). Bagi edisi 2021, HBN 2021 telah diadakan di Grand Hyatt Kuala Lumpur di mana dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. HBN 2021 juga merupakan anjuran bersama KBS menerusi JBSN dan rakan strategik utama pembangunan belia, Majlis Belia Malaysia (MBM).

HBN adalah sambutan tahunan yang bertujuan sebagai penghargaan dan pengiktirafan oleh pihak kerajaan dalam meraikan golongan belia di samping menaikkan semangat kecintaan serta patriotisme untuk terus memainkan peranan dalam agenda pembangunan masyarakat dan negara.

Selain itu, penyampaian Anugerah Perdana Belia Negara 2021 turut berlangsung ketika HBN 2021. Antara kategori yang dipertandingkan adalah pertubuhan belia, individu lelaki, individu wanita, emas remaja perdana dan anugerah khas.




Ucapan perasmian HBN 2021 disampaikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob



YAB Perdana Menteri mengaktifkan peranti digital sebagai simbolik perasmian HBN 2021



Sebahagian daripada penerima Anugerah Perdana Belia Negara 2021 (APBN 2021)



■ Felo Perdana dan Felo Korporat

Melahirkan belia dengan personaliti kepimpinan merupakan salah satu agenda JBSN. Ia bagi memastikan kesinambungan kepimpinan yang selari dengan pembangunan belia Malaysia. Antara program utama di bawah Bahagian Pembangunan Belia (BPB) adalah Felo Perdana yang melibatkan penglibatan belia secara langsung dengan pemimpin negara dan organisasi korporat.

Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada belia secara langsung dalam penggubalan dan pembentukan dasar kerajaan/ korporat. Peserta Felo Perdana akan ditempatkan sebagai perantis bersama barisan Jemaah Menteri manakala Felo Korporat pula ditempatkan di Pejabat CEO organisasi korporat.

Majlis penyerahan felo telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bertempat di Bangunan Perdana Putra, Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 13 Oktober 2021. Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu dan Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali.



YB Menteri Belia dan Sukan menyampaikan ucapan aluan dan memberikan sedikit penerangan mengenai program Felo Perdana dan Felo Korporat



Sebahagian daripada felo yang berjaya ditempatkan bersama Jemaah Menteri bagi edisi 2021



YAB Perdana Menteri hadir bagi sesi penyerahan felo kepada Jemaah Menteri

■ Sesi Libat Urus Model Baharu Pembangunan Belia 2030

Model Baharu Pembangunan Belia 2030 merupakan salah satu strategi KBS menerusi JBSN bagi menyediakan kerangka perancangan pembangunan belia bagi jangka masa panjang. Pembangunan model baharu ini sangat signifikan di dalam memberikan hala tuju pembangunan belia yang lebih segar dan mampan.

Bagi mencapai aspirasi tersebut, JBSN menerusi BPB melaksanakan sesi libat urus daripada pemegang taruh dalam kalangan belia. Sesi tersebut diadakan secara dalam talian melibatkan belia daripada seluruh negara. Para peserta berkongsi idea, pendapat dan aspirasi bagi menyediakan kerangka yang komprehensif dan holistik.

Seramai 2,988 penyertaan direkodkan bagi sesi libat urus ini di mana melibatkan pertubuhan belia, kakitangan awam dan swasta, institusi pengajian tinggi (IPT) dan seumpamanya.

■ SSEAYP Youth Conference 2021/ 2022

Salah satu program utama yang dikendalikan oleh BPB adalah program antarabangsa melibatkan belia-belia Malaysia. Berikutan sekatan perjalanan sepanjang 2021 berikutan penularan COVID-19, ia tidak menghalang BPB untuk terus terbang tinggi.

BPB giat meneruskan agenda pengantarabangsaan belia menerusi penyertaan di dalam persidangan belia antarabangsa. Antara program yang telah disertai pada 2021 adalah SSEAYP Youth Conference 2021/ 2022. Ia merupakan platform bagi membincangkan isu-isu semasa dan bagaimana mereka boleh menyumbang berkaitan isu-isu semasa ini pada masa hadapan daripada perspektif antarabangsa.

Bertemakan “Youth Engagement in Achieving SDGs: a Route Map for Change”, peserta telah berbincang dan mengupas bagaimana untuk membantu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencapai objektif *sustainable developments goals* (SDGs). Sesi turut disertai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Belia), YBrs. Dr. Zainah Shariff.



● YBrs. Dr. Zainah Shariff turut hadir berkongsi idea dan pendapat di SSEAYP Youth Conference 2021/2022



● Sebahagian daripada delegasi Malaysia yang menyertai SSEAYP Youth Conference 2021/2022

■ Webinar Profesionalisme Pekerja Belia: Pensijilan SKM kepada Pekerja Belia

Belia berkemahiran merupakan salah satu aspirasi di dalam melahirkan generasi yang berkeترampilan dan berdaya saing. Salah satu strategi adalah dengan melahirkan profesionalisme pekerja belia menerusi penerokaan kemahiran. Sehubungan itu, BPB telah menganjurkan Webinar Profesionalisme Pekerja Belia: Pensijilan SKM kepada Pekerja Belia yang bertujuan memberi pendedahan potensi menerusi sektor berkemahiran.

Program ini juga bertujuan menyerlahkan potensi belia selari dengan bidang keutamaan dalam Dasar Belia Malaysia iaitu Profesionalisme Kerja Belia. Pelaksanaan webinar ini turut bertujuan untuk memberi panduan dan pendedahan kepada golongan belia yang layak memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, 4 dan 5 melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

WEBINAR
Profesionalisme Pekerja Belia:
PENSIJILAN SKM KEPADA PEKERJA BELIA

Ucapan Perasmian: **YBhg. Dato' Dr. Hajah Wasitah binti Hj. Mohd Yusof**
Ketua Pengarah
Jabatan Belia dan Sukan Negara

Panel: **Puan Nizatunnisak binti Zaidon**
Penolong Kanan Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran

13 DISEMBER 2021 (ISNIN) 2.30 PETANG PLATFORM ZOOM

JBSNEGARA www.jbsn.gov.my



Perasmian telah disempurnakan oleh mantan Ketua Pengarah JBSN, YBhg. Dato' Dr. Hajah Wasitah Haji Mohd Yusof

Siaran langsung telah dikendalikan dari Menara KBS, Wilayah Persekutuan Putrajaya

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN (BPS)

Bahagian Pembangunan Sukan (BPS) menjalankan fungsi melaksanakan dasar dan polisi berkaitan pembangunan sukan. Berteraskan pemeraksanaan sukan untuk semua, BPS memainkan peranan meningkatkan penyertaan masyarakat dalam sukan melalui pendidikan dan amalan gaya hidup aktif. Selain itu, BPS turut berperanan mengoptimumkan penggunaan dan aksesibiliti kemudahan sukan dan rekreasi selaras dengan aspirasi pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat.

Tahun 2021 merupakan detik mencabar di mana sektor sukan dan rekreasi dikenakan sekatan berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN). BPS bertindak sebagai sekretariat di mana terlibat secara langsung bagi penyediaan SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi. Setiap kemudahan yang diberikan adalah berdasarkan pembentangan yang dijalankan BPS bagi pertimbangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sektor sukan dan rekreasi telah dibuka sepenuhnya berdasarkan SOP yang dikeluarkan MKN berkuat kuasa 7 November 2021 di mana sebanyak 33 SOP telah diwartakan melibatkan sektor sukan dan rekreasi yang turut disenaraikan di bawah Aspirasi Keluarga Malaysia 100 Hari.

Selain itu, BPS turut memainkan peranan menggerakkan JBS Negeri bagi pemantauan pematuan SOP terutamanya di fasiliti sukan dan rekreasi. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 819 lawatan pemantauan telah dijalankan di seluruh negara. Pemantauan ini adalah berdasarkan kerjasama strategik di antara JBSN dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerusi penggunaan sistem CIMS 3.0. Ternyata usaha ini memberikan ruang kepada BPS menjalankan kerja advokasi dan pemerksaan komuniti menerusi gerakan pemantauan secara terus di lapangan.

Seterusnya, BPS turut terlibat secara langsung bagi menjayakan Inisiatif Prihatin Belia dan Sukan (IPBS) di bawah Sekretariat Prihatin Belia dan Sukan (SPIKE). Terdapat dua inisiatif utama yang dikendalikan BPS iaitu Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS) dan Skim Pembiayaan Industri Sukan (SPIS). GPIS merupakan tawaran geran secara *one-off* sebanyak RM3,000.00 yang ditawarkan kepada pengusaha dan operator industri sukan dan rekreasi yang terkesan tertakluk kepada syarat dan kriteria yang ditetapkan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Sebanyak 600 kelulusan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 juta telah dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya.

Manakala SPIS pula merupakan program usaha sama di antara KBS menerusi JBSN dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi TEKUN Nasional dan Bank Rakyat. Sebanyak RM20 juta ditawarkan kepada pemain industri sukan dan rekreasi tertakluk kepada syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 163 permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM9.9 juta.

Bergerak seiring dengan penganjuran program secara norma baharu, BPS turut melaksanakan program mengikut SOP semasa yang ditetapkan MKN. Antara program utama dan berimpak tinggi lain yang telah dijalankan BPS bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

■ **Hari Sukan Negara 2021 (HSN 2021)**

Selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah “negara sukan”, KBS menerusi JBSN telah melaksanakan program Hari Sukan Negara 2021 (HSN 2021) pada 9 Oktober 2021. HSN merupakan agenda nasional yang disambut setiap Sabtu minggu kedua bulan Oktober serentak di seluruh negara.

Bagi edisi 2021, HSN peringkat kebangsaan diadakan secara hibrid dari Menara KBS, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan disiarkan secara langsung secara dalam talian. Majlis telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, YAB Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob yang turut dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Dato’ Azumu dan pengurusan tertinggi KBS.

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan mengikut SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi antaranya *pit stop* permotoran, bola jaring, korfbal, sukan tradisional, pameran agensi dan beberapa lagi. Lebih membanggakan, penyertaan bagi HSN 2021 telah merekodkan penyertaan seramai 2.6 juta orang dari seluruh negara.



YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob merasmikan HSN 2021 secara langsung dari Menara KBS, WP Putrajaya



YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan ucapan perasmian HSN 2021



YAB Perdana Menteri diiringi YB Menteri Belia dan Sukan singgah di segmen OKU melibatkan senamrobik orang kerdil

■ Persidangan Sukan Untuk Semua 2021

Salah satu fungsi yang dijalankan oleh BPS adalah pemeraksanaan sukan untuk semua. Justeru, program Persidangan Sukan untuk Semua 2021 telah diadakan pada 25 dan 26 Oktober 2021 dengan kerjasama Majlis Leisure dan Rekreasi Malaysia (MARFIMA) bertempat di Everly Hotel, Putrajaya.

Persidangan ini diadakan dengan tujuan mendidik dan mempertingkatkan pengetahuan pemegang taruh sukan, penggiat sukan dan penggerak-penggerak sukan dalam usaha memperkasakan pembudayaan sukan untuk semua dalam kalangan masyarakat dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah "negara sukan" (*Sporting Nation*).

Lebih menarik, persidangan turut melibatkan pembentangan daripada pakar-pakar rujuk pembangunan sukan untuk semua termasuklah ucapan aluan daripada wakil The Association for International Sport for All (TAFISA). Persidangan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker.



Ucapan perasmian disampaikan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker



Persidangan turut dihadiri Presiden MARFIMA, YBhg. Dato' Suroya Selamat



Sebahagian daripada delegasi yang menghadiri Persidangan Sukan untuk Semua 2021

■ Bengkel Libat Urus Penyediaan SOP Berbasikal

Salah satu fenomena yang sedang meningkat naik adalah trend berbasikal dalam kalangan masyarakat. Trend ini adalah amat baik selaras dengan hasrat JBSN di dalam memperkasakan pembangunan sukan untuk semua melalui pembudayaan sukan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa insiden atau kemalangan melibatkan aktiviti ini. Sehubungan itu, JBSN telah mengumpulkan pakar rujuk daripada kepelbagaian bidang merangkumi kesihatan, keselamatan, belia dan sukan, badan sukan, atlet dan penggiat sukan berbasikal untuk bersama membangunkan SOP berbasikal terutamanya bagi rujukan orang awam.

Bengkel telah dilaksanakan di Bangi dengan kehadiran 20 orang pakar rujuk. Resolusi ini bukan sahaja dilihat sebagai dokumen rujukan bagi pembangunan bakat di peringkat akar umbi, ia turut membantu semua pihak dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat perihal kepentingan isu keselamatan serta pematuhan SOP dalam sukan berbasikal.



Bengkel dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Sukan) ketika itu, YBrs. Tuan Mohd Azhari bin Mohammad



Presiden Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), YBhg. Datuk Abu Samah Wahab turut memberikan ucapan di majlis penutup



Pakar rujuk sukan berbasikal bergambar kenangan sejeurus berakhirnya bengkel

■ Time 2 Fit Malaysia

Selaras dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN), JBSN turut menganjurkan program secara norma baharu. Antara pembaharuan yang dilaksanakan JBSN adalah penganjuran program secara dalam talian (*online*) atau *virtual*.

Antara program utama secara *virtual* yang telah dilaksanakan pada 2021 adalah Time 2 Fit Malaysia. Pengisian utama program ini adalah aktiviti larian dan kayuhan basikal yang boleh dilakukan oleh peserta di mana-mana lokasi pilihan sama ada perkarangan taman perumahan, kawasan kerja atau taman rekreasi berdekatan.

Orang ramai boleh berdaftar di dalam talian dan melengkapkan jumlah larian atau berbasikal mengikut pilihan jarak. Jelas, program *virtual* merupakan trend terkini di Malaysia di mana program ini telah merekodkan penyertaan seramai 8,000 orang.



Poster hebahan bagi penganjuran Time 2 Fit Malaysia

■ Mega Aerobic Challenge (MAC)

JBSN juga komited bagi memperkasakan wanita dalam sukan termasuklah daripada perspektif sukan untuk semua. Salah satu daripada inisiatif di bawah “Wanita Dalam Sukan” adalah Mega Aerobic Challenge (MAC) yang telah dianjurkan pada 9 Oktober 2021 secara langsung ke seluruh negara.

MAC merupakan program kecergasan selama enam (6) jam tanpa henti yang menghimpunkan penggiat kecergasan negara. Program ini menggabungkan beberapa elemen kecergasan melibatkan pelbagai variasi antaranya *cardio dance*, *piloxing*, *kickboxing*, *bollywood* dan banyak lagi.

Disiarkan dari Menara KBS, program secara *virtual* ini berjaya mencatatkan penglibatan seramai 17,300 orang. Peserta turut terlibat menyertai program daripada kediaman masing-masing di seluruh negara. Program ini turut meraikan sambutan Hari Sukan Negara 2021 (HSN 2021) selaras dengan hasrat membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat.



Sebahagian aksi menerusi penganjuran program MAC 2021 yang disiarkan secara langsung di rangkaian media sosial KBS dan JBSN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN RAKAN MUDA

Bahagian Pembangunan Rakan Muda (BPRM) menjalankan fungsi merangka strategi pembangunan potensi dan kesukarelawanan dalam kalangan anak muda. Menerusi teras kesukarelawanan, BPRM menjalankan program dan aktiviti bagi membentuk karakter dan keperibadian anak muda bagi menyumbang kepada negara. Selain itu, BPRM juga turut bekerjasama dengan rapat bersama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terutamanya menerusi pengaktifan Sekretariat Rakan Muda (SRM) di IPT.

Tahun 2021 merupakan tempoh mencabar di mana Malaysia turut terkesan dengan penularan COVID-19. Salah satu strategi yang diaplikasikan kerajaan bagi membendung penularan COVID-19 adalah menerusi capaian imuniti kelompok. Pemberian vaksinasi menjadi agenda utama bagi memastikan Malaysia segera mencapai imuniti kelompok. Menerusi kerjasama strategik rentas kementerian, JBSN menerusi BPRM memainkan peranan utama bagi pelaksanaan program *Malaysia Vaccine Support Volunteers* (MyVAC).



● Majlis simbolik penyerahan sukarelawan MyVAC oleh mantan Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican

Poster hebahan inisiatif MyVAC

JOM SERTAI MYVAC
MALAYSIA VACCINE SUPPORT VOLUNTEERS
SUKARELAWAN BUKAN KESIHATAN

KRITERIA YANG DIPERLUKAN

- BELIA MALAYSIA BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS
- SIHAT TUBUH BADAN
- TIDAK cacat fizikal
- KOMITED DAN SANGGUP BERTUGAS MENGIKUT MASA YANG DITETAPKAN
- TIADA REKOD JENYAH DALAM DAN LUAR NEGARA
- PELUANG BERTUGAS SEPENUH MASA KEPADA BELIA YANG MENGGANGGUR ATAU TIDAK MEMPUNYAI PEKERJAAN TETAP

Elaun akan diberikan kepada Sukarelawan Bukan Kesihatan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kos makan, minum dan pengangkutan ke tempat bertugas hendaklah ditanggung sendiri oleh Sukarelawan.

LAYARI : WWW.MYVAC.COM.MY
MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI : JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KE "AMG" JAN 2021

Penugasan sukarelawan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) selaku Sukarelawan Bukan Kesihatan melancarkan operasi pemberian vaksin termasuklah di PPV Mega. Seramai 20,000 orang sukarelawan digerakkan di 427 buah PPV di seluruh negara. Ternyata penglibatan anak muda memberikan impak di dalam merealisasikan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Antara program utama dan berimpak tinggi lain yang telah dijalankan BPRM bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:



RMSBV bergambar kenangan sebelum menjalankan tugas di Stadium Sultan Ibrahim, Johor

i) **Rakan Muda Sports Bubble Volunteers (RMSBV)**

Berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN), kerajaan membenarkan sektor sukan dan rekreasi berjalan dan beroperasi mengikut SOP Am Sektor Sukan dan Rekreasi mengikut fasa tertentu.

Bagi menjayakan inisiatif pemerksaan komuniti, JBSN telah mengaktifkan *Rakan Muda Sports Bubble Volunteers (RMSBV)* bagi tujuan advokasi dan pemantauan pematuhan SOP dalam kalangan masyarakat. Sukarelawan adalah dalam kalangan belia setempat yang bertugas menjalankan pemantauan dengan seliaan JBS Negeri dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Kawasan/ Bahagian.


Sehingga 31 Disember 2022, seramai 5,802 orang sukarelawan berdaftar di seluruh negara. Inisiatif ini juga telah menjalankan lawatan pemantauan di 925 fasiliti dan kemudahan sukan dan rekreasi. Sukarelawan juga telah menjalankan sebanyak 864 lawatan pematuhan SOP di penganjuran acara-acara sukan di seluruh negara.



Petugas RMSBV mengisi borang pemeriksaan secara dalam talian bagi melaporkan skala pematuhan SOP



Sukarelawan RMSBV bertugas di pintu masuk venue sukan dan rekreasi bagi memantau pematuhan SOP



ii) Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia

Salah satu strategi pembinaan keperibadian unggul dalam kalangan belia adalah menerusi kesukarelawanan. Elemen ini mampu membina jati diri yang utuh bagi menyumbang kembali kepada masyarakat dan negara.

Bagi meraikan kesukarelawanan belia Malaysia, Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia telah disambut pada 5 Disember 2021 bersempena Hari Sukarelawan Antarabangsa. Majlis telah diadakan di Ipoh, Perak dengan penglibatan seramai 500 orang sukarelawan belia.

Selain itu, majlis juga disiarkan secara dalam talian di mana boleh diakses di seluruh negara. Merupakan agenda utama KBS, JBSN komited bagi menganjurkan dan melahirkan lebih ramai sukarelawan seterusnya menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara.



YB Dato' Seri Ahmad Faizal berucap merasmikan Hari Kesukarelawanan Belia Malaysia



YB Dato' Seri Ahmad Faizal berbual bersama ikon sukarelawan lelaki

iii) Majlis Tauliah Tahap Emas Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM)

Program ARPRM diadaptasi daripada *The Duke of Edinburgh's International Award* dengan penekanan kepada pembinaan karakter belia tanpa mengira latar belakang termasuk golongan belia NEET (*Not in Education, Employment and Training*). Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Kursus Pemimpin ARPRM, Kursus TOT ARPRM, Pemberian Bantuan Kepada Badan Operasi dan Majlis Pentauliah.

Bagi meraikan peserta yang telah berjaya memperoleh emas, satu majlis penganugerahan telah dilaksanakan pada 16 Disember 2021 bertempat di Bangi, Selangor. Majlis ini dijalankan secara hibrid di mana telah melibatkan seramai 80 orang peserta secara fizikal dan maya. Majlis telah disempurnakan mantan Ketua Pengarah JBSN, YBhg. Dato' Dr. Hajah Wasitah Haji Mohd Yusof.



Majlis Anugerah telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu

iv) Misi Sukarelawan Pasca Bencana Rakan Muda

Skuad sukarelawan Rakan Muda sentiasa bersedia bagi digerakkan menjalan misi kesukarelawanan. Inisiatif ini akan diaktifkan sekiranya berlaku sebarang bencana atau musibah antaranya banjir, tanah runtuh dan seumpamanya dengan tujuan membantu komuniti setempat yang memerlukan bantuan dan sumbangan tenaga dan keperluan hidup pasca bencana.


Berjalan di seluruh negara, program dilaksanakan oleh JBS Negeri dengan sokongan pertubuhan belia setempat termasuklah Majlis Belia Malaysia (MBM). Seramai 1,050 orang sukarelawan digerakkan bagi menyampaikan bantuan pasca bencana ke lokasi yang terlibat sama ada terus ke kediaman mangsa atau pusat pemindahan sementara (PPS).



Sukarelawan Rakan Muda menyusun sumbangan sebelum diagihkan ke PPS terlibat



Team JBSN bergambar kenangan ketika hadir menyerahkan sumbangan ke PPS di sekitar daerah Pekan



v) Rakan Muda Live! Mai Sembang

Ketika sekatan perjalanan dan aktiviti sosial dikenakan kerajaan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), program secara dalam talian kian mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Penganjuran program dana aktiviti seperti bengkel, kursus dan persidangan diadakan secara *virtual* tanpa melibatkan perkumpulan fizikal.

Dengan sasaran dalam kalangan belia, JBSN menerusi BPRM menganjurkan program bual bicara santai secara dalam talian, Rakan Muda Live! Mai Sembang. Program ini dijalankan secara bersiri yang menampilkan jemputan secara eksklusif termasuklah penampilan istimewa Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu. Dengan mengetengahkan isu perbincangan yang dekat dan segar dalam kalangan belia, beberapa personaliti turut membuat penampilan antaranya Leong Mun Yee, Soloz, Tan Bon Heong, Isa Isarb dan ramai lagi.



Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu antara yang membuat penampilan khas di Rakan Muda Live! Mai Sembang

RAKAN MUDA LIVE!
Mai Sembang
www.facebook.com/RakanMudaOfficial

Ucapan Perasmian:
YBhg Dato' Dr. Hajah Wasitah
Binti Haji Mohd Yusof
Ketua Pengerah
Jabatan Belia dan Sukan
Negara

**ASPIRASI MERDEKA:
PATRIOTIKKAH SAYA**

**25 OGOS 2021 (RABU)
8:30 MALAM**

Anjuran:
KBS, SPM, MZG

Moderator
Mohammad Shukeri
Drahman

Panel
Tan Bon Heong
Bekas Atlet Badminton
Negara

Panel
Mohamad Fauzi Acho
Penerima Emas
Anugerah Remaja Perdana
Rakan Muda


Panel
Jeevithan
P. Ganasan
Aktivitis & Usahawan
Sosial

Bekas pemain beregu badminton negara, Tan Bon Heong antara yang pernah muncul di Rakan Muda Live! Mai Sembang



LAPORAN JABATAN

*Institut Pembangunan Kecemerlangan
Kepimpinan (I-Lead)*



PENGENALAN i-LEAD

LATAR BELAKANG

Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) merupakan sebuah institusi yang menyediakan platform khusus bagi pembentukan *future-ready leaders* yang akan menjadi tonggak kepimpinan pada masa hadapan. Ia juga berfungsi untuk melatih, membangun dan menyerlahkan potensi belia berteraskan lima (5) elemen iaitu kepimpinan, kenegaraan, pembangunan watak dan jati diri, keusahawanan dan kesukarelawanan. Elemen kepimpinan adalah meningkatkan kemahiran dan nilai kepimpinan dalam kalangan belia. Elemen kenegaraan pula adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan sistem pemerintahan negara. Pembangunan watak dan jati diri adalah untuk membentuk perwatakan yang positif melalui pembinaan jati diri yang mantap. Elemen keusahawanan adalah memupuk semangat dan sikap suka membantu dalam perkara kebaikan, dan terakhir Kesukarelawanan bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dari segi teori, prinsip dan praktikal berkaitan keusahawanan.

VISI

Peneraju kecemerlangan kepimpinan belia dan kenegaraan

MISI

Membangunkan pemimpin belia yang holistik dan unggul ke arah negara sejahtera

MOTO

Menerajui Kecemerlangan

FUNGSI

i-LEAD mempunyai enam (6) fungsi utama dalam membangunkan pemimpin belia iaitu **Pengurusan Latihan** yang sistematik, komprehensif dan holistik. Seterusnya adalah **penyelidikan dan pembangunan kurikulum/modul** yang menjalankan kajian penyelidikan berkaitan isu-isu pembangunan kepimpinan belia dan kenegaraan yang berimpak tinggi untuk memenuhi keperluan semasa dan ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan. Fungsi **pemantauan dan penilaian kualiti latihan** dalam bidang pembangunan belia dan sukan adalah untuk menyediakan pelbagai peluang dan saluran kepada kumpulan belia meningkatkan potensi dan taraf hidup yang berkualiti. Seterusnya **khidmat nasihat dan runding cara** kepada mana-mana agensi yang memerlukan perkhidmatan tersebut khususnya dalam aspek kepimpinan, kenegaraan, pembangunan watak dan jati diri, keusahawanan dan kesukarelawanan. i-LEAD juga berfungsi sebagai **penyedia latihan** yang mendapat akreditasi dari badan-badan bertauliah dan terakhir adalah **pembangunan kepakaran sumber manusia** dengan tujuan melahirkan jurulatih yang kompeten dalam menyediakan program latihan yang berkualiti dan berimpak tinggi.


KURSUS PENGAMAL KERJA BELIA

Pengamal kerja belia merupakan individu yang terlibat menyediakan suasana untuk perubahan, membimbing, melibatkan diri dalam proses membuat keputusan serta membina jaringan perhubungan dengan pelbagai pihak. Oleh itu, Kursus Pengamal Kerja Belia (MyKB) Tahap 1 kelolaan Kluster Modal Insan, i-LEAD telah dilaksanakan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kompetensi pengamal kerja belia dalam melaksanakan usaha membangunkan potensi belia negara.


Selain itu, ia memberi pendedahan berkenaan kemahiran asas pekerja belia dan membina jaringan hubungan di antara pekerja belia tersebut semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta beberapa negeri lain secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom.

Sasaran program ini melibatkan peserta yang berumur 18 tahun ke atas dan secara keseluruhannya seramai 786 orang peserta telah hadir melibatkan 25 siri program. Penekanan kepada pembangunan kompetensi pekerja belia sangat penting bagi melahirkan pengamal kerja belia yang kompeten dan proaktif dalam merancang serta melaksanakan program kepada belia.

Kursus ini telah melahirkan pengamal kerja belia yang kompeten, mempunyai pengetahuan dan berkemahiran asas tentang bidang tersebut.



Sebahagian daripada 786 orang peserta yang terlibat dalam 25 Siri Kursus Kerja Belia



BERITA 3DIMENSI

Dalam membuat perancangan yang teliti berkenaan hala tuju, sasaran dan program pada tahun semasa dan tahun seterusnya, belia harus didedahkan dengan maklumat yang benar dan tepat. Ini bertepatan dengan Pelan Strategik KBS yang berhasrat untuk mendedahkan belia Malaysia kepada jaringan, pengetahuan dan kemahiran bertaraf global serta memperhebatkan program yang bercirikan pengantarabangsaan berasaskan senario dan *trend* global semasa.

Oleh yang demikian, pengwujudan Unit Berita i-LEAD di bawah penyelarasan Unit Komunikasi Korporat (UKK), i-LEAD merupakan salah satu inisiatif bagi menjayakan hasrat tersebut.

Menerusi Unit Berita i-LEAD ini, beberapa program yang signifikan dengan keperluan semasa pada ketika ini telah dihasilkan terutamanya mengenai pelaksanaan Program 3Dimensi di mana ia berperanan sebagai penyebar berita berkaitan pelaksanaan program-program anjuran i-LEAD, pengeluaran info video berbentuk infografik dan pelaksanaan kempen-kempen kesedaran interaktif menerusi media sosial.

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran belia mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam konsep bernegara dengan membuat hebahan dan penyebaran berita berkaitan pelaksanaan program-program anjuran i-LEAD, penerbitan info video infografik dan pelaksanaan kempen-kempen kesedaran interaktif.

Program 3Dimensi ini berkonsepkan penyampaian berita secara interaktif, bersiaran jam 3.00 petang, menyetengahkan 3 berita penting melibatkan 3 hari dalam seminggu. Program ini menggunakan platform *Facebook* dan *Youtube Channel* i-LEAD sebagai medan hebahan kepada belia dan masyarakat umum.



Pendekatan berita 3Dimensi disampaikan secara interaktif & berlangsur pada tiga kali seminggu

PROGRAM RUKUN NEGARA @ BELIA (RNB) UNDI 18 CAFE

Program Rukun Negara @ Belia (RNB) Undi 18 Cafe 2021 diperkenalkan selaras dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan Parlimen berkaitan penurunan had umur mengundi dari usia 21 tahun kepada 18 tahun. Pelaksanaan Undi 18 ini sangat penting dalam merejuvenasikan sistem demokrasi negara selain memberi ruang dan peluang kepada golongan belia bergerak aktif dalam sistem demokrasi negara.

Objektif program ini antaranya ialah untuk mewujudkan kesedaran belia tentang peranan, keterlibatan dan kelayakan mengundi dari usia 18 tahun serta meningkatkan nilai patriotik dalam kalangan belia. Tahap literasi dan sosialisasi golongan belia perlu dipertingkatkan kerana pelaksanaan Undi 18 bakal dilaksanakan dan mereka akan terlibat secara langsung sama ada sebagai pengundi mahupun calon yang bertanding. Atas keperluan tersebut, i-LEAD mengambil inisiatif untuk memberikan penerangan secara santai kepada khalayak umum tentang kepentingan pelaksanaan Undi 18 dalam landskap politik negara. Program ini yang dilaksanakan oleh Kluster Kenegaraan i-LEAD telah berlangsung sebanyak 6 siri pada tahun 2021.

Undi 18 Cafe ini berkonsepkan temubual 'edutainment' yang dilaksanakan secara hibrid iaitu bersemuka di kafe terbuka yang terpilih dan dalam talian menerusi *FB Live* i-LEAD telah menampilkan panel jemputan dan kumpulan muzik yang menjadikan program ini lebih menarik dan santai. Panel-panel jemputan bagi program ini mempunyai latar belakang akademik dan berkualiti di dalam bidang masing-masing untuk memberikan pandangan terhadap politik di kalangan belia.

Antara panel jemputan yang telah terlibat dalam program ini ialah YB Wan Ahmad Fayhsal, Mantan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Zaidi Aziz, ADUN Kawasan Slim, Saudara Jufitri Juha, Presiden Majlis Belia Malaysia, Dr Anuar Ahmad, Pensyarah Kanan di Fakulti Pendidikan UKM, Saudara Safwan Sawi, selebriti TV3, Saudari Syafikah Ishak, selebriti RTM, Saudara Syafiq Ridzwan Jamaluddin, Timbalan Presiden Majlis Belia Selangor dan Saudara Hilal Azmi, Ketua Inisiatif Media Sosial Astro Awani dan ramai lagi.

Program ini telah mencapai sekurang-kurangnya sebanyak 6000 tontonan di dalam keenam-enam siri Undi 18 Café pada tahun 2021. Semoga dengan pelaksanaan Undi 18 Café yang telah dilaksanakan ini mampu melahirkan golongan belia yang berpengetahuan tentang konsep berkerajaan serta terlibat secara langsung dalam soal demokrasi sesebuah negara. Selain itu juga pelaksanaan program ini diharap dapat membantu belia dalam meningkatkan jati diri untuk menjadi warganegara yang peka dan bertanggungjawab.



Antara tetamu jemputan program ini adalah YB Wan Ahmad Fayhsal, YB Zaidi Aziz, Saudara Jufitri Juha, Dr Anuar Ahmad, Saudara Safwan Sawi, Saudari Syafikah Ishak, Saudara Syafiq Ridzwan Jamaluddin & Saudara Hilal Azmi.

BICARA DEMI MALAYSIA: KILAUAN TOKYO

Sempena gerakan promosi temasya sukan gemilang iaitu Sukan Olimpik Tokyo 2020, Kluster Modal Insan, i-LEAD telah melaksanakan Program **'Bicara Demi Malaysia: Kilauan Tokyo'** secara dalam talian. Program yang berlangsung selama satu jam ini disiarkan secara langsung menerusi *Facebook* i-LEAD dan mengandungi 6 siri Program Bicara Demi Malaysia: Kilauan Tokyo dan telah dikendalikan oleh Saudari Sharon Wee sebagai pengulas tetap.

Antara objektif utama program ini adalah untuk menyebarkan medium promosi bagi 'Demi Malaysia: Road to Tokyo 2020' kepada rakyat Malaysia, di samping meningkatkan semangat patriotik kepada orang awam melalui medium media sosial dengan memberi sokongan kepada kontinjen Malaysia. Program ini juga adalah bertujuan untuk memberi pendedahan maklumat dari semasa ke semasa berkaitan Kontinjen Malaysia di temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020. Selain itu, program ini turut juga menjadi sebuah platform tambahan bagi rakyat Malaysia mengetahui persiapan dan latihan para atlet Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Setiap minggu penonton telah disajikan dengan pelbagai topik menarik yang berkaitan dengan temasya sukan berprestij ini. Skop perbincangan di antaranya adalah mengenai persiapan dan persediaan para atlet yang bertanding di Sukan Olimpik 2020, perkongsian pengalaman memegang jawatan sebagai Presiden Persatuan OKU Sentral dan tentang pasca nilai Sukan Olimpik 2020.

Selain itu, topik perkongsian juga ialah mengenai pengalaman Pengulas Sukan dalam mengendalikan program secara langsung dan menjadi sukarelawan di temasya sukan terkemuka dunia.

Program yang julung kali diadakan ini telah menampilkan YB Senator Datuk Ras Adiba Radzi, Presiden OKU Sentral, YBhg. Dato' Ahmad Shapawi Bin Ismail, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), YBrs. Encik Ahmad Faedzal bin Md Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara (ISN), YBhg. Prof. Dato' Dr. Shamala Subramaniam, Majlis Olimpik Malaysia (OCM), Saudara Akbar Sahari, Pengulas Sukan ASTRO ARENA, Saudara Hafiz Wahab dan Saudari Siew Soke Lee Judy, yang merupakan Sukarelawan Sukan Olimpik 2020.



Bicara ini berlangsung selama satu jam & menampilkan barisan tokoh-tokoh ternama daripada pelbagai latar belakang kerjaya



RUKUN NEGARA@BELIA – MARATON INTELEK

Sempena sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia, Kluster Kenegaraan mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program ilmiah secara dalam talian melibatkan input berkaitan kenegaraan yang diberi nama Maraton Intelek 5763.

Tema utama perbincangan adalah “Kemerdekaan Generasi Masa Hadapan” dan 5 sub-tema telah digariskan meliputi politik ekonomi, patriot muda, seni dan tamadun, ancaman keselamatan dan demokrasi berparlimen. Objektif program adalah menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia, meningkatkan pengetahuan kenegaraan dalam kalangan masyarakat khususnya belia serta menanamkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Program ini telah dilaksanakan sebanyak 10 siri dengan tajuk perkongsian yang pelbagai dan menampilkan ahli-ahli panel yang mahir dalam kepakaran masing-masing. Antaranya adalah Prof. Dr. Sivamurugan Pandian, Tan Sri Musa Hasan (Bekas Ketua Polis Negara), Datuk Prof. Dr. Shamrahayu Ab. Aziz, Saudara Saiful Nang dan banyak lagi. Seramai 2000 orang peserta telah mengikuti program ini secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan *facebook* rasmi i-LEAD.

Ia bermula pada 15 Ogos dan berakhir pada 15 September 2021. Majlis penutup telah disempurnakan oleh YB Senator Dato’ Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan.



Maraton Intelek berlangsung secara dalam talian dengan menampilkan 10 siri tajuk berkaitan isu semasa yang dekat dengan generasi belia

KARNIVAL KERJAYA BELIA 2021 SECARA DALAM TALIAN

Pandemik COVID-19 bukan sahaja menyebabkan krisis kepada kesihatan awam, malah kepada ekonomi dan pasaran buruh keseluruhannya. Pasca COVID-19 telah mengakibatkan penyusutan peluang pekerjaan kerana banyak syarikat atau industri masih tidak dapat beroperasi seperti biasa berikutan bilangan kes yang semakin meningkat.

Sehubungan itu, salah satu inisiatif untuk membantu membangunkan belia menghadapi pasca-pandemik COVID-19 ialah pelaksanaan Karnival Kerjaya Belia 2021 (KKB 2021). Karnival ini memberi peluang kepada peserta khususnya belia dan masyarakat untuk mendapat akses kepada penawaran pekerjaan, pendedahan berkaitan kerjaya serta mendapat bimbingan dan latihan bagi persediaan ke alam pekerjaan.

KKB 2021 merupakan kesinambungan daripada aktiviti Penjana Kerjaya yang dijalankan oleh PERKESO sejak Jun 2020, yang bertujuan untuk merangsang penghasilan pekerjaan dalam kalangan majikan serta meningkatkan peluang pekerjaan kepada belia Malaysia. Pada 24 hingga 26 November 2020 i-LEAD, KBS telah bekerjasama dengan PERKESO dalam melaksanakan program Karnival Penjana Kerjaya Belia (KPKB) buat kali pertama secara dalam talian.

Program ini diadakan bertujuan untuk membuka peluang kepada belia mendapatkan pekerjaan, menjadi penghubung atau platform antara majikan dan pencari pekerjaan dalam kalangan belia, memberi pengetahuan, pendedahan dan maklumat kepada belia berkaitan kerjaya, memberi bimbingan dan latihan sebagai persediaan belia dalam mendapatkan pekerjaan, terutamanya mengenai elemen *soft skills*; dan meningkatkan kebolehpasaran sekali gus mengurangkan pengangguran belia.


Seramai 924 jumlah pengunjung yang mendaftar dengan pihak PERKESO Malaysia bagi siri KKB 2021. Manakala seramai 557 responden yang memberikan maklum balas penilaian Webinar Kerjaya. Karnival ini menawarkan sehingga 13,220 kekosongan jawatan daripada 40 majikan di seluruh negara.

Pengisian KKB 2021 diadakan secara dalam talian sepenuhnya menggunakan platform *Cisco Webex* dan terbahagi kepada dua (2) segmen iaitu Sesi Webinar Kerjaya (21 Oktober 2021) dan Sesi Bersama Majikan (22 – 23 Oktober 2021). Sesi webinar telah dipancarkan secara langsung di platform *Facebook Live* KBS, i-LEAD dan PERKESO Malaysia.

Majlis Perasmian Karnival Kerjaya Belia 2021 ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan dan ucap tama telah disampaikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia pada 21 Oktober 2021 (Khamis) pukul 10.00 pagi di *Facebook* Rasmi Kementerian Belia dan Sukan, dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).



• Majlis Perasmian Karnival Kerjaya



• Sesi Webinar Kerjaya

PROGRAM MFLS TIER 3 TAHUN 2021

Malaysia Future Leaders School (MFLS) merupakan sebuah program nasional di bawah Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD), Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

MFLS Tier 3 merupakan fasa terakhir bagi program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) yang bertujuan melahirkan belia sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara dan berkeupayaan berperanan di peringkat nasional dan antarabangsa. Objektif utama MFLS Tier 3 adalah berdasarkan tujuh (7) elemen iaitu pembentukan watak dan jati diri, kepimpinan, kenegaraan, keusahawanan, kesukarelawanan, komunikasi dan pengantarabangsaan.

Program pada tahun ini dilaksanakan secara hibrid iaitu secara dalam talian dan bersemuka disebabkan pandemik COVID 19. Pelaksanaan secara dalam talian telah dilaksanakan dengan jayanya dari 8 Oktober 2021 sehingga 7 November 2021.

Manakala MFLS Tier 3 secara bersemuka sepenuhnya dilaksanakan bermula 17 Disember 2021 sehingga 26 Disember 2021 dengan SOP ketat yang diberikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Peserta MFLS Tier 3 2021 adalah seramai 150 orang terdiri daripada peserta program MFLS Tier 2 pada tahun 2019 dan tahun 2020. Mereka ini dipilih melalui proses temuduga secara dalam talian pada 5 hingga 7 April 2021.

i-LEAD yakin para peserta yang terpilih mampu menjalani dan menamatkan program ini dengan jayanya seterusnya mendapat faedah serta pendedahan berguna untuk pembangunan sendiri dan negara.



Majlis perasmian MFLS Tier 3



Sesi Bicara Tokoh



Aktiviti Explore City Race



Sesi Etika Pakaian dan
Majlis Sosial

FULL CONFERENCE
NATIONAL YOUTH CONVENTION 2021
+ ASEAN ConnectKBK

30TH OCTOBER 2021
 SATURDAY | 09.00 - 13.00 (GMT +8)

Registration QR Code :

 SCAN ME

MINISTRY'S VISION FOR YOUTH IN THE FUTURE



YB KHAIRY JAMALUDDIN
 MINISTER OF HEALTH
"Building mental health awareness for the future"



YB DATUK SERI M. SARAVANAN
 MINISTER OF HUMAN RESOURCES
"Re-imagine work in the future"



YB SENATOR DATUK DR. MOHD RADZI MD JIDIN
 MINISTER OF EDUCATION
"Re-imagine education for the future"



YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
 MINISTER OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES
"Re-imagine the opportunities for young people in food security and sustainability"

Organised by:  Supported by:  Strategic partner:  

CLOSING SPEECH
YB SENATOR DATU' SRI TI LIAN KER
 DEPUTY MINISTER OF YOUTH AND SPORTS

KEYNOTE Message of Hope
YAM TENGKU PUTERI RAJA TENGKU PUTERI IMAN AFZAN AL-SULTAN ABDULLAH
 INTERNATIONAL PATRON
 WORLD MENTAL HEALTH DAY 2020-2021
 PRESIDENT GREEN RIBBON GROUP





National Youth Convention 2021 menampilkan YB Khairy Jamaluddin, YB Datuk Seri M. Saravanan, YB Senator Dr. Mohd Radzi Md Jidin, & YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee

PESERTA MALAYSIA FUTURE LEADERS SCHOOL (MFLS) TIER 3 TAHUN 2020 ANJURAN INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (i-LEAD) KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA KE EKSPLO DUBAI 2020 DI DUBAI, EMIRIAH ARAB BERSATU (UAE)

Ekspo Dubai 2020 merupakan ekspo dunia pertama yang diadakan di Timur Tengah iaitu di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Menerusi tema '*Connecting Minds, Creating the Future*' ia adalah platform bagi pameran produk dan inovasi serta kerjasama bertaraf dunia. Hampir 200 penyertaan dari pelbagai pelusuk dunia termasuklah negara-negara, organisasi multilateral, perdagangan, perniagaan dan juga organisasi pendidikan. Ekspo Dubai 2020 berdurasi selama enam (6) bulan bermula Oktober 2021 sehingga Mac 2022.

Julung kalinya, peserta terbaik daripada Malaysia Future Leader School (MFLS) Tier 3 tahun 2020 di bawah kendalian oleh Kluster Kepimpinan, i-LEAD, KBS menyertainya melalui pelaksanaan aktiviti untuk segmen '*Technopreneurship and Social Entrepreneurship*' pada minggu ke-10 ekspo iaitu pada 5 hingga 11 Disember 2021.

Hanya 25 orang peserta terbaik dari kalangan 100 yang telah terpilih sahaja disenarai pendek untuk dibawa ke Ekspo Dubai 2020. Calon-calon MFLS Tier 3 tahun 2020, iaitu seramai 240 orang peserta telah mengikuti program ini dan pemilihan dilakukan dengan penuh teliti mengikut prestasi yang telah ditunjukkan sepanjang program ini berlangsung pada tahun lalu.



Seramai 25 orang peserta yang terpilih menyertai Ekspo Dubai 2020 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu



Penglibatan secara kolaboratif bersama Pusat Belia Antarabangsa (IYC) dan Yayasan Belia Aslan (AYC) yang merupakan penyelaras aktiviti sampingan bagi usahawan Malaysia menepati elemen yang terkandung di dalam program MFLS Go Global pelaksanaan aktiviti-aktiviti adalah seperti berikut:

- Sesi dengan pembentangan/sesi perkongsian informasi berkaitan elemen *Sustainable Development Goals* (SDG's) dalam kalangan peserta ekspo;
- Sesi jaringan antarabangsa dengan menemukan usahawan belia Malaysia dengan usahawan dari pelbagai negara serta pelbagai latar belakang yang telah mempunyai perusahaan dalam pelbagai sektor di Dubai;
- Sesi lawatan / kunjungan ke beberapa lokasi tumpuan perdagangan, tempat-tempat menarik serta pertemuan bersama para pemimpin belia di Dubai Youth Hub; dan
- Pelaksanaan Inter-Regional Future Leaders Dialogue di Pavilion Malaysia dan Al-Qasimia University.

Penyertaan pegawai-pegawai kanan KBS dan peserta terbaik MFLS Tier 3 tahun 2020 khususnya dalam Ekspo Dubai 2020 ini diharapkan dapat memberikan pendedahan berkenaan kepimpinan, pentadbiran dan pengurusan acara bertaraf global di samping mempersiapkan '*future-ready leaders*' negara yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor pada masa hadapan.


Antara tempat menarik dikunjungi oleh peserta di Dubai





LAPORAN JABATAN

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia



Latar belakang dan Fungsi

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (PPPB) telah ditubuhkan pada 27 November 2007 khusus untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Pejabat ini beroperasi dengan kekuatan 42 orang Pegawai secara keseluruhannya dengan 6 pejabat di peringkat zon. Fungsi Pejabat ini merangkumi perkara berkaitan urusan:


- i. Mendaftar dan menyelaraskan urusan berkaitan pendaftaran pertubuhan belia.
- ii. Mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.
- iii. Memantau dan mengawal selia hal-hal berkaitan pengurusan pertubuhan belia.
- iv. Mengeluarkan peraturan dan garis panduan pengurusan pertubuhan belia.

Piagam Pelanggan

- i. Meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan belia dalam tempoh 5 hari dengan syarat ianya mematuhi kehendak Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.
- ii. Membantu dan membimbing pertubuhan belia dalam proses pendaftaran pertubuhan belia.
- iii. Membantu menyelesaikan sebarang pertikaian dalam pertubuhan belia melalui perbincangan dan perundingan mengikut peruntukan dalam akta.
- iv. Menyiasat sebarang aduan yang berasas.
- v. Memantau tadbir urus pertubuhan belia serta memberi bimbingan dan khidmat nasihat yang sewajarnya.


Pendaftaran Pertubuhan Belia 2021

Sehingga tahun 2021, di bawah sub seksyen 9(1) Akta 668, sebanyak 14,662 permohonan pendaftaran pertubuhan belia telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12,254 permohonan telah diluluskan. Manakala sebanyak 2,720 permohonan telah dibatalkan bermula tahun 2008 sehingga kini. Merujuk kepada statistik di bawah, sehingga 31 Disember 2021 terdapat 9,534 pertubuhan belia yang berstatus aktif.




Permohonan Pindaan Perlembagaan Pertubuhan Belia 2021


Bagi tahun 2021, PPPB telah memproses dan meluluskan 112 permohonan daripada pertubuhan belia untuk meminda perlembagaan pertubuhan. Setiap perlembagaan yang dipinda perlu mendapat kelulusan daripada Pendaftar sebagaimana sub seksyen 17(1) Akta 668.



Penerimaan Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD) Pertubuhan Belia 2021

Penghantaran Maklumat Yang Kena Diberi (MYKD) merupakan komitmen yang perlu dipatuhi oleh pertubuhan-pertubuhan belia berdaftar di bawah Seksyen 22, Akta Akta 668. Sehingga 31 Disember 2021, PPPB telah merekodkan penerimaan sebanyak 2,061 MYKD pertubuhan belia yang mewakili kira-kira 21.6% daripada pertubuhan belia yang berdaftar.





Program dan Aktiviti PPPB 2021

Bengkel Tadbir Urus Pertubuhan Belia

Di samping memainkan peranan sebagai pentadbir Akta 668, PPPB turut melaksanakan tugas-tugas kawal selia pertubuhan belia secara fizikal melalui pelaksanaan Bengkel Tadbir Urus Pertubuhan Belia di setiap negeri. Bagi tahun 2021, PPPB berjaya melaksanakan 15 Bengkel Tadbir Pertubuhan Belia dengan kehadiran 1,143 orang peserta dari 718 pertubuhan belia. Sebanyak 4 buah negeri dijalankan secara fizikal manakala baki sebanyak 11 buah negeri terpaksa dilaksanakan secara atas talian atas faktor Pandemik Covid-19.

■ Bengkel Tadbir Urus Peringkat Negeri Seluruh Malaysia

Tarikh: Mac - September 2021




Peringkat Negeri Perlis



Peringkat Negeri Pahang



Peringkat Negeri Melaka



Peringkat Negeri Perak

Bengkel Penyeliaan Berkesan Ke Atas Pertubuhan Belia

PPPB telah melaksanakan 3 siri Bengkel Penyeliaan Berkesan Ke Atas Pertubuhan Belia ini kepada Pegawai-Pegawai Belia dan Sukan dan kakitangan di negeri dan daerah seluruh negeri bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pegawai tentang tadbir urus pertubuhan belia dan peranan mereka sebagai penyelia ke atas pertubuhan belia di peringkat masing-masing. Selain itu juga ROY sentiasa menyahut saranan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam memastikan ilmu dan pengetahuan seluruh warga Pegawai Belia dan Sukan mengenai info Akta 668 dekat dihati mereka. Seramai 209 orang yang telah berjaya mengikuti bengkel ini.

Bil	Kursus/Bengkel	Tarikh	Penyertaan
1	Bengkel Penyeliaan Berkesan Ke Atas Pertubuhan Belia Siri 1	5 Ogos 2021	Negeri Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu
2	Bengkel Penyeliaan Berkesan Ke Atas Pertubuhan Belia Siri 2	20 Ogos 2021	Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan
3	Bengkel Penyeliaan Berkesan Ke Atas Pertubuhan Belia Siri 3	26 Ogos 2021	Negeri Perak, Selangor, WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor



Bengkel Siri 1



Bengkel Siri 2



Bengkel Siri 3



Webinar Khas “Cabaran Tadbir Urus Pertubuhan Belia Pasca Pandemik: Mesyuarat Agung Tahunan (Mat) Secara Dalam Talian”

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia telah menganjurkan sesi Webinar Khas sempena Hari Belia Negara 2021 yang bertajuk “Cabaran Tadbir Urus Pertubuhan Belia Pasca Pandemik: Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Secara Dalam Talian”. Sesi webinar ini telah disertai oleh 226 peserta yang terdiri daripada pemegang jawatan tertinggi Pertubuhan Belia Induk Kebangsaan/ Majlis Belia Negeri/ Majlis Belia Daerah dan Pertubuhan Belia Tunggal.

Antara perkongsian yang disampaikan adalah aspek-aspek yang berkaitan keberkesanan tadbir urus pertubuhan belia. Namun akibat pandemik COVID-19, ramai yang terkesan termasuk pertubuhan belia yang sukar menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) seperti mana biasa dan seterusnya menjejaskan tadbir urus pertubuhan belia. Sehubungan dengan itu, semua pertubuhan belia disaran untuk berubah kepada pelaksanaan MAT dan mesyuarat-mesyuarat lain secara dalam talian mengikut amalan norma baharu. Pelaksanaan MAT dan pemilihan jawatankuasa secara dalam talian adalah lebih mudah, menjimatkan masa dan kos.



Webinar ini membincangkan tentang kaedah pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan yang efektif, bersesuaian dengan situasi negara sekarang yang sedang menghadapi pandemik COVID-19



LAPORAN BADAN BERKANUN

Majlis Sukan Negara

PENGENALAN

Majlis Sukan Negara ditubuhkan dibawah Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 dan Akta Majlis Sukan Negara (Pindaan 1979). Pelancarannya telah dirasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada 21 Februari 1972.

Pada peringkat awal penubuhannya, program-program sukan prestasi tinggi dilaksanakan di bawah kendalian Bahagian Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (nama Kementerian Belia dan Sukan ketika itu). Untuk mencapai matlamat penubuhan Majlis, satu usaha kolektif melibatkan secara langsung semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan sukan tanahair, majlis-majlis sukan negeri, institusi pengajian tinggi, badan-badan sukarela serta orang perseorangan telah diusahakan supaya mutu sukan negara dapat mencapai prestasi yang terbaik.

Selepas organisasi Majlis disusun semula pada tahun 1981, Majlis mula mengorak langkah dan seterusnya mengembangkan program serta aktiviti dan berterusan sehingga kini. Matlamat penubuhan Majlis Sukan Negara adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara iaitu bertanggungjawab sepenuhnya ke arah penggalakkan, pembangunan dan pencapaian cemerlang dalam sukan-sukan di peringkat tertinggi.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN MAJLIS SUKAN NEGARA 2021

Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Majlis Sukan Negara

Majlis Sukan Negara selaku organisasi pengurusan sukan utama negara telah menyambut Jubli Emas 50 Tahun penubuhannya selama lima (5) dekad sejak tahun 1971. Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Majlis Sukan Negara telah berlangsung secara dalam talian melalui platform aplikasi *Facebook* dan *Youtube* Majlis Sukan Negara pada 21 Februari 2021, jam 3.00 petang.

Pelancaran ini turut dihadiri oleh seramai 244 orang pegawai dan anggota Majlis melalui aplikasi *Zoom*. Ucapan dan pelancaran logo ulang tahun Majlis Sukan Negara sempena sambutan ini telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB. Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican secara rakaman awal berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Statistik penonton yang menonton siaran majlis pelancaran ini melalui aplikasi *Facebook* selepas 24 jam adalah seramai 10,553 penonton.

Majlis Sukan Negara telah memainkan peranan yang cukup cemerlang sepanjang 50 tahun sejak ia mula beroperasi di Stadium Negara pada tahun 1972 selepas dirasmikan penubuhannya oleh Perdana Menteri Malaysia Kedua, Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Razak Hussein pada 21 Februari 1972. Matlamat penubuhan Majlis Sukan Negara adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara iaitu bertanggungjawab sepenuhnya ke arah penggalakkan, pembangunan dan



Majlis Pelancaran Jubli Emas MSN
21 Februari 2021



Pengacara Majlis bersama Pegawai
dan Anggota MSN bersama-sama
menyaksikan majlis pelancaran secara
dalam talian



Ucapan Pelancaran 50 Tahun Jubli Emas MSN oleh YB Menteri Belia dan Sukan

pencapaian cemerlang dalam sukan pada peringkat tertinggi. Kepimpinannya silih berganti, tetapi matlamat yang dituju tetap tidak berubah.

Pada usia 50 tahun, Majlis Sukan Negara kini meniti fasa kematangan dan setiap tindakan kini lebih fokus mengikut kepentingan semasa tanpa mengabaikan segala aspek penting termasuk kebajikan persatuan dan atlet. Penubuhan program persediaan atlet dalam sukan berprestasi tinggi menjadi nadi utama dan kemuncak kepada penghasilan lebih ramai atlet berkelas antarabangsa dan juara dunia di kalangan atlet negara.



Y.B. Senator Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal, YBhg. Datuk M. Noor Azman Taib dan YBhg. Dato' Ahmad Shapawi Ismail



Pengarah-pengarah Bahagian dan Ketua Sekretariat MSN turut terlibat dalam menjayakan rakaman awal Jubli Emas MSN

Majlis Perasmian Detik 100 Hari ke Road to Tokyo 2020

Detik 100 hari menandakan persiapan kontinjen negara telah memasuki fasa terakhir dalam usaha merangkul pingat Emas pertama negara di Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 pada 23 Julai hingga 8 Ogos 2021 dan 24 Ogos hingga 5 September 2021. Majlis pelancaran Detik 100 Hari ke Tokyo 2020 telah disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Belia dan Sukan di Dewan Banquet Casa 4, Majlis Sukan Negara pada 14 April 2021.

Semasa majlis pelancaran tersebut, laungan *War Cry* 'Demi Malaysia' menjadi pembakar semangat buat kontinjen negara di temasya terbesar dunia itu. Slogan ini digunakan untuk merealisasikan cita-cita negara ke arah mencapai kejayaan dan mengorak langkah dengan lebih berani, positif dan kental pada setiap masa khususnya buat atlet-atlet negara yang berjuang di Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020.

Pada majlis pelancaran ini juga turut dilancarkan laman sesawang khas Sokongan Kontinjen Malaysia (www.kontinjenmalaysia.my) sebagai medium hebahan makluman semasa serta menjadi platform untuk mendapatkan sokongan rakyat terhadap Kontinjen Negara. *QR Code Support RTT 2020* juga diaktifkan bertujuan untuk melihat statistik penyokong RTT 2020 dari seluruh negeri. Pengaktifan kod ini telah disempurnakan oleh YB. Menteri Belia dan Sukan serta sekaligus menjadikan beliau sebagai rakyat Malaysia pertama menyokong Kontinjen Negara di temasya ini.

Sehingga Disember 2021, sebanyak 17,956 rakyat Malaysia meliputi 13 negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan telah menyokong Kontinjen Malaysia ke Temasya Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 melalui laman sesawang rasmi Kontinjen Malaysia.



● Laungan *War Cry* - *Demi Malaysia* pembakar semangat atlet negara



• Detik 100 Hari ke Tokyo 2020 dilancarkan oleh YB Menteri



• Atlet-atlet negara turut hadir ke Majlis Detik 100 Hari ke Tokyo 2020



• YBhg. Datuk Wira Lee Chong Wei bersama YBhg. Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Mohamad Norza Zakaria



• Majlis turut melancarkan laman web rasmi Kontinjen Malaysia

Jelajah Sokongan Kontinjen Road to Tokyo 2020

Bertemakan slogan #DemiMalaysia, penganjuran program promosi iaitu Jelajah Sokongan Kontinjen *Road to Tokyo 2020* dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBSN) serta Majlis Sukan Negeri telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican bersempena Majlis Pelancaran Detik 100 Hari ke Tokyo 2020 di Bukit Jalil pada 14 April 2021.

Program ini bertujuan untuk mendapatkan sokongan masyarakat sekaligus membangkitkan semangat atlet yang akan berjuang di Temasya Sukan Olimpik yang akan berlangsung pada 23 Julai hingga 8 Ogos 2021 dan Sukan Paralimpik yang akan diadakan pada 24 Ogos hingga 5 September 2021.

Program kayuhan ini diwakili oleh rakyat Malaysia yang terdiri daripada lima (5) orang di setiap negeri dengan pematuhan SOP Sukan dan Rekreasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). *Flag off* kayuhan ini bermula di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil dan berakhir di Kuala Lumpur pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang kepada Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 pada bulan Jun.

Akan tetapi, berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula 12 Mei 2021, Jelajah Sokongan Kontinjen *Road to Tokyo 2020* di Zon Timur, Zon Utara, Zon Tengah serta Sabah dan Sarawak yang dijadualkan berlangsung dari 23 Mei sehingga 26 Jun 2021 terpaksa dibatalkan. Program ini hanya berjaya dilaksanakan di Zon Selatan iaitu di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan bermula dari 25 April hingga 29 April 2021.



Flag Off Jelajah Sokongan Kontinjen RTT di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil



Destinasi pertama jelajah di Johor



Jelajah Sokongan Kontinjen Road to Tokyo 2020 di Johor



Destinasi kedua konvoi jelajah sokongan di Melaka



Tanda sokongan warga Melaka di Bazar Ramadan Taman 1 Krubong



Antara wakil warga Negeri Sembilan di 3 lokasi jelajah



Semangat laungan Demi Malaysia buat atlet negara



Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020

Temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 yang dijadualkan berlangsung dari 24 Julai hingga 9 Ogos 2020 telah ditangguhkan ke 23 Julai hingga 8 Ogos 2021 berikutan pandemik Covid-19 di seluruh dunia. Malaysia telah diwakili seramai 30 orang atlet melibatkan 9 jenis sukan dan 10 disiplin di temasya ini.

Kontinjen Negara diketuai oleh Chef de Mission (CDM), YBhg. Datuk Wira Lee Chong Wei dan dibantu oleh Setiausaha Agung Majlis Olimpik Malaysia, Dato' Nazifuddin Mohd Najib sepanjang temasya berlangsung. Lee Zii Jia dan Goh Liu Ying diberi penghormatan sebagai pembawa Jalur Gemilang pada acara pembukaan rasmi manakala Pandelega Rinong semasa acara penutup temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Pada edisi kali ini, Amerika Syarikat mengungguli carta pungutan pingat dengan kutipan 39 pingat emas, 41 perak dan 33 gangsa, sekali gus mengatasi China di kedudukan kedua dengan pingat keseluruhan 38 emas, 32 perak dan 18 gangsa.

Manakala kontinjen tuan rumah, Jepun pula meraih 27 emas, 14 perak dan 17 gangsa sementara kontinjen negara menamatkan saingan dengan membawa pulang satu pingat perak menerusi Datuk Azizulhasni Awang bagi acara berbasikal trek keirin dan satu pingat gangsa daripada pasangan badminton beregu lelaki, Aaron Chia dan Soh Wooi Yik sekaligus Malaysia menduduki tempat ke-74 keseluruhan pungutan pingat.



Lee Zii Jia dan Goh Liu Ying selaku pembawa bendera semasa perarakan masuk kontinjen negara



Dato' Azizulhasni Awang memenangi pingat perak dalam acara keirin



Aaron Chia dan Soh Wooi Yik meraih pingat gangsa dalam acara beregu

Temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020

Susulan pandemik Covid-19 yang merupakan ancaman global, pihak Jawatankuasa Paralimpik Antarabangsa (IPC) telah membuat keputusan untuk menunda tarikh penganjuran dari 25 Ogos hingga 6 September 2020 kepada 24 Ogos hingga 5 September 2021 bagi memastikan keselamatan dan kesihatan atlet dan semua pegawai yang terlibat terjaga semasa temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020.


Seramai 22 orang atlet telah mewakili negara ke temasya ini dan kontinjen negara diketuai oleh YBhg. Dato' Seri Megat Shahrizan Zaharudin selaku Chef De Mission (CDM). Bonnie Bunyau Gustin dan Siti Noor lasah diberi penghormatan selaku pembawa Jalur Gemilang bagi acara pembukaan rasmi manakala Cheah Liek Hou semasa acara penutup temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Kontinjen negara mengambil bahagian dalam 9 daripada 24 jenis sukan, 12 disiplin dan 34 acara sukan yang dipertandingkan. Pada temasya kali ini, terdapat tambahan sukan baharu iaitu Badminton, manakala Boccia pula tersenarai di antara sukan yang tidak dianjurkan pada edisi 2016, Rio.

China mengungguli carta pungutan pingat dengan 96 emas, 60 perak dan 51 gangsa, manakala tuan rumah dikedudukan ke-11 dengan 13 emas, 15 perak dan 23 gangsa. Malaysia pula menamatkan saingan dikedudukan ke-39 keseluruhan dengan 3 emas dan 2 perak menerusi Bonnie Bunya Gustin (*powerlifting*), Cheah Liek Hou (*badminton*) dan Abdul Latif Romly (*olahraga*) manakala pingat perak diraih oleh Jong Yee Khie (*powerlifting*) dan Chew Wei Lun (*boccia*).



Bonnie dan Siti Nor lasah selaku pembawa Jalur Gemilang untuk perarakan masuk Kontinjen Negara




• Pemenang pingat emas, Abdul Latif Romly dalam sukan olahraga



• Pemenang pingat emas, Bonnie Bunyau Gustin dalam sukan powerlifting



• Pemenang pingat emas, Cheah Liek Hou dalam sukan badminton



• Pemenang pingat perak, Jong Yee Khie dalam sukan powerlifting



• Pemenang pingat perak, Chew Wei Lun dalam sukan boccia



LAPORAN BADAN BERKANUN

Institut Sukan Negara (ISN)



Maklumat Korporat ISN

Institut Sukan Negara (ISN) adalah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang merupakan peneraju kepada pembangunan kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara. Kecemerlangan dan kejayaan dalam peningkatan prestasi atlet dan sukan negara menjadi fokus utama ISN kerana kejayaan melahirkan atlet bertaraf dunia adalah melalui penerapan elemen sains sukan dan perubatan sukan yang bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah menjadi seorang atlet bertaraf dunia.

Bagi mempersiapkan pembangunan dan perkembangan aplikasi sains, perubatan dan teknologi sukan yang unggul dan bertaraf dunia, ISN telah menyediakan satu pelan perancangan jangka panjang bermula dari tahun 2015 – 2025 bagi menentukan hala tuju pembangunan dan perkembangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara yang bersepadu dan menyeluruh ke arah merealisasikan hasrat Pelan Strategik KBS, Wawasan 2020 dan Misi Nasional.

Selain menjadi hala tuju KBS, penggubalan Pelan Strategik ISN 2015 – 2025 ini menjadi sangat penting kepada arena sukan negara yang sentiasa berdepan dengan cabaran kemajuan sains, perubatan dan inovasi sukan dari negara-negara lain yang sentiasa bersaing dalam kemajuan sukan negara masing-masing demi menjulang dan memartabatkan maruah negara dalam bidang sukan.

Dengan mengambil kira isu-isu dan cabaran semasa yang berkaitan dengan pembangunan dan perkembangan sukan. Kajian semula Pelan Strategik 2016 – 2020 dibentuk bagi merintis kecemerlangan dan kegemilangan melalui perancangan dan pelaksanaan program secara strategik dan terancang.

Pelan ini akan dijadikan panduan dan sumber rujukan pihak pengurusan atasan dan warga ISN bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan ISN sebuah institut yang unggul dan bertaraf dunia di dalam pembangunan dan pengaplikasian bidang sains, perubatan dan inovasi sukan negara demi memajukan prestasi atlet dan sukan amnya.

Visi

Memimpin kecemerlangan dalam sains, perubatan dan teknologi sukan.

Misi


Untuk memacu ekosistem prestasi sukan bersepadu bertaraf dunia ke arah kecemerlangan sukan yang mampan.

Fungsi

- Untuk menasihati Menteri dalam apa jua perkara berkenaan aspek saintifik melibatkan prestasi sukan.
- Untuk merumuskan, mengesyorkan dan mengkaji kaedah dan langkah saintifik yang meningkatkan prestasi atlet.
- Untuk bekerjasama dengan entiti Kerajaan, Institusi Pendidikan Tinggi Awam atau Swasta, badan sukan atau mana-mana organisasi dalam program untuk mengenal pasti atlet yang berpotensi mencapai kecemerlangan dalam sukan.
- Untuk menyediakan perkhidmatan saintifik, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan sains sukan dan perubatan sukan.
- Untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan sesiapa, badan atau organisasi yang terlibat dalam pembangunan sains sukan dan perubatan sukan di dalam dan di luar Malaysia.
- Untuk menyediakan dan menjalankan pemeriksaan rawatan perubatan yang diperlukan untuk ahli sukan.
- Menjadi pusat maklumat, sumber dan rujukan untuk sains sukan dan perubatan sukan.
- Mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyimpan rekod semua perkara yang berkaitan dengan aspek saintifik prestasi atlet.
- Melaksanakan dan menyelaras aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan bidang berkaitan lain yang difikirkan perlu.
- Untuk melaksanakan perkara yang mungkin berkesan bagi membolehkan fungsi pelaksana atau yang bersampingan dengan prestasi fungsinya.

Objektif

- ISN sebagai pusat kecemerlangan atlet negara.
- Menyediakan perkhidmatan perubatan dan sains sukan berkualiti.
- Membangun kurikulum sains sukan bagi meningkatkan mutu pendidikan jurulatih.
- Menubuhkan pusat maklumat yang mengumpul, menyimpan dan menyebarkan maklumat berkaitan sukan.
- Bekerjasama dengan universiti dan institusi tempatan dan antarabangsa dalam bidang perubatan dan sains sukan.
- Mengenalpasti bakat kanak-kanak dan atlet muda serta membantu mereka mencapai prestasi optimum.



Program dan Pencapaian ISN 2021

Sambutan Ulang Tahun ke-10 ISN

Sedekad yang lalu, Institut Sukan Negara (ISN) telah ditubuhkan secara rasmi sebagai sebuah agensi sukan berprestasi tinggi negara yang bertunjangkan sains, perubatan dan teknologi sukan. Selama sedekad ISN juga telah memainkan peranan cemerlang di dalam ekosistem sukan negara.

Selaku pasukan di sebalik tabir, ISN telah diamanahkan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin demi kegemilangan sukan negara. Di dalam usaha menjadi agensi sukan berprestasi tinggi ternama, ISN mengambil pendekatan yang sangat realistik. Tanpa jemu, ISN akan terus menyumbang idea baharu dan inovasi bernilai kepada sukan Negara.

Bagi meraikan sambutan ulang tahun ke-10 ISN pada 16 September 2021, ISN telah memperkenalkan sambutan "ISN10" yang merupakan simbolik kepada peranan penting ISN di dalam kemajuan sukan negara dan tekad warga ISN bagi meneruskan legasi kecemerlangan di dekad mendatang. Bagi memeriahkan dekad yang penuh bermakna ini, pelbagai aktiviti dan inisiatif baharu telah diperkenalkan sepanjang tahun 2021.

Di antara intipati utama majlis adalah Pelancaran Centre of Excellence (COE) iaitu pertukaran dokumen persefahaman dan menjalin kerjasama dengan pelbagai universiti awam tempatan, pusat pengajian tinggi dan syarikat swasta dalam bidang sains, perubatan dan teknologi sukan berlandaskan 4 inisiatif utama iaitu :-

1. Sports Technology R&D Program
2. Sports Technology Accelerator LAB (STAL)
3. Sports Technology R&D Commercialization
4. Sports Product Quality Enhancement Program

Berperanan dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian atlet negara, inisiatif ini merupakan satu permulaan kepada masa depan teknologi dan inovasi sukan negara yang bakal melonjakkan nama Malaysia.

Sebagai kesinambungan dalam pengenalanpastian dan pembangunan bakat-bakat baru untuk diasah bagi menjadi pelapis-pelapis atlet elit, ISN telah membuat penambahbaikan terhadap program MyTID KPM-KBS yang bertujuan untuk mengenal pasti bakat yang berpotensi dalam kalangan murid-murid sekolah. Ketua Pegawai Eksekutif ISN, YBrs. En. Ahmad Faedzal bin Md Ramli optimis terhadap program yang selari dengan aspirasi Visi Sukan Negara (VSN2030) dan dalam masa yang sama ianya menambah baik proses MyTID sedia ada. Fokus utama program ini adalah untuk memperluaskan tapak penyertaan bakat- bakat (Talent Pool) seawal usia tujuh (7) tahun yang berpotensi di peringkat akar umbi.

Turut dilancarkan pada majlis yang sama adalah ISN Performance Center (PPSN 2.0) iaitu pusat pemulihan berkonsepkan *sports science evidence-based approach* yang bertujuan untuk memberikan perkhidmatan sains sukan bertaraf antarabangsa kepada kumpulan sasaran yang memerlukan. Inisiatif ke-3 ini dilihat mampu merancakkan industri sukan negara dan memberi nilai tambah bagi sumber pendapatan ISN dalam jangka masa panjang.

Inisiatif ke-4 adalah Pelancaran *Integrated High Performance Recovery Centre* yang berfungsi dalam pemulihan kecederaan dan mengoptimumkan prestasi atlet prestasi tinggi sebelum dan selepas sesi latihan/pertandingan. Perkhidmatan yang berkonsepkan saintifik dan sistematik ini turut dibuka kepada orang ramai serta membuka peluang kepada para penyelidik/pengamal sains dan perubatan sukan untuk menjalankan kajian yang berimpak tinggi dalam peningkatan prestasi sukan negara.

Sebagai usaha untuk memantapkan lagi fungsinya dalam arena sukan negara, ISN turut memperkenalkan Anak-Anak Syarikat yang ditubuhkan untuk menjana pendapatan dan peluang perniagaan iaitu :-

- AFA (Athletes for Athletes)
- Genomas Sdn Bhd Malaysia
- ATF Sports Sdn Bhd
- Data Sukan Consulting Sdn Bhd
- ISNOne-pengeluar makanan ready to eat
- SDTC (National Sports Digital Transformation Centre Sdn Bhd)

*penjanaan semula SDTC kepada STM (Sports Technology Malaysia Sdn Bhd).

Melalui Penjanaan Semula ini STM akan diangkat sebagai Syarikat Peneraju Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Sukan Negara bersama rangkaian agensi STI - Mranti, MOSTI, Futurise dan MDEC. STM juga akan menjadi sekretariat tetap Pusat Kecemerlangan Teknologi Sukan Kebangsaan.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato'Azumu, Menteri Belia dan Sukan. Turut hadir di majlis sambutan hari ini adalah YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YBrs. Puan Ramona binti Mohd Razali, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan, YBhg. Dato' Ahmad Shapawi Ismail, Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara.

Adalah menjadi harapan warga ISN, agar semua inisiatif-inisiatif ISN dengan visi sebagai peneraju sains, perubatan dan teknologi sukan akan dapat melahirkan atlet yang bertaraf dunia serta menaikkan imej sukan di peringkat antarabangsa

Perasmian *Integrated High Performance Recovery Centre*


Integrated High Performance Recovery Centre adalah pusat pemulihan bertaraf dunia yang menyediakan fasiliti bagi membantu dalam proses pemulihan kecederaan serta mengoptimumkan latihan dan prestasi atlet.

Fasiliti yang menawarkan perkhidmatan berteraskan kaedah saintifik dan sistematik serta pendekatan yang pelbagai termasuk sebelum dan selepas sesi latihan/pertandingan (*post game/training recovery*) ini dikhususkan kepada atlet berprestasi tinggi serta terbuka kepada kelab-kelab sukan, persatuan sukan dan orang ramai.

Dengan adanya fasiliti sebegini ianya dapat membuka peluang kepada para penyelidik/pengamal sains dan perubatan sukan untuk menjalankan kajian yang berimpak tinggi dalam peningkatan prestasi sukan negara.

Pelancaran Program *Beyond Coaching* dan *Women Can Coach Symposium*

Kejayaan sulung buat Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) dengan pelancaran program *Beyond Coaching* pada 30 Mac 2021 yang merupakan simbolik merealisasikan impian ISN untuk menjadi hab pendidikan jurulatih sukan di dalam dan luar negara. Di samping itu, penganjuran program *Women Can Coach Symposium* dari 7 hingga 10 September 2021 pula bagi menyahut saranan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) yang telah mula melaksanakan inisiatif Program Wanita Dalam Sukan bagi menggalakkan penglibatan wanita dalam industri sukan Malaysia.



Kerjasama (MoU/Perjanjian)

Pada tahun 2021, ISN telah menjalinkan kerjasama melalui perjanjian persefahaman, perjanjian perlesenan dan penyelidikan dengan beberapa agensi luar seperti berikut:-

i. Perjanjian Persefahaman

ISN telah menandatangani MoU bersama agensi-agensi berikut:-

- a) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Data Sukan Consulting Sdn. Bhd. (DSC)
Kerjasama dalam inisiatif pemerkasaan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi penyelidikan (R&D dan C&I) dengan memberi tumpuan kepada *artificial intelligent* dan *machine learning*.
- b) *Malaysia Sports Technology Association (MySTA)*
Pemerkasaan, promosi dan pembangunan kerjasama dalam bidang inovasi dan teknologi sukan.
- c) Futurise Sdn. Bhd.
Kerjasama dalam inisiatif *sports technology regulatory*.
- d) Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC)
ISN sebagai *Sandbox* Teknologi Sukan Negara di bawah Program *National Technology & Innovation Sandbox (NTIS)* dan program-program lain yang berkaitan teknologi dan inovasi sukan.
- e) Universiti Malaysia Pahang (UMP)
Kerjasama dalam penyelidikan teknologi sukan dengan memberi tumpuan kepada *human technology*.
 - Universiti Putra Malaysia (UPM)
 - Kerjasama dalam bidang-bidang berikut:-
 - Penyelidikan dalam sains sukan
 - Perkongsian maklumat penyelidikan
 - Perkongsian kepakaran
 - Perkongsian peralatan dan bahan penyelidikan
 - Penganjuran bersama konferens dan seminar mengenai penyelidikan, pendidikan dan perkembangan pengajian
 - Dan
 - Apa-apa bidang kerjasama lain yang akan dipersetujui kelak oleh pihak-pihak berkaitan.

ii. Perjanjian Pelesenan Berkaitan Produk Teknologi

ISN telah mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan berkaitan teknologi dan inovasi sukan bagi memperkasakan industri teknologi sukan di negara ini. Syarikat-syarikat tersebut adalah:-

- a) Dokumen persefahaman di antara ISN dan *KULSOCS Resources Sdn. Bhd.* adalah berkaitan perlesenan dan penajaan produk fabrik KULSOCS. KULSOCS juga adalah penerima geran R&D ISN bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti produk KULSOCS.
- b) Dokumen persefahaman di antara ISN dan *SPORTSBOLEH Sdn. Bhd.* adalah berkaitan produk *Lila Movement Technology* yang menggunakan teknologi terkini dalam *sports conditioning* dan *exercise physiology*.

iii. Kerjasama Penyelidikan

ISN melalui Bahagian Penyelidikan dan Inovasi iaitu menerusi Cawangan Pengurusan Penyelidikan dan Makmal Bersepadu telah mengadakan kerjasama penyelidikan seperti berikut:-

- a) *Development And Validation of Internet of Things (IoT) Based Insole Monitoring System for Soccer Players* dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- b) *Pattern of Injuries among Skeletally Immature Footballers of the National Football Development Programmed (NFDP) 2021 to 2025* dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

MYAKTIF (Pelan Bakat Sukan Kebangsaan) dan Program MyTID KPM-KBS

Draf akhir Dokumen Pelan Bakat Sukan Kebangsaan MYAKTIF telah dibentangkan kepada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada 21 Januari 2021 dan dibentangkan kepada YB Menteri KBS pada 26 Januari 2021. YB Menteri KBS bersetuju dengan kandungan draf akhir yang telah dibentangkan oleh KPE ISN untuk dimuktamadkan bersama pemegang taruh berkepentingan.


Rentetan daripada itu, satu sesi bual bicara telah diadakan secara dalam talian bersama legenda skuasy dunia, YBhg. Dato' Nicol Ann David bagi mendapatkan pandangan dan input beliau berkenaan dokumen MYAKTIF serta meneroka potensi kerjasama bagi memacu inisiatif ini secara sistematik. Dokumen ini diilhamkan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pihak dalam mewujudkan ekosistem pembangunan bakat sukan negara.

Bagi memperkasakan jaringan kerjasama strategik khususnya dalam agenda pembangunan bakat sukan akar umbi, satu mesyuarat pertemuan antara YB Menteri KBS bersama YB Menteri Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah diadakan pada 19 Februari 2021. Sesi kunjung hormat ini diadakan bagi membentangkan Program MYTID KPM-KBS secara Proof of Concept (POC) bagi tahun 2021-2023 serta membincangkan cadangan penambahbaikan elemen TID di peringkat akar umbi. YB Menteri Kanan KPM telah menerima dengan baik keseluruhan syor KBS melalui ISN antaranya cadangan program MYTID serta penambahbaikan kurikulum "Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)".

Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk menjalin kerjasama bagi merealisasikan agenda nasional negara. Pada 10 Mei 2021 dalam Mesyuarat Potensi Kerjasama MYTID KPM-KBS antara pihak ISN bersama pihak Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah meneroka jaringan kerjasama dari aspek logistik, tenaga penguji dan kemudahan infrastruktur mengikut keperluan dari semasa ke semasa adalah peri penting bagi pelaksanaan program secara berkesan.

Program MYTID yang bakal dilaksanakan seluruh Malaysia akan melibatkan 16 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), 146 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), KPM telah diperkenalkan melalui penganjuran Kursus Tenaga Penguji/Training of Trainers (ToT) secara maya pada 30 November 2021. Kursus ToT ini dihadiri oleh 750 guru tenaga penguji (dikenali sebagai Talent Eagle) daripada 152 buah sekolah POC yang terpilih bagi memberikan pendedahan awal berkaitan pelaksanaan program dan kefahaman teori berkenaan 15 bateri ujian yang akan dilaksanakan.

Bengkel Jawatankuasa Teknikal MYTID telah diadakan pada 15 Disember 2021 bagi membincangkan isu-isu teknikal berkenaan pelaksanaan program ini yang telah dihadiri oleh BSJK, KPM, pihak KBS diwakili oleh pihak Program TID ISN, wakil Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, wakil JBSN serta wakil Majlis Sukan Negara (MSN). Inisiatif rentas kementerian melibatkan pemegang taruh dalam TID adalah penting bagi merangka gerak kerja susulan yang efektif untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.



PROGRAM ROAD TO TOKYO

Perkhidmatan Sains Sukan

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 telah beberapa kali ditunda penganjurannya oleh negara Jepun. Ini berikutan gelombang jangkitan yang melanda beberapa negara dan kemunculan varian baru sehingga menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak. Ada juga desakan-desakan agar temasya ini dibatalkan sepenuhnya namun dengan penyediaan garis panduan, penguat kuasa peraturan yang ketat dan pemantauan yang berterusan, temasya ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

ISN melalui Cawangan Prestasi Tinggi, Bahagian Prestasi Sukan telah bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara menerusi Bahagian Atlet dan Bahagian Paralimpik bagi memastikan program persediaan atlet menghadapi Temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 berjalan mengikut pelan prestasi yang telah dirancang serta menepati sasaran prestasi yang telah ditetapkan.

Cawangan Prestasi Tinggi telah menempatkan seramai 49 orang pegawai dan anggota bagi memberikan perkhidmatan kepakaran sains sukan kepada 471 atlet Program Podium dan Pelapis Kebangsaan yang terlibat di dalam Kem Latihan Secara Kuarantin di lima (5) pusat latihan kebangsaan iaitu:-

- i. Pusat Latihan MSN Bukit Jalil,
- ii. Pusat Latihan MSN Keramat,
- iii. Pusat Latihan Sukan Berbasikal, Velodrome Nilai,
- iv. Pusat Latihan Sukan Badminton, ABM Kiara, dan
- v. Pusat Latihan Sukan Pelayaran, Langkawi

Kem latihan ini bermula dari 13 Januari sehingga 9 Mac 2021. Kem latihan secara kuarantin ini dilaksanakan bagi memastikan atlet dapat menjalani latihan secara sepenuh masa mengikut pelan periodisasi yang telah ditetapkan di samping dapat mengurangkan risiko jangkitan COVID-19.

Bagi pelaksanaan perkhidmatan kepada 68 orang atlet Program *Road To Tokyo 2020*, seramai 43 orang pegawai sains sukan telah memberikan perkhidmatan secara menyeluruh meliputi aspek fisiologi senam, suaian fizikal, biomekanik sukan, analisis prestasi sukan, pemakanan sukan dan psikologi sukan bagi memastikan atlet berada pada tahap prestasi optimum bagi menghadapi temasya Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020.

Perkhidmatan Perubatan Sukan

Seramai 10 pegawai daripada pasukan perubatan bertugas sepanjang temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 dari 23 Julai hingga 8 Ogos 2021 yang terdiri daripada dua orang doktor pakar, dua orang pegawai fisioterapi dan rehabilitasi serta enam orang juru urut sukan. Petugas-petugas ditempatkan di tiga tempat pertandingan iaitu Tokyo, Enoshima dan Izu bagi memberikan perkhidmatan perubatan kepada kontinjen Malaysia.

Secara keseluruhan, sebanyak 30 konsultasi perubatan, 168 rawatan fisioterapi dan 185 rawatan urutan sukan diberi kepada atlet-atlet sepanjang kejohanan. Terdapat satu kes yang dirujuk ke poliklinik (*Allergic Dermatitis*) dan satu kes dirujuk ke hospital (jatuh akibat pelanggaran basikal).

Sepanjang kejohanan Sukan Olimpik Tokyo 2020, setiap atlet dan pegawai perlu memberi sampel air liur (*saliva test*) setiap hari untuk ujian COVID-19 dan kesemua keputusan adalah negatif. Tugasan menghantar sampel air liur adalah dipikul oleh penyelaras (CLO). Mereka juga setiap hari perlu mengemaskini status kesihatan masing-masing dalam aplikasi 'OCHA'.

Sepanjang temasya berlangsung, terdapat dua kes kecederaan berlaku terhadap atlet iaitu atlet terjun dan atlet berbasikal trek. Mereka telah diberikan rawatan di pusat perubatan berhampiran dan menjalani rawatan fisioterapi sebelum meneruskan pertandingan yang berikutnya.

Seramai tujuh orang pegawai daripada pasukan perubatan bertugas sepanjang temasya Paralimpik Tokyo 2020 dari 24 Ogos hingga 5 September 2021 yang terdiri daripada dua orang doktor pakar, dua orang pegawai fisioterapi, dua orang juru urut sukan dan seorang jururawat. Petugas telah ditempatkan di dua tempat pertandingan iaitu Tokyo dan Izu bagi memberikan perkhidmatan perubatan kepada kontinjen Malaysia.

Secara keseluruhan, sebanyak 26 konsultasi perubatan, 49 rawatan fisioterapi dan 76 rawatan urutan sukan diberi kepada atlet-atlet sepanjang temasya Paralimpik Tokyo 2020. Terdapat lima kes yang dirujuk ke poliklinik iaitu rawatan *migraine*, *chest contusion*, *knee contusion*, *groin injury* dan tiga kes dirujuk ke *venue medical station* bagi kes jatuh semasa lompatan dan simptom pernafasan.

Sepanjang temasya Paralimpik Tokyo 2020, setiap atlet dan pegawai perlu memberi sampel air liur (*saliva test*) setiap hari untuk ujian COVID-19 dan kesemua keputusan adalah negatif. Tugasan menghantar sampel air liur adalah dilaksanakan oleh penyelaras kontinjen. Mereka juga perlu mengemaskini status kesihatan masing-masing dalam aplikasi 'OCHA' pada setiap hari.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN WARGA ISN

Tahniah diucapkan kepada 25 orang pegawai dan anggota ISN daripada 410 orang warga Kementerian Belia dan Sukan keseluruhannya yang terpilih dan menerima pengiktirafan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Kementerian Belia dan Sukan tahun 2021.

Tahniah diucapkan kepada Pengarah Bahagian Prestasi Sukan, Dr. Ahmad Zawawi bin Zakaria yang berjaya menamatkan pengajian Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang *Strength & Conditioning* dari Universiti Malaya.

Syabas diucapkan kepada Pengarah Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK), Puan Wan Norafzan binti Wan Mahadi yang dilantik sebagai Ahli Lembaga *International Council for Coaching Excellence (ICCE)* mulai tahun 2021 hingga 2025.

ISN ketika ini mempunyai dua orang Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) melalui Program Pegawai Integriti Bertauliah anjuran Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) iaitu seorang pegawai pada tahun 2020 dan seorang lagi pada tahun 2021.

PEMINDAHAN ILMU

Bagi tahun 2021, beberapa penganjuran atau penyertaan warga ISN ke kursus/ bengkel/dialog/seminar/persidangan antarabangsa adalah seperti berikut:-

i. **Women Can Coach: Coaching Science, Fitness & Health Symposium (Virtual Edition) 2021.**

Penganjuran symposium ini anjuran Akademi Kejurulatihan Kebangsaan telah menarik sejumlah 1,059 orang peserta dari dalam dan luar negara. Simposium ini bertujuan untuk:-

- Memberi pendedahan pembangunan ilmu kejurulatihan, kecergasan dan perubatan sukan kepada jurulatih wanita berdasarkan bukti-bukti saintifik.
- Membangunkan komuniti jurulatih wanita daripada akar umbi ke tahap prestasi tinggi sukan.
- Memberi ruang rangkaian profesion kejurulatihan dalam perkongsian terbaik dengan idea-idea baharu dan terkini.

- d) Untuk rekrut, kekalkan dan sokong profesion jurulatih wanita secara berstruktur.
- e) Mempromosi penglibatan jurulatih wanita di Malaysia dengan langkah melaksanakan dokumentari *Women Can Coach*.

ii. Spektrum Penyelidikan Translasi

Cawangan Penyelidikan Translasi di bawah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi bertanggungjawab terhadap aktiviti penerokaan ilmu atau amalan baru berdasarkan hasil kajian asas sains bagi tujuan meningkatkan keberkesanan, penjimatan dan kecekapan dalam amalan harian iaitu meliputi empat spektrum:



ISN melalui Cawangan Penyelidikan Translasi telah mengadakan *National Summit for Sports Performance Research (SUMMIT 2021)* yang mengumpul jurulatih, pengurus dan saintis sukan bersama-sama dengan penyelidik daripada pelbagai organisasi. Seramai 243 orang peserta menghadiri persidangan yang dijalankan pada 18 dan 19 Ogos 2021 secara atas talian. Persidangan ini memfokuskan kepada 15 sukan iaitu memanah, badminton, basikal, terjun, olahraga, perahu layar, gimrama, menembak, hoki, bola sepak, karate, skuash, ping pong, angkat berat dan wushu.

Peserta-peserta telah membincangkan mengenai isu berkaitan sukan yang menjurus kepada analisis keperluan untuk peningkatan prestasi sukan khususnya bagi persediaan menghadapi temasya utama seperti Olimpik dan Kejohanan Dunia. Sebanyak 184 sumbangan idea bidang penyelidikan utama (*research priority areas*) prestasi sukan yang diterima oleh pihak ISN sebelum persidangan berlangsung. Hasil perbincangan menerusi platform persidangan ini telah mencapai satu konsensus bagi fokus bidang penyelidikan utama iaitu sebanyak 29 cadangan oleh pihak saintis dan penyelidik, manakala 14 cadangan oleh pihak jurulatih. Cadangan bidang penyelidikan utama ini membolehkan ISN untuk merancang inisiatif penyelidikan sains, perubatan dan teknologi sukan dengan lebih terperinci.

Perkongsian pengetahuan dan kepakaran daripada pelbagai latar belakang demi mencapai matlamat yang sama iaitu kecemerlangan prestasi sukan dipersada antarabangsa. Perkembangan jaringan kerjasama di antara jurulatih, pengurus, saintis dan penyelidik juga merupakan salah satu objektif utama persidangan ini. Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Inovasi ISN, YBr. Dr. Yeo Wee Kian berkongsi mengenai pelan penyelidikan prestasi sukan dan menjangkakan bahawa hasil cadangan bidang penyelidikan utama daripada persidangan ini dapat dikongsi dalam persidangan yang sama di masa akan datang. Beliau turut mengalu-alukan dan menghargai kerjasama daripada semua pihak khususnya pihak Persatuan Sukan Kebangsaan, Majlis Sukan Negara serta semua institusi pengajian tinggi yang terlibat.

iii. ISN Lecture Series

Ia merupakan program perkongsian ilmu bagi mengemaskini dan meningkatkan ilmu pengetahuan warga sukan di Malaysia mengenai dapatan kajian berimpak tinggi, inovasi and teknologi terkini. Ia merangkumi semua bidang dalam perubatan sukan, sains sukan, teknologi sukan, penyelidikan sukan dan pengurusan sukan. Perkongsian ilmu ini adalah dari pakar bidang sukan dalam dan luar negara. Secara amnya program ini dijalankan melalui platform atas talian.


SIRI	TARIKH	TAJUK	PANEL
Lecture Series 1/2021	17 Februari 2021	<i>Probiotics In Sports and Fitness: Essential?</i>	Assoc. Prof. Dr. Mahenderan Appukutty
Lecture Series 2/2021	28 April 2021	<i>Big Data Analysis In Sports Research</i>	Prof. Dr. Yap Bee Wah
Lecture Series 3/2021	3 Jun 2021	<i>Research Ethics In Exercise Science</i>	Assoc. Prof. Datin Dr. Hjh Sarina Md Yusof
Lecture Series 4/2021	24 Jun 2021	<i>Using Psychophysiological Measure: Research Frontiers For Helping Athletes Achieving Peak Performance In The COVID-19 Pandemic</i>	Assoc. Prof. Dr. Garry Kuan
Lecture Series 5/2021	12 Ogos 2021	<i>IMU Sensors In Sports Motion -</i>	Ts. Dr. Mohd Najeb Jamaludin
Lecture Series 6/2021	6 Oktober 2021	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Introduction to tensiomyography</i> • <i>Acute Knee Injuries</i> • <i>Practical Cpet Applications</i> • <i>High performance system Solution for Professional Sports Team</i> 	Sergej Rozman Dr. Winson Amraj Leoni Wagner Alexander Bock
Lecture Series 7/2021	22 November 2021	<i>Talent eagles for the Malaysian sports ecosystem</i>	Prof. Dr. Johan Pion

TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Hubungan korporat yang baik adalah merupakan tanggungjawab sosial yang baik. Tanggungjawab sosial korporat (CSR) bukanlah satu perkara yang baharu di negara luar, tetapi situasi ini masih baharu dalam konteks negara Malaysia dan masih perlu dipupuk di kalangan organisasi atau badan-badan korporat.

Secara umumnya, apabila sesebuah organisasi ditubuhkan, organisasi tersebut bukan sahaja mengeksploitasi faktor pengeluaran di sekelilingnya seperti buruh, tanah, modal dan keusahawanan, tetapi juga perlu berperanan menjalankan tanggungjawab sosial korporatnya. Antara tanggungjawab sosial yang perlu dijalankan termasuklah menitikberatkan kesihatan masyarakat, keselamatan, pendidikan, pekerjaan, alam sekitar dan pembangunan ekonomi serta masyarakat.

Begitu juga dengan ISN. ISN sebagai pemacu kecemerlangan sukan negara juga memainkan peranan dalam CSR bukan sahaja dalam aspek sukan semata-mata malah turut melibatkan diri dalam membantu masyarakat sekeliling dalam kerja-kerja amal untuk kebaikan bersama.



Antara tanggungjawab sosial yang telah dijalankan oleh ISN termasuklah:-

i. Perkhidmatan Sukarela Perubatan Sukan Bersama NGO Semasa Pandemik COVID-19.

Sepanjang tempoh Pandemik COVID-19, ISN melalui Bahagian Perubatan Sukan telah bekerjasama dengan *IMAM Response and Relief Team* atau lebih dikenali dengan *IMARET* telah bersama-sama menghulurkan bantuan berbentuk khidmat pemeriksaan perubatan dan pemberian vaksin.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di Batang Padang, Sungkai, Perak merupakan antara program yang dijalankan. Program ini berlangsung selama satu hari iaitu pada 2 Oktober 2021. Seramai 18 orang petugas ISN terlibat iaitu terdiri daripada petugas perubatan daripada Bahagian Perubatan Sukan dan petugas bukan perubatan daripada Bahagian Pengurusan ISN. Pemberian vaksin dikalangan remaja dan dewasa di dua lokaliti berdekatan bagi memudahkan masyarakat Orang Asli untuk hadir. Jumlah penerima vaksin bagi program ini adalah seramai 193 orang.

ii. Bantuan Bencana Banjir Warga ISN

Seramai tujuh orang staf ISN termasuk pasangan suami isteri telah ditimpa musibah banjir yang berlaku di beberapa daerah di Negeri Selangor pada 19 Disember 2021. Ramai yang terjejas teruk dari segi kerosakan rumah, perkakasan elektrik, kenderaan, keperluan makanan dan pakaian.

Cawangan Pentadbiran dan Kelab ISN telah dipertanggungjawabkan bagi menyelaras bantuan yang diperlukan seperti:-

- a) Aktiviti pembersihan pasca banjir.
- b) Sumbangan pakaian, bekalan makanan dan keperluan harian (dengan kerjasama PUSPANITA ISN).
- c) Mendapatkan bantuan aktiviti pembersihan pasca banjir bersama Kelab Team KBS.
- d) Melancarkan Tabung Bantuan Bencana Banjir. Jumlah kutipan yang diterima sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak RM4,720.00.






LAPORAN BADAN BERKANUN

Perbadanan Stadium Malaysia





Pengenalan

Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) merupakan sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelenggara *venue* sukan. Melalui peruntukan Akta Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) 2010 (Akta 717), tujuan penubuhan Perbadanan Stadium Malaysia ditubuhkan adalah untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan pembangunan, pengendalian dan pengurusan Stadium, Kompleks Sukan dan kemudahan sukan serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berbangkit dan berkesampingan dengannya. Sehingga 31 Disember 2021 PSM dipertanggungjawab untuk mengurus Kompleks Sukan seperti berikut:

KOMPLEKS SUKAN	TEMPOH TADBIR URUS
Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil (bermula pada tahun 2017, ditukar nama kepada Kuala Lumpur Sports City (KLSC))	1998 – hingga kini
Kompleks Sukan Bukit Kiara (KSBK)	1998 – hingga kini
Kompleks Sukan Jalan Duta (KSJD)	Mac 2009 – hingga kini
Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching, Sarawak (PKAK)	Januari 2011 – Januari 2021 (diserahkan kepada JBSN Sarawak pada 1 Februari 2021)
Kompleks Sukan Setiawangsa (KSSW)	April 2016 – Mac 2021 (diserahkan kembali kepada MSN pada 1 April 2021)
Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)	November 2008 – Jun 2021 (disewakan kepada CNN System Sdn Bhd mulai 1 Julai 2021)

Visi

Menjadikan arena-arena di bawah pengurusan PSM sebagai pilihan utama penganjuran acara sukan dan bukan sukan di rantau ini.

Misi

- Menyediakan fasiliti dan perkhidmatan bertaraf dunia serta memberikan pengalaman pengguna yang sempurna.
- Mempamerkan pelbagai kandungan aktiviti berbentuk sukan, hiburan dan pendidikan.
- Menyediakan platform pemasaran dan penyelidikan untuk industri sukan dan pelancongan.
- Mempromosi gaya hidup yang sihat kepada masyarakat.

Fungsi

Fungsi utama PSM adalah mengurus dan menyelenggara semua tempat yang berada dibawah seliaannya. PSM harus memastikan semua fasiliti dan kemudahan berada dalam tahap yang memuaskan, menepati piawaian badan sukan antarabangsa dan sentiasa tersedia untuk digunakan oleh penganjur acara. Selain itu, PSM bertanggungjawab untuk mempromosikan semua kemudahan dan fasiliti sedia ada diperingkat kebangsaan dan antarabangsa bagi menjadikan tempat-tempat PSM sebagai tumpuan utama penganjuran acara sukan, kebudayaan, pendidikan, komersial, hiburan dan bersifat mesra komuniti.

Pencapaian PSM Tahun 2021

Tahun 2021 merupakan tahun yang masih mencabar kepada PSM untuk bertapak semula dalam aktiviti penjaanaan hasil. Penganjuran acara di setiap *venue* di bawah pengurusan PSM mula mendapat sambutan kembali secara berperingkat untuk penganjuran acara berskala kecil walaupun dalam keadaan norma baharu seperti ketetapan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Stadium Nasional dan Axiata Arena di KL Sports City telah dijadikan sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Mega dan telah mencatatkan jumlah pemberian vaksin sebanyak 1,293,380 suntikan. PPV Mega ini telah dikunjungi oleh pemegang taruh program vaksinasi, Menteri Kabinet, pegawai-pegawai tinggi kerajaan daripada pelbagai kementerian yang terlibat dalam memastikan proses pemberian vaksinasi berjalan dengan lancar.

Aktiviti penyerahan *venue* cawangan telah berlaku pada tahun 2021 ini dengan menyaksikan penyerahan cawangan Kompleks Sukan Setiawangsa kepada Majlis Sukan Negara, penyerahan Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching, Sarawak kepada Jabatan Belia dan Sukan dan *outsourcing* Kompleks Sukan Shah Alam kepada syarikat CNN System Sdn Bhd. Manakala Kompleks Sukan Bukit Kiara masih dalam proses pajakan kecil kepada syarikat Nusa Baiduri Sdn Bhd. untuk dibangunkan secara komersial. Aktiviti ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kos penyelenggaraan kepada PSM di samping menjana hasil secara optimum.


Kontrak perjanjian kerjasama yang menjadikan Stadium Nasional sebagai Home of Harimau Malaya diteruskan dengan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Melalui perjanjian ini, semua perlawanan pasukan bola sepak kebangsaan akan beraksi di Stadium Nasional, KL Sports City. Manakala perjanjian eksklusif *Naming Rights* bersama syarikat telekomunikasi, Kumpulan Axiata Berhad bagi *venue* Stadium Putra yang ditransformasikan sebagai Axiata Arena diteruskan untuk lima (5) tahun yang akan datang.

PSM akan terus berusaha dalam mencari alternatif untuk meneruskan aktiviti penjaanaan hasil melalui aktiviti-aktiviti yang bersesuaian dengan norma baharu. Laporan Prestasi Kecemerlangan Pencapaian PSM boleh dilihat seperti berikut:

LAPORAN PENCAPAIAN

■ Maklumat Acara Yang Berlangsung

BIL	VENUE	PENCAPAIAN / ACARA
1.	Stadium Nasional	<ul style="list-style-type: none"> • Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) • Majlis Penutupan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) Stadium Nasional • Perlawanan Akhir TM Piala Malaysia 2021 • Penggambaran
	Axiata Arena	<ul style="list-style-type: none"> • Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)
	Stadium Hoki Nasional	<ul style="list-style-type: none"> • TNB Liga Hoki Malaysia Piala Sumbangsih • Perasmian Logo Pembangunan NHDP • Kejohanan Liga Hoki Piala TNB • Kejohanan Hoki Piala Tun Razak • Majlis Pelancaran Jersi Pemain Kebangsaan Hoki • Kejohanan Piala TNB Liga Hoki Remaja



BIL	VENUE		PENCAPAIAN / ACARA
		Pusat Skuasy Nasional	<ul style="list-style-type: none"> Kejohanan Skuasy SRAM PSA 7 CIMB Foundation National JR Championships Kejohanan Skuasy Terbuka Malaysia Kejohanan Skuasy Berpasukan Asia Kali Ke-20
2.	Kompleks Sukan Bukit Kiara (KSBK)	Kawasan Infra	<ul style="list-style-type: none"> Karnival Modern Living Home Expo Pameran Big Home Expo Pameran Honda 1 Million Dreams Syiok Fest Ramadan 2021 Pameran Perabot Modern Living Home Expo
		Stadium Juara	<ul style="list-style-type: none"> Netball Super League (NSL) Majlis Ikrar Bebas Rasuah Badan Sukan Kebangsaan Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan Kali Ke-42 Kursus Pengadil Bola Jaring
		Pusat Boling Padang	<ul style="list-style-type: none"> Kejohanan Boling Padang Open Mixed Four Bersama Menteri & Media Lawn Bowls KL Open Fours 2021
3.	Kompleks Sukan Jalan Duta (KSJD)	Tenis	<ul style="list-style-type: none"> Silverlake Tennis Malaysia National Circuit 2021 Leg 1 Silverlake Tennis Malaysia Junior Tour Sportexcel 2021 Leg 2 Silverlake Tennis Malaysia Junior Tour Sportexcel 2021 Leg 3
		Hoki	<ul style="list-style-type: none"> 65th Gurdwara Cup & Sikh Festival of Sports 2021
4.	Kompleks Sukan Setiawangsa (KSSW)		<ul style="list-style-type: none"> Penggambaran Drama Mesyuarat Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia
5.	Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)		<ul style="list-style-type: none"> Pertandingan Liga Bola Sepak Aktiviti Kecergasan
6.	Pusat Kecemerlangan Akuatik Sarawak (PKAK)		<ul style="list-style-type: none"> Program Latihan Atlet OKU Sarawak Program Latihan Atlet Pelapis OKU Sarawak

PROGRAM DAN PENCAPAIAN 2021

■ Maklumat Pengunjung dan Jumlah Acara di Kuala Lumpur Sports City (KLSC)

BULAN	PROGRAM REKREASI		SUKAN		BUKAN SUKAN	
	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA
Januari	1,670	67	0	0	0	0
Februari	1,004	4	0	0	0	0
Mac	2,000	100	0	2	15,000	2
JUMLAH	4,674	171	0	2	15,000	2
April	592	112	100	1	69,000	2
Mei	28	10	50	1	20	2
Jun	0	0	20	1	130,000	2
JUMLAH	620	122	170	3	199,020	6
Julai	0	0	0	0	374,348	2
Ogos	0	0	0	0	386,476	2
September	396	66	0	0	299,187	2
JUMLAH	396	66	0	0	1,060,011	6
Oktober	1,692	67	100	1	162,887	3
November	1,759	134	27,600	6	8,080	4
Disember	1,676	108	500	1	8,040	2
JUMLAH	5,127	309	28,200	8	179,007	9
JUMLAH	10,817	668	28,370	13	1,453,038	23

■ Maklumat Pengunjung dan Jumlah Acara di Kompleks Sukan Bukit Kiara (KSBK)

BULAN	PROGRAM REKREASI		SUKAN		BUKAN SUKAN	
	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA
Januari	60	7	260	6	0	0
Februari	46	8	0	0	0	0
Mac	690	53	2,180	65	0	0
JUMLAH	796	68	2,440	71	0	0
April	517	30	550	14	0	0
Mei	84	4	400	17	0	0
Jun	0	0	0	17	0	0
JUMLAH	601	34	950	48	0	0

Julai	0	0	280	14	0	0
Ogos	0	0	360	18	0	0
September	128	11	500	25	0	0
JUMLAH	128	11	1,140	57	0	0
Oktober	658	46	946	51	0	0
November	645	76	714	35	0	0
Disember	396	227	1,250	46	0	0
JUMLAH	1,699	349	2,910	132	0	0
JUMLAH	3,224	462	7,440	308	0	0

■ **Maklumat Pengunjung dan Jumlah Acara di Kompleks Sukan Jalan Duta (KSJD)**

BULAN	PROGRAM REKREASI		SUKAN		BUKAN SUKAN	
	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA
Januari	550	250	0	0	0	0
Februari	640	310	0	0	0	0
Mac	2,550	1,541	0	0	0	0
JUMLAH	3,740	2,101	0	0	0	0
April	2,115	1,430	0	0	0	0
Mei	425	290	0	0	0	0
Jun	0	54	0	0	0	0
JUMLAH	2,540	1,774	0	0	0	0
Julai	0	0	267	1	0	0
Ogos	700	755	289	1	0	0
September	2,100	990	342	1	0	0
JUMLAH	2,800	1,745	898	3	0	0
Oktober	3,510	1,485	300	1	0	0
November	3,416	1,398	1,680	2	0	0
Disember	3,816	1,167	500	1	0	0
JUMLAH	10,742	4,050	2,480	4	0	0
JUMLAH	19,822	9,670	3,378	7	0	0

■ Maklumat Pengunjung dan Jumlah Acara di Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA)

BULAN	PROGRAM REKREASI		SUKAN		BUKAN SUKAN	
	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA
Januari	3,620	3,500	594	27	50	1
Februari	484	420	0	0	0	0
Mac	1,847	1,363	418	19	0	0
JUMLAH	5,951	5,283	1,012	46	50	1
April	884	557	704	32	0	0
Mei	169	120	1,960	9	20	1
Jun	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	1,053	677	2,664	41	20	1
Julai	0	0	0	0	21,500	1
Ogos	175	44	0	0	19,700	1
September	3,975	387	0	0	0	0
JUMLAH	4,150	431	0	0	41,200	2
Oktober	7,535	2,055	0	0	0	0
November	7,732	2,045	0	0	0	0
Disember	8,456	2,038	0	0	0	0
JUMLAH	23,723	6,138	0	0	0	0
JUMLAH	34,877	12,529	3,676	87	41,270	4

■ Maklumat Pengunjung dan Jumlah Acara di Kompleks Sukan Setiawangsa (KSS)


BULAN	PROGRAM REKREASI		SUKAN		BUKAN SUKAN	
	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA
Januari	2,468	479	0	0	0	0
Februari	1,943	228	0	0	0	0
Mac	12,541	761	210	4	130	3
JUMLAH	16,952	1,468	210	4	130	3

Kompleks Sukan Setiawangsa (KSS) diserahkan semula kepada pihak pengurusan Majlis Sukan Negara (MSN) bermula pada 1 April 2021


■ **Maklumat Pengunjung dan Jumlah Acara di Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching, Sarawak (PKAK)**

BULAN	PROGRAM REKREASI		SUKAN		BUKAN SUKAN	
	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA	JUMLAH PENGUNJUNG	JUMLAH ACARA
Januari	140	3	100	3	0	1
JUMLAH	140	3	100	3	0	1

Pusat Kecemerlangan Akuatik Kuching, Sarawak (PKAK) diserahkan kepada pihak pengurusan Jabatan Belia dan Sukan Sarawak (JBSN) bermula pada 1 Februari 2021




FACEBOOK
LIKERS: 6,596
FOLLOWERS: 6,788



INSTAGRAM
FOLLOWERS: 4,828



TWITTER
FOLLOWERS: 2,583



**PORTAL
PERBADANAN
STADIUM MALAYSIA**

WEBSITE HIT
63,261

SOSIAL MEDIA

■ ACARA SEPANJANG TAHUN 2021



• Karnival Modern Living Home Expo
31 Disember 2020 – 3 Januari 2021



• TNB Liga Hoki Malaysia Piala Sumbangsih
14 Januari – 20 Februari 2021



• Persamian Logo Pembangunan NHDP
18 Mac 2021



• Netball Super League (NSL)
19 Mac – 11 April 2021



Pameran Big Home Expo
25 – 28 Mac 2021



Pameran Honda 1 Million Dreams
27 – 28 Mac 2021



Kejohanan Liga Hoki Piala TNB
11 Mac – 3 April 2021



Modern Home Living Home Expo
8 – 11 April 2021




SyioK Fest Ramadan 2021
16 April – 9 Mei 2021



Program Imunisasi Covid-19
Kebangsaan Axiata Arena
7 Jun – 31 Oktober 2021

*Majlis Penutupan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Stadium Nasional
1 Oktober 2021*



● *Program Imunisasi Covid-19
Kebangsaan Stadium Nasional
21 Jun – 1 Oktober 2021*



● *Pameran Big Home Expo
4 – 7 November 2021*



● *Kejohanan Skuasy SRAM PSA 7
6 – 9 November 2021*



● *Kejohanan Hoki Piala Tun Razak
10 – 21 November 2021*



• CIMB Foundation National JR Championships
10 – 14 November 2021



• Majlis Pelancaran Jersi Pemain Kebangsaan Hoki
12 November 2021



• Kejohanan Skuasy Terbuka Malaysia
23 – 27 November 2021



• Majlis Ikrar Bebas Rasuah Badan
Sukan Kebangsaan
25 November 2021



• Kejohanan Skuasy Berpasukan Asia Kali Ke-20
30 November – 4 Disember 2021



• Kejohanan Piala TNB Liga Hoki Remaja
11 – 30 Disember 2021

Perlawanan Akhir TM Piala Malaysia 2021 | 30 November 2021



Pameran Perabot Modern Living Home Expo
16 – 19 Disember 2021



Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan Kali Ke-42
20 – 23 Disember 2021



LAPORAN BADAN BERKANUN

Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia

PENGENALAN

Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1998 yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pembangunan Sukan 1997 (*Akta 576*). Encik Ibrahim bin Mohd Yusof telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Sukan bagi menerajui PJS dalam menguruskan pentadbiran badan sukan di Malaysia berkuatkuasa pada 21 Disember 2020. PJS mempunyai sejumlah 47 orang pegawai yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana termasuk PJS di Rantau Sabah dan Rantau Sarawak yang diketuai oleh Pesuruhjaya Sukan Rantau Sabah dan Pesuruhjaya Sukan Rantau Sarawak.

PJS komited dalam memperkasakan tadbir urus badan sukan selari dengan visi sebagai peneraju transformasi tadbir urus badan sukan yang berintegriti, berkualiti dan professional di samping misi untuk memastikan tadbir urus badan sukan selaras dengan Akta Pembangunan Sukan 1997 (*Akta 576*). Objektif PJS adalah bagi mengawal selia tadbir urus badan sukan yang memenuhi kehendak *Akta 576*, menjadikan pengurusan badan sukan lebih profesional melalui program libat urus badan sukan, mempertingkatkan dan memperkukuhkan struktur tadbir urus badan sukan, memperkasakan hubungan strategik dengan semua pemegang taruh serta memantapkan dan mengoptimumkan kemahiran dan kepakaran sumber manusia.

Terdapat tiga (3) cawangan utama dalam melaksanakan urusan pentadbiran badan sukan dan menguatkuasakan pentadbiran *Akta 576*. Cawangan utama PJS adalah seperti berikut:

Cawangan Pendaftaran dan Pelesenan


Bertanggungjawab ke atas urusan permohonan pendaftaran dan pindaan perlembagaan badan sukan serta menguruskan permohonan kelulusan/ kebenaran/ permit/ lesen mengenai penganjuran acara sukan tempatan dan antarabangsa. Selain itu, cawangan ini turut memberikan khidmat nasihat dan rundingcara berkaitan proses pendaftaran, penggantungan dan pembubaran badan sukan.

Cawangan Naziran

Memantau pelaksanaan syarat-syarat pendaftaran dan perlembagaan badan sukan seperti menyemak Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) setiap badan sukan. Selain itu, cawangan ini bertanggungjawab untuk merangka, membangun, melaksanakan dan menyelaras program pendidikan berkaitan urus tadbir badan sukan.

Cawangan Dasar dan Pembangunan

Bertanggungjawab meneliti dan menyelaras perkara-perkara dasar berkaitan badan sukan dan turut terlibat dalam membuat penyelidikan mengenai pembangunan, perundangan, dasar berkaitan tadbir urus sukan, badan sukan dan pengurusan sukan. Cawangan ini juga menjalankan sesi libat urus dan dialog bersama badan sukan bagi mendapatkan maklumbalas terhadap *Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576)* dan Peraturan yang sedang berkuatkuasa.



PROGRAM DAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN


Program Penarafan Bintang Badan Sukan

Bermula pada tahun 2021, program penarafan bintang badan sukan telah dilaksanakan terhadap 10,729 badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Semakan dibuat terhadap pelaporan Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) oleh semua badan sukan di pelbagai peringkat dan sebanyak 499 badan sukan telah melepasi proses saringan. Hasil semakan yang dilaksanakan, sebanyak 99 badan sukan yang telah berjaya ke proses penilaian secara dalam talian bagi menilai prestasi urus tadbir badan sukan.

Pelaksanaan program ini dapat menggalakkan badan sukan mematuhi perlembagaan, pekelling-pekelling serta peraturan mengikut kriteria yang ditetapkan, penanda aras bagi amalan terbaik dalam pengurusan dan pentadbiran badan sukan, memperkasakan pembangunan sukan negara selaras dengan objektif Visi Sukan Negara 2030 dan dorongan kepada badan sukan agar diurus dengan lebih teratur, berkualiti dan profesional.



Proses Penilaian Tadbir Urus Badan Sukan bagi badan sukan yang terlibat
11 November 2021



Proses Penilaian Tadbir Urus Badan Sukan bagi badan sukan yang terlibat
12 November 2021

Hari Bertemu Pelanggan Bersama Pejabat Pesuruhjaya Sukan

Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Pesuruhjaya Sukan merupakan suatu program bagi memberi peluang kepada badan sukan yang berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dan orang awam untuk berinteraksi secara terus dengan PJS. Program ini memberi peluang kepada badan sukan dan orang awam untuk mendapatkan khidmat nasihat berkenaan perkara-perkara berkaitan dengan pendaftaran, perlembagaan, laporan Maklumat Yang Kena Beri (MYKB) dan perkara-perkara lain dalam seliaan PJS.

Program ini diadakan bermula pada 15 Oktober hingga 6 November 2021 yang melibatkan enam (6) zon termasuk Negeri Sabah dan Sarawak dengan jumlah penyertaan sebanyak 359 peserta. Pelaksanaan program ini telah membantu banyak badan sukan dalam mendapatkan kefahaman dan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus badan sukan yang berkesan dan juga menyelesaikan permasalahan terutama yang melibatkan pendaftaran badan sukan, pelaporan Maklumat Yang Kena Beri (MYKB), penganjuran acara, isu pertikaian badan sukan dan sebagainya.



Sesi khidmat nasihat berkaitan MYKB kepada MSN Johor dan badan sukan KSL Hotel & Resort, Johor Bahru, Johor | 15 Oktober 2021



Sesi bergambar oleh badan sukan dan pegawai serta kakitangan yang terlibat Tower Regency & Apartments, Ipoh, Perak | 23 Oktober 2021



Kehadiran badan sukan dan orang awam bagi mendapatkan khidmat yang disediakan Rocana Hotel, Kuantan, Pahang | 30 Oktober 2021



Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak turut terlibat dan memberi penerangan kepada badan sukan Imperial Hotel, Sarawak | 3 November 2021



Kehadiran badan sukan dan orang awam Sabah International Convention Centre, Kota Kinabalu, Sabah | 3 November 2021



Sesi mendatangi Sijil Perakuan Pendaftaran Badan Sukan oleh PJS Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia 6 November 2021



Sesi bergambar oleh pegawai dan kakitangan yang terlibat Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia 6 November 2021

Bengkel Semakan Pindaan Jadual Pertama, Kedua Dan Ketiga Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576)

Bengkel Semakan Pindaan Jadual Pertama, Kedua Dan Ketiga Akta Pembangunan Sukan 1997 (Akta 576) telah diadakan pada 5 hingga 7 Disember 2021 bertempat di Hotel Scapes, Genting Highlands. Bengkel ini diadakan bagi membuat semakan kepada Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga Akta 576 agar pindaan dapat dibuat memandangkan kali terakhir Perintah Pindaan Jadual Pertama dibuat pada tahun 2004. Manakala Jadual Kedua dan Ketiga pindaan perlu dilaksanakan bagi memastikan perkara-perkara yang perlu ada dalam perlembagaan badan sukan selari dengan perkembangan sukan semasa selain memastikan pembangunan sukan di Malaysia selari dengan RMK-12 dan Visi Sukan Negara.

Bengkel ini telah disertai oleh 30 orang peserta yang melibatkan pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Pesuruhjaya Sukan dan agensi-agensi di bawah KBS yang sering berurusan dengan badan sukan seperti Majlis Sukan Negara, Jabatan Belia dan Sukan Negara, IMPACT Malaysia, Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS), Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik.



● *Agensi yang terlibat dalam perbincangan pindaan Jadual Pertama, Kedua dan Ketiga Akta 576 5 hingga 7 Disember 2021*



● *Sesi perbincangan dan brainstorming di kalangan agensi 5 hingga 7 Disember 2021*


Bengkel Pelan Strategik Pejabat Pesuruhjaya Sukan

Bengkel Pelan Strategik Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PJS) telah diadakan bermula pada 31 Oktober hingga 2 November 2021 bertempat Hotel Rocana, Kuantan, Pahang. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Encik Ibrahim bin Mohd Yusof, Pesuruhjaya Sukan dan turut disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan PJS yang mewakili setiap cawangan. Turut hadir secara dalam talian adalah Dato' Ahmad Shapawi bin Ismail, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, wakil dari Majlis Olimpik Malaysia dan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KBS yang berkongsi pandangan dari perspektif agensi masing-masing.

Antara pengisian yang dibincangkan adalah input-input yang diperlukan untuk menghasilkan kerangka Pelan Strategik PJS 2022 – 2026 dalam membantu pembangunan Pelan Strategik KBS 2022-2026. Pelbagai inisiatif dan pelan tindakan juga dirangka untuk dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun sejajar dengan pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PJS 2022 – 2026.



*Bengkel Pelan Strategik PJS
Hotel Rocana, Kuantan, Pahang | 31 Oktober hingga 2 November 2021*




*Bengkel Pelan Strategik PJS
Hotel Rocana, Kuantan, Pahang | 31 Oktober hingga 2 November 2021*



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

LAPORAN BADAN BERKANUN

*Institut Penyelidikan Pembangunan
Belia Malaysia (IYRES)*



PENGENALAN

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) atau kini dikenali sebagai Institute for Youth Research (IYRES) merupakan sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Penubuhan IYRES telah disempurnakan oleh Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima pada 15 Mei 2005 bersempena sambutan Hari Belia Negara (HBN).

Penubuhan IYRES adalah sejajar dengan Teras Kesepuluh: Penyelidikan dan Pembangunan, Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional (2004) yang bertemakan “Ke Arah Mewujudkan Belia Cemerlang, Gemilang dan Terbilang”. Ketika itu, penyelidikan belia di negara ini belum lagi menyerlah dan tidak dapat memenuhi keperluan pembangunan belia. Matlamat teras tersebut ialah mewujudkan pusat penyelidikan belia yang unggul dan dapat bertindak sebagai pusat rujukan serta rangkaian pembangunan belia di semua peringkat.

Rentetan itu, IYRES telah ditubuhkan secara rasminya melalui Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] Bahagian VII yang telah diwartakan pada 26 Julai 2007. Selaras dengan penubuhan tersebut, waran pertama perjawatan dengan 13 perjawatan tetap pelbagai skim perkhidmatan telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada Julai 2008. Setelah itu, waran kedua perjawatan dengan penambahbaikan skim sedia ada serta pertambahan 12 perjawatan baharu telah diluluskan pada 1 Januari 2015 menjadikan jumlah perjawatan tetap adalah sebanyak 25.

Menyedari potensi IYRES dapat dikembangkan, strategi meningkatkan keterlihatan IYRES untuk lebih dikenali dan dirujuk di peringkat nasional mahupun antarabangsa, maka inisiatif penjenamaan semula IPPBM kepada Institute for Youth Research Malaysia atau IYRES telah dilaksanakan. Penukaran logo baharu juga dibuat bagi menterjemahkan fungsi dan peranan IYRES seperti yang digariskan dalam Akta Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). Nama baharu tersebut merupakan cetusan idea YB Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan. Nama dan logo baharu IYRES telah dirasmikan oleh beliau pada 6 Februari 2014.


10 April 2021 - Persidangan Meja Bulat “Gelombang Pengundi Muda”

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama UNITAR International University telah menganjurkan Persidangan Meja Bulat/ Round Table Discussion (RTD) bertajuk Gelombang Pengundi Muda #tonggaknegara di Petaling Jaya. Program RTD ini merupakan sebuah program yang dilaksanakan secara berkala setiap tahun untuk membincangkan hasil kajian IYRES atau isu semasa yang melanda golongan belia. Tajuk Gelombang Pengundi Muda kali ini dipilih untuk mendapatkan maklumat yang jelas berkaitan aspirasi anak muda dalam politik negara.

Program ini melibatkan penyertaan daripada ahli Belia, Non Governmental Organization (NGO) ahli Kementerian, Agensi, Ahli Akademik, Persatuan Governmental Organization (NGO) dan golongan belia secara individu. Sesi perko ngsian ilmu ini menjadikan IYRES secara khususnya dan KBS secara amnya sebagai pusat rujukan ilmu melalui jemputan pakar dari pelbagai bidang untuk berkongsi pengetahuan dan pandangan berhubung landskap pengundi muda.



YB Senator En. Wan Ahmad Fayhsal hadir bagi menyampaikan ucapan sempena program Persidangan Meja Bulat “Gelombang Pengundi Muda”




12 November 2021 – Persidangan Meja Bulat “ Membina Identiti Belia Pasca Covid-19

Putrajaya, 12 November 2021 - Telah berlangsung Persidangan Meja Bulat atau *Round Table Discussion* (RTD) Siri 3 yang bertemakan Membina Identiti Belia Pasca COVID-19 telah berlangsung secara atas talian. Selepas bacaan doa, program dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBrs. Dr. Vellapandian Ponnusamy, Ketua Pegawai Eksekutif IYRES dan seterusnya dirasmikan oleh YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

RTD ini dikendalikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arsyad daripada UPM selaku moderator dengan panel pembentang yang terdiri daripada Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MEDAC), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan *Mental Illness Awareness & Support Association* (MIASA). Tujuan program RTD ini dilaksanakan adalah untuk mengumpul idea, pandangan dan cadangan golongan belia bagi mengangkat suara dan hasrat mereka dalam membina semula identiti belia Malaysia pasca COVID-19. YBrs. Puan Zanawiah Hassan (MEDAC), YBrs. Encik Nik Nazree Nik Abdul Rahman (TERAJU), dan YBrs. Puan Anita Abu Bakar (MIASA) telah berkongsi input dan pandangan mereka dalam program setengah hari tersebut. Pada akhirnya, 10 resolusi telah dibentuk sebagai rumusan program yang akan diangkat kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Seramai 444 orang telah mengikuti program RTD kali ini yang merupakan siri terakhir bagi tahun 2021. Terima kasih diucapkan dan semoga berjumpa lagi pada tahun hadapan.




Persidangan Meja Bulat “ Membina Identiti Belia Pasca Covid-19 yang berlangsung secara dalam talian ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Belia & Sukan, YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker

29 – 30 November 2021 – Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan (YOURS'21)

Kuala Lumpur : Sebanyak 53 kertas kerja dibentangkan pada Seminar Penyelidikan Belia Kebangsaan 2021 (YOURS'21) bertemakan Membentuk Masa Depan: Cabaran Belia Masa Kini secara atas talian melalui platform Zoom Webinar. Perasmian seminar anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kali kelima ini telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu.


“Seminar ini antara medium utama membincangkan isu-isu belia dari perspektif penyelidikan khususnya isu-isu yang relevan, terkini dan memberi fokus kepada cabaran dihadapi oleh belia. Di samping itu, seminar ini turut mengetengahkan kepentingan pelaksanaan inisiatif/ program pembangunan belia berpacuan data (data driven). Daripada 53 pembentang, enam adalah pembentang antarabangsa dan 47 pembentang tempatan dengan pembentang termuda Syabil Fikri Syamsul Maizam iaitu pelajar tingkatan empat berusia 16 tahun.





LAPORAN BADAN BERKANUN

Perbadanan Padang Golf Subang



PENGENALAN

Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan (BBP) yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968. Aktiviti utama Perbadanan adalah untuk membina, membangun, mengurus dan mentadbir Padang Golf Subang (PGS) seluas 330 ekar yang terletak di Ladang Seaport, Subang, Selangor.


Pada peringkat awalnya, Perbadanan dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang diterajui oleh YTM Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sebagai Yang Di-Pertua dan Almarhum Tun Dr. Ismail bin Haji Abdul Rahman sebagai Naib Yang Di-Pertua serta dianggotai oleh enam orang ahli. Ahli-ahli perbadanan ketika itu menubuhkan sebuah kelab iaitu Subang National Golf Club (SNGC) yang beroperasi mengikut Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968.

Pada 13 April 1973, SNGC ditukar nama kepada Kelab Golf Negara Subang (KGNS). Sejak KGNS mengambil alih pengurusan PGS dari tahun 1971, Perbadanan pada ketika ini dijalankan oleh Pegawai Eksekutif Pentadbiran yang dilantik oleh PPGS yang diselia oleh Sekretariat PPGS daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan di Kementerian Belia dan Sukan dan berperanan menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran terutama dalam memastikan Kelab Golf Negara Subang menjalankan tugas-tugas dan beroperasi membangunkan sukan golf di tanah PGS seperti mana yang termaktub di bawah Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968.

AKTA PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG 1968

Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968 berkuatkuasa pada 14 Oktober 1968 telah menubuhkan Perbadanan Padang Golf Subang yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pengawalan Padang Golf Subang (PGS) seperti yang termaktub dalam Seksyen 5(2). Di bawah Seksyen 5(1) Akta yang sama ini juga, PPGS mempunyai kuasa untuk:

- Menyelia dan mengurus penyelenggaraan mana-mana padang golf untuk kegunaan aktiviti sukan golf atau sukan lain termasuk rekreasi;
- mendapatkan harta alih/harta tak alih secara pembelian, hadiah atau melalui pelbagai cara;
- melaksanakan apa-apa kontrak atau perjanjian dengan mana-mana pihak berkaitan dengan kemudahan padang golf dengan syarat tertentu yang dibenarkan oleh Menteri;
- menubuhkan apa-apa bangunan di atas tanah;
- mengendalikan penjualan atau memajak atau memajak kecil atau melupus tanah yang tidak diperlukan untuk aktiviti sukan dengan syarat tertentu yang dibenarkan oleh Menteri;
- melantik pegawai, kakitangan dan agen dengan suatu bayaran upah;
- memanfaatkan atau memberi kebenaran suatu tanah diguna bagi tujuan lain, tertakluk kepada kebenaran Menteri; dan
- memajukan tanah yang tidak digunapakai bagi aktiviti sukan untuk tujuan industri atau perumahan atau taman atau kemudahan awam, tertakluk dengan kebenaran Menteri.





STRUKTUR ORGANISASI

Pengurusan Dan Pentadbiran

Perbadanan Padang Golf Subang adalah sebuah Perbadanan di mana pentadbiran dan pengurusan Perbadanan diterajui oleh Pengerusi Eksekutif daripada kalangan Ahli Lembaga dan diselia oleh pasukan Sekretariat daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan di Kementerian Belia dan Sukan, turut dibantu oleh dua orang Pegawai Eksekutif Pentadbiran PPGS yang dilantik bagi melancarkan urusan pentadbiran Perbadanan. Bagi mengukuhkan pentadbiran PPGS, warga kerja PPGS melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dengan nasihat daripada barisan Ahli Lembaga yang professional.



Carta Pengurusan PPGS

Ahli Lembaga Perbadanan Bagi Tahun 2021

Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Perbadanan Padang Golf Subang adalah sebagaimana yang terkandung dalam Bahagian II Seksyen 6(1), Akta Perbadanan Padang Golf Subang 1968, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah diberikan kuasa untuk melantik Keanggotaan dalam Lembaga Perbadanan Padang Golf Subang (PPGS). Keanggotaan Ahli Lembaga PPGS bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:



PENGERUSI EKSEKUTIF
ENCIK KUMARESUR KRISHNASAMY



**YBRS. PUAN RAMONA BINTI
MOHD RAZALI**



**ENCIK NOOR HISHAM
AFFIZAM BIN SHAMSUDDIN**



**YBRS. ENCIK ABDUL AZIZ
BIN ENGAN**



**DATO' HAJI AHMAD
ZAHARIN BIN MOHD SAAD**




**YBHG. DATO' HAJI ZAMANI
AHMAD BIN MANSOR**



**YBRS. ENCIK MOHD
REDZUAN BIN HASAN**



**YBHG. LAKSAMANA TAN SRI
DATO' SETIA MOHD ANWAR
BIN HJ. MOHD NOR (B)**



PERBINCANGAN MENGENAI STATUS DAN HALA TUJU PPGS

Padang Golf Subang merupakan sebuah tanah milik persekutuan di Mukim Damansara dan diuruskan oleh Kelab Golf Negara Subang (KGNS), sebuah syarikat yang sangat berpengalaman dalam pengoperasian harian Kelab Golf termasuk aktiviti-aktiviti pembangunan sukan golf secara keseluruhan. Bagi mengawal selia dan menjaga kepentingan kerajaan terhadap tanah milik persekutuan, PPGS diminta untuk lebih efisien dalam perancangan ke arah hala tuju dan masa depan yang boleh menyumbang kepada pertambahan hasil KBS.


Berdasarkan perbincangan yang diadakan, keputusan yang diambil untuk diketengahkan oleh PPGS adalah supaya:

- Hala tuju PPGS diperkemas dengan menyediakan satu 'business model PPGS' sebagai way forward untuk PPGS kekal efisien di bawah KBS di samping untuk menyelesaikan isu berkaitan tanah PGS;
- Menghasilkan satu '*business model*' yang dapat memberi pulangan atau menyumbang kepada pertambahan hasil KBS supaya dapat disumbangkan kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara bagi membiayai program-program pembangunan sukan negara secara menyeluruh;
- Penubuhan struktur organisasi PPGS sebagai sebuah badan berkanun persekutuan yang lengkap dengan perjawatan tertentu;
- PPGS mengadakan perbincangan dan rundingan bersama KGNS mengenai hala tuju baharu yang bakal diputuskan oleh YB Menteri Belia dan Sukan; dan
- Memorandum Jemaah Menteri diangkat setelah hala tuju PPGS dimuktamadkan.



LAPORAN SYARIKAT

Pusat Belia Antarabangsa (IYC)



PENGENALAN

Pusat Belia Antarabangsa telah ditubuhkan oleh kerajaan melalui keputusan Kabinet Malaysia pada 6 Februari 1985. Pembinaan bangunan ini telah disumbangkan oleh seorang kaligrafer Jepun dari *Nihon Shuji Education Foundation*, Fukuoka, Tan Sri Kampo Harada (mendiang) sebanyak ¥1 Billion (RM 17 Juta) secara 'one off' kepada kerajaan Malaysia.

Bangunan ini telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamed pada 16 April 1988. Menteri Belia dan Sukan pada masa itu adalah YAB Dato' Sri Najib Bin Tun Abdul Razak.

Pusat Belia Antarabangsa (IYC) adalah 'Rakan Agensi' kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Untuk memastikan pusat ini dapat diuruskan dengan baik, sebuah yayasan ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan (atas sifat jawatan). Yayasan yang ditubuhkan ini berorientasikan perkhidmatan dan tidak mementingkan keuntungan. Visi IYC adalah sebagai pusat pembangunan belia ke arah pengantarabangsaan dengan kemudahan fasiliti yang kondusif dan perkhidmatan mesra pengguna dengan Misi membangunkan IYC dalam bidang keilmuan pengantarabangsaan belia seiring dengan fasiliti dan perkhidmatan yang memudahkan proses pembangunan belia.

PROGRAM

PROGRAM YOUTH AGROCITY KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Program Youth Agrociti merupakan program kerjasama diantara IYC dan Jabatan Belia dan Sukan (JBSN) Kementerian Belia dan Sukan. Matlamat utama program ini adalah bagi meluaskan fungsi IYC dan JBSN di dalam program pertanian bandar di samping mewujudkan kesedaran dan memberi peluang kerjaya kepada komuniti setempat. 3 lokasi utama telah dipilih bagi menjayakan program ini iaitu di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara, Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka dan Masjid Saidina Othman Ibn Affan Bandar Tun Razak, Cheras.

Kumpulan sasar bagi program ini adalah golongan belia bandar kategori B40, penduduk sekitar dan kakitangan di Kompleks Bukit Kiara. Pelaksanaan program ini telah bermula pada bulan Disember 2020. Kaedah sistem pertanian yang digunakan dalam pelaksanaan projek ini ialah sistem hidroponik dan akuakultur .



Lawatan Tapak ke Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara pada 11 Disember 2020



Lawatan Tapak ke Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka



Masjid Saidina Othman Ibn Affan Masjid, Bandar Tun Razak pada 9 Mac 2021

PROGRAM IYC4PEACE

IYC4Peace merupakan program inisiatif kepimpinan belia yang diwujudkan pada Julai 2020 oleh IYC yang bertujuan menyokong penglibatan belia dan pihak berkepentingan terutama dalam aspek keamanan dan keselamatan belia, tadbir urus yang baik dan pemerkasaan belia di peringkat tempatan serta antarabangsa. Program ini juga adalah bagi mewujudkan jaringan belia di peringkat antarabangsa tanpa mengira latarbelakang, kerakyatan dan ideologi. Program ini secara tidak langsung turut mempromosikan peranan pusat – pusat belia yang menyokong kepada keamanan dan hubungan diplomatik di antara negara terlibat.

Program ini di ketuai oleh Cik Sharifah Norizah binti Syed Ahamad Kabeer, Pengarah Projek dan merupakan mempengaruhi media sosial IYC serta penceramah belia jemputan di Perhimpunan Agung Persatuan Bangsa – Bangsa Bersatu (UNGA) yang ke-75.

Program ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu 3 siri program SouthEast Asian Youth Empowerment Dialogue 2021, 2 siri program UN ECOSOC Youth Forum 2021, program Hari Belia Antarabangsa 2021 yang dilaksanakan pada 14 Ogos 2021 manakala program ASEAN Youth Interfaith Camp (AYIC) 2021 telah dilaksanakan pada 12 hingga 14 Oktober 2021 menggunakan wadah atas talian. Jumlah keseluruhan penyertaan bagi setiap siri program ini adalah seramai 300 orang yang terdiri daripada belia tempatan dan antarabangsa.



Program webinar yang dijalankan bagi program IYC4Peace

PROGRAM KOMUNITI BEKALAN AIR BERSIH DUN N77 TELANG USAN, MIRI, SARAWAK

Program Komuniti Bekalan Air Bersih yang telah diadakan di Miri Sarawak merupakan projek bekalan air bersih kepada komuniti penduduk setempat. Kos pembangunan projek komuniti ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak sejak projek pertama yang telah diadakan di Rumah Panjang Long Puak pada tahun 2017. Projek membekalkan air bersih ini diteruskan bagi komuniti di Rumah Panjang Akeh dan Sekolah Saint Pius di Long San. Begitu juga dengan projek di Kampung Long Latei dan Long Sayan yang melibatkan kawasan yang didiami oleh Kaum Penan. Tempoh pelaksanaan projek ini mengambil masa selama sebulan bermula pada 30 Oktober hingga 8 Disember 2021.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 80 orang dari pertubuhan MyHumanitarian, Bahagian Rakan Muda Kementerian Belia dan Sukan, Alumni Pemimpin Muda Masa Hadapan (MFLS), UiTM Bintulu dan kakitangan IYC dalam pelaksanaan dua projek di kampung tersebut. Projek ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh masa yang dijadualkan dan telah dirasmikan oleh YB. Dennis Ngau, Adun Kawasan Telang Usan pada 11 Disember 2022. Projek bekalan air bersih ini juga merupakan inisiatif bagi memenuhi komponen SDGs yang ke-3 dan ke-6.



Para peserta sedang menyiapkan saluran paip

PROGRAM SEKOLAH SDGs IYC

IYC telah menganjurkan 2 program Sekolah SDGs yang telah diadakan pada 16 hingga 18 September dan pada 11 hingga 13 November 2021. Kedua – dua program ini telah melibatkan penyertaan seramai 75 orang belia dan juga pelajar sekolah daripada 15 buah sekolah menengah di semenanjung Malaysia. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada rakyat Malaysia melalui pendedahan kepada golongan belia dan remaja awal terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) serta menyokong kepada dasar dan iltizam negara iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Program ini dijayakan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara, Pusat Kesejahteraan dan Kemanusiaan, Universiti Islam Malaysia, Majlis Belia Malaysia dan *All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs (APPGM-SDG)*. Program ini adalah bagi memenuhi komponen SDGs ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti dan SDGs ke-17 iaitu Kerjasama / Libaturus Demi Matlamat.




Sesi webinar
program Sekolah
SDGs 2021

PROGRAM WEBINAR: PENGENALAN KEPADA KESIHATAN MENTAL

IYC telah menganjurkan program berkaitan kesihatan mental sempena Kempen Kesihatan Mental pada 25 September 2021 dengan kerjasama *Doctors on Ground (DnG)*. Jumlah peserta bagi program ini ialah seramai 30 orang yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang berumur di antara 16 hingga 18 tahun, ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru dari sekolah terlibat dan pelajar dari universiti tempatan.

Objektif utama program ini adalah bagi memberi pendedahan kepada masalah mental serta cara menangani masalah tersebut dikalangan golongan kanak – kanak, remaja dan dewasa. Para peserta juga diberi pendedahan tentang bagaimana untuk mengenal pasti seseorang yang mengalami masalah mental ini. Selain itu, program ini juga adalah bagi mengubah persepsi masyarakat serta tidak mendiskriminasi golongan yang menghadapi masalah ini.

Panel jemputan bagi program ini adalah Encik Haire Bin Mohamad Kadri, Pengawai Psikologi dari Sri Aman Sarawak Central Prison, Cik. Qishi, merupakan bekas pesakit *MDD BPD* dan Cik Arissa Jemaima Ikhwan, *Doctors on Call*. Ucapan Perasmian telah disampaikan oleh Dr. Mohamed Maliki B. Mohamed Rapiee, Pengarah IYC dan ucapan penutup telah disampaikan oleh En. Jufitri Bin Joha, Ahli Lembaga Amanah IYC.



Sesi webinar
program Sekolah
SDGs 2021



LAPORAN SYARIKAT

Impact Integrated

MAKLUMAT JABATAN

Tentang Impact Integrated

Impact Integrated adalah sebuah agensi pemangkin strategik untuk dan di bawah bidang kuasa Kementerian Belia & Sukan (KBS). Sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) yang didorong oleh impak dan bukan berkeuntungan, Impact Integrated mempunyai tiga bidang tumpuan iaitu belia, sukan elektronik dan media merentasi beberapa jenama utama; Impact Malaysia, Rakita 107.9, Esports Integrated, Spacerubix, Picksum, dan mySukan TV.


Sebagai pemangkin strategik, Impact membawa pengalaman, kepakaran dan metodologi strategik untuk membantu memangkin, mencipta, merunding dan menginovasi inisiatif-inisiatif berteraskan belia dan sukan. Inisiatif di bawah bidang kuasa kami akan sentiasa diselaraskan secara strategik dengan misi, visi dan matlamat Kementerian Belia dan Sukan.

Impact Integrated menggunakan pendekatan pelbagai serampang untuk memperkasakan inisiatif-inisiatif belia dan sukan. Ini membawa kepada penciptaan enam (6) jenama di bawah sepanduk Impact Integrated, setiap satunya mendukung misi yang berbeza tetapi kesemuanya berfungsi dengan lancar di bawah sebuah pasukan tunggal yang bersepadu.

MAKLUMAT PROGRAM & AKTIVITI

Kempen Kesihatan Mental - OK Ke?

Kecelaruan emosi boleh menjadi sangat menyakitkan dan sukar untuk ditangani. Apabila emosi seseorang mengalami kecelaruan, ia akan melumpuhkan kewarasan akalnya dan akan menyebabkan seseorang itu bertindak melulu tanpa mengambil endah akan sebab dan akibatnya. Jika kecelaruan emosi ini tidak diekspresikan secara positif, ia boleh mengancam diri sendiri dan orang lain. 'OK Ke?' adalah sebuah kempen anjuran Impact Malaysia untuk menangani isu kesihatan mental yang berleluasa semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 pada tahun 2021.





LEPAK LOCKDOWN

13 Ogos, Jumaat, 8mlm
Plato Gathering

27 Ogos, Jumaat, 8mlm
Cabaran Fizikal Lockdown

10 Sept, Jumaat, 8mlm
What's Next

OK Ke?



CHILLAX LIVE

12 Ogos, Khamis, 4ptg
Mental Survival:
Penyesuaian Mental Ketika Krisis

2 Sept, Selasa, 4ptg
Macam Mana Nak Tolong:
Memerangi Gangguan Mental
Ketika Lockdown

7 Okt, Khamis, 4ptg
Semua OK Je!
Optimistik Ketika Ditimpa Kesusahan

Hanya di ZOOM!
untuk peserta 100 terawal

OK Ke?

Antara senarai program dan aktiviti di bawah Kempen OK Ke?

Kempen ini dijalankan menerusi beberapa jenis mekanisma aktiviti iaitu komunikasi strategik, forum, bengkel, kumpulan sokongan kesihatan mental, subsidi kaunseling dan pelbagai pengaturcaraan berkaitan kesihatan mental. Bemula Ogos hingga September, enam episod 'Lepak Lockdown' telah diterbitkan dengan penyertaan daripada 600 orang belia. 'Lepak Lockdown' merupakan sebuah program santai untuk membantu belia yang merasakan kesihatan mental mereka terjejas semasa PKP menangani masalah mereka. Antara episod menarik dalam 'Lepak Lockdown' adalah - 'Plato Gathering', 'Lepak & Yoga', 'Trivia Night', dan 'Teku Lagu Itu'. Impact Malaysia juga telah menawarkan 40 subsidi sehingga RM200 kepada belia untuk mereka mendapatkan akses kepada khidmat kesihatan mental profesional. Selain itu juga, empat buah kumpulan sokongan kecil juga dibentuk untuk menyediakan ruang selamat untuk mereka berbincang dan de-stress. Antara program yang telah diterbitkan untuk kumpulan sokongan ini adalah 'Program Support Group Mental Usahawan' dan 'Program Support Group Mental Kekeluargaan & Perhubungan' melibatkan seramai 210 orang belia.



TM

Workshop Jiwa Kacau - Menangani Kecelaruhan Emosi

Dr Hazli
Pakar Psikiatri

Sabtu | 11 September 2021
10 Pagi | Sesi di 
Daftar di bit.ly/okayke2021

@impactmsia | @impactdotmy | www.impact.my

Impact Takeover Jiwa Kacau - Menangani Kecelaruhan Emosi bersama Pakar Psikiatri, Dr Hazli

Bisnes Orang Muda & Bisnes Muda Mudi

Tahun 2021, Impact telah menerbitkan dua buah inisiatif khusus dan bersepadu untuk menambah kapasiti, memberi inspirasi, dan menonjolkan bakat usahawan-usahawan belia di Malaysia iaitu Bisnes Orang Muda dan Bisnes Muda Mudi.

BISNES ORANG MUDA

Ahad, 12 Sept
10.30pagi -
12.30tgh.hari

Live di **zoom**
Daftar sekarang!
[bit.ly/Bengkel
BOM-September](https://bit.ly/Bengkel-BOM-September)

SPEAKER:
Bro Safuan

**TikTok Marketing
Strategy**

BISNES ORANG MUDA

Ahad, 24 Oktober
10.00pagi -
12.30tgh.hari

Live di **zoom**
Daftar sekarang!
[bit.ly/Daftar
BOM-Oktober](https://bit.ly/Daftar-BOM-Oktober)

SPEAKER:
Shafiq Supenah

**Membina Sistem
Ejen Dropship**

Antara penceramah jemputan Bisnes Orang Muda - Bro Safuan dan Shafiq Supenah

BISNES ORANG MUDA

Ahad, 26 Sept
10.30pagi -
12.30tgh.hari

Live di **zoom**
Daftar sekarang!
[bit.ly/Bengkel
BOM-September](https://bit.ly/Bengkel-BOM-September)

SPEAKER:
Youmeden

**Trend & Peluang
Perniagaan Borong
Barang dari**

BISNES ORANG MUDA

Ahad, 10 Okt
10.00pagi -
12.30tgh.hari

Live di **zoom**
Daftar sekarang!
[bit.ly/Daftar
BOM-Oktober](https://bit.ly/Daftar-BOM-Oktober)

SPEAKER:
Hafiz Hj. Ismail

**Smartphone
Photography**

Antara penceramah jemputan Bisnes Orang Muda - Youmeden dan Hafiz Hj. Ismail

Bisnes Orang Muda adalah sebuah siri bengkel keusahawanan berdurasi pendek anjuran Picksum khusus untuk usahawan muda mengasah bakat dan kemahiran perniagaan mereka, dengan topik-topik seperti model perniagaan, strategi perniagaan, pemasaran, pembangunan produk dan banyak lagi. Sepanjang Ogos hingga September 2021, Picksum telah menerbitkan sebanyak enam buah episod Bisnes Orang Muda dengan paparan topik menarik antaranya - 'Meningkatkan Daya Jualan', 'Strategi Kempen Pemasaran', 'Pemasaran TikTok', 'Peluang Perniagaan Dari China', 'Smartphone Photography', dan 'Membina Sistem Ejen Dropship'.

Bisnes Muda Mudi pula adalah sebuah segmen terbitan Rakita dan dengan kerjasama Picksum yang disiarkan melalui saluran radio 107.9 FM khusus untuk KBS bagi menyediakan platform yang memberi tumpuan kepada pemilik perniagaan muda untuk berkongsi kisah, inspirasi, pengalaman, dan kejayaan mereka. Bisnes Muda Mudi, disiarkan setiap hari Rabu pada pukul 9:00 pagi di 107.9 FM dan siaran ulangan boleh didengar di podcast rakita.my. Pada tahun 2021, Rakita dan Picksum telah menerbitkan sebanyak 20 episod Bisnes Muda Mudi dan mencatat seramai 277 pendengar di podcast Rakita serta KBS telah meraih sebanyak RM40,000 nilai media secara keseluruhan untuk segmen khas ini.



Podcast poster for Firdaus Wahid - Dosh. The poster features a man in a white polo shirt smiling. Text includes: "DIBAWAKAN OLEH PICKSUM", "RAHITA 107.9", "SETIAP RABU 9AM - 10AM", "ULANGAN DI PODCAST @rakita.my", "BISNES MUDA MUDI", "FIRDAUS WAHID - DOSH @Tehsiamrajasongkhla.my & @Mrtakolegend", "PERNIAGAAN AIR TEH SIAM RAJA SONGKHLA & TAKOYAKI MR TAKO", and social media icons for @rakita.my, rakita.my, and 107.9.



Podcast poster for Dayana Reza. The poster features a woman wearing a colorful batik headscarf. Text includes: "DIBAWAKAN OLEH PICKSUM", "RAHITA 107.9", "SETIAP RABU 9AM - 10AM", "ULANGAN DI PODCAST @rakita.my", "BISNES MUDA MUDI", "DAYANA REZA @nyanyakain @nyanyakain92", "PERNIAGAAN KAIN DAN PRODUK BATIK", and social media icons for @rakita.my, rakita.my, and 107.9.

Bisnes Muda Mudi

Malaysia Esports League 2021

Malaysia Esports League 2021 (MEL21) adalah sebuah liga sukan elektronik kebangsaan yang julung-julung kalinya diadakan. MEL21 dianjurkan oleh Esports Integrated (ESI) dengan kerjasama daripada 16 persatuan sukan elektronik negeri dan wilayah persekutuan. Liga ini disertai oleh 16 liga negeri dan wilayah yang berfungsi sebagai sebuah platform kelayakan untuk ke peringkat kebangsaan. 4 kategori permainan telah dipertandingkan di MEL21 iaitu PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG) Mobile, Mobile Legends Bang Bang (MLBB), Dota 2 dan FIFA21. Juara bagi kategori PUBG Mobile adalah Farang Guerilla, juara bagi kategori MLBB adalah Cyduken, juara bagi kategori Dota 2 adalah Team Thanks dan juara FIFA21 adalah OrangeFavlain.



Juara MEL21 Kategori PUBG Mobile:
Farang Guerilla



Juara MEL21 Kategori MLBB: Cyduken



Juara MEL21 Kategori Dota 2:
Team Thanks



Juara MEL21 Kategori FIFA21:
OrangeFavlain

MEL21 telah merekodkan jumlah penyertaan daripada seramai 51,528 orang peserta dari seluruh negara dengan Selangor dan Johor mencatat jumlah penyertaan tertinggi iaitu masing-masing seramai 7,826 orang dan 5,718 orang. Liga ini juga telah berjaya mencatat rekod tontonan siaran langsung yang amat memberangsangkan iaitu 2.5 juta tontonan dengan lebih 240,000 *engagement*. Selain itu, 'Road to MEL' iaitu sebuah kempen promosi MEL21 telah diterbitkan bersempena dengan liga ulung ini. Road to MEL21 adalah sebuah siri penstriman langsung yang menampilkan penstrim-penstrim tempatan bagi menggalakkan penyertaan dan minat penonton untuk mendaftar dan menyertai MEL21 di samping menawarkan hadiah menarik kepada penonton dan kutipan derma untuk membantu penstrim kurang upaya, Muhammad Azali.



Road to MEL21

Sebagai sebahagian daripada komponen utama MEL21, ESI juga telah melancarkan Para MEL21, iaitu acara kejohanan PUBGMM yang diadakan secara eksklusif untuk belia kurang upaya dengan matlamat untuk memupuk keterangkuman dan meraikan bakat semua pemain sukan elektronik. Kejohanan ini telah dilangsungkan dengan kerjasama daripada Techninier, Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Pendidikan dengan jumlah hadiah terkumpul bernilai RM10,000. Dalam siri tersebut, Avex Esports MY dan Sangpili telah tampil sebagai pemenang.



Para MEL21

Malaysia Esports Festival 2021

Sempena Hari Belia Negara dan Hari e-Sukan Sedunia 2021, Esports Integrated telah menganjurkan Festival Esports Malaysia 2021 (MEF21), iaitu sebuah festival sukan elektronik yang dilangsungkan secara maya oleh ESI di platform esukan.gg dan juga platform-platform sosial milik ESI sepanjang Oktober 2021. Antara kandungan menarik di dalam MEF 2021 adalah: Para MEL21, pertandingan khusus untuk belia kurang upaya; Sembang Game, sebuah program bual bicara advokasi tentang sukan elektronik; ESI Masterclass, siri program pembangunan kapasiti topik-topik menarik dalam bidang sukan elektronik; dan Liga FIFA21 e-SUKEP yang meraih tontonan lebih 10,900.



FIFA21 e-SUKEP

Antara komponen terbesar MEF 2021 adalah ESI Masterclass, iaitu sebuah siri kelas pembangunan kapasiti dengan topik-topik e-Sukan secara percuma. ESI Masterclass menampilkan jurulatih-jurulatih jemputan daripada akademi-akademi e-Sukan terkemuka di Malaysia seperti Akademi Todak, Kelas Akademi Axis, Akademi Geek, Kelas WOMEN:girls, Akademi FSA, Gamesbond, dan Universiti Asia Pacific yang membentangkan topik-topik menarik seperti *Esports 101*, pengulas e-Sukan, dan strategi permainan.

Menarik terkandung dalam MEL 2021 adalah Sembang Game @ MEF iaitu sebuah siri forum yang membincangkan pelbagai isu industri sukan elektronik tempatan dan antarabangsa. Forum tersebut adalah sebahagian daripada My Digital Creative Festival (MYDCF), anjuran Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), yang turut menampilkan persidangan perniagaan dan acara 'networking' untuk peminat industri 'gaming' dan animasi serta ekspo gamifikasi untuk hadirin awam. Sembang Game @ MEF menampilkan tetamu-tetamu yang cukup terkenal dalam dunia e-Sukan di Malaysia seperti Yana Samsudin, Kidal, Muna Shahirah, Aiman Laphel, Xorn, Ramona, Ikuto dan juga Sir Cloud.



Malaysia Esports Festival 2021



Sembang Game @ MEF



ESI Masterclass

Penerbitan Saluran mySukan TV

mySukan TV mensasarkan untuk menjadi platform digital utama untuk sukan dan bakat akar umbi di Malaysia, melalui penyiaran sukan secara langsung, penyampaian berita, dan video harian berkaitan tip-tip kesihatan dan gaya hidup. mySukan TV (www.mysukan.tv) dicipta dengan empat cadangan nilai unik iaitu: Pertama - satu-satunya platform kandungan sukan di Malaysia yang menyiarkan secara langsung perlawanan sukan akar umbi di Malaysia di peringkat sekolah, kolej, negeri atau kebangsaan; Kedua - satu-satunya platform yang menyediakan liputan berita sukan mengenai perlawanan sukan di Malaysia di peringkat sekolah, kolej, negeri atau kebangsaan dan antarabangsa; Ketiga - satu-satunya platform untuk sukan yang kurang popular; dan Keempat - menjadi platform kandungan sukan yang diperakui oleh KBS.

Sebagai sebuah jenama yang baharu sahaja ditubuhkan, tahun pertama mySukan TV beroperasi telah berjaya meletakkan penanda aras yang baik bagi unit perniagaan ini. Meskipun hanya dilancarkan secara atas talian pada 13 November 2021 oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu, Menteri Belia dan Sukan, dengan hampir keseluruhan operasi juga dijalankan secara atas talian, mySukan TV telah berjaya menerbitkan sebanyak 182 buah video pendek di samping sebanyak 796 penerbitan artikel pada tahun yang sama.

Program utama di mySukan TV merangkumi siaran secara langsung perlawanan atau kejohanan sukan akar umbi di Malaysia bagi peringkat sekolah rendah sehingga peringkat antarabangsa (mySukan Live), serta program-program perkongsian maklumat dan tips sukan harian (mySukan Bytes), rancangan rangkuman berita sukan (mySukan News), serta program bual bicara bersama atlet, jurulatih dan agensi sukan (mySukan Hangout). Sebanyak 10 episod Hangout telah diterbitkan pada tahun lalu bersempena dengan kempen #DemiMalaysia untuk temasya Olimpik Tokyo dengan memaparkan atlet-atlet Olympian seperti Azizulhasni Awang, Noraseela Mohd Khalid, Bryan Nickson Lomas, Che Chew Chan, Jonathan Wong Guanjie, Leong Mun Yee dan Phee Jinq En. Bagi meraikan Sukan Olimpik Tokyo, mySukan melancarkan kuiz dalam talian di mana pengikut mySukan mesti menjawab soalan berkaitan sejarah olimpik, pemenang diberi hadiah menarik. Kita Cakna #EdisiOlympian telah menjangkau 20,000 orang, dan disertai oleh 89 orang pengikut di media sosial. Pada penghujung 2021, mySukan TV telah berjaya meraih seramai 3,972 orang pengikut di media sosial dan lebih 150,000 tontonan.




Siaran Langsung Majlis Pelancaran mySukan TV boleh ditonton di Facebook mySukan TV



LAPORAN SYARIKAT

Sepang International Circuit (SIC)





LAPORAN AGENSI SEPANG INTERNATIONAL CIRCUIT (SIC)


Tidak dilaporkan untuk terbitan Laporan Tahunan 2021 kali ini atas faktor tertentu.





SIDANG EDITORIAL

*Buku Laporan Tahunan
Kementerian Belia & Sukan 2021*



SIDANG EDITORIAL BUKU LAPORAN TAHUNAN KBS 2021



PENAUNG

YB Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu
MENTERI BELIA DAN SUKAN

PENASIHAT

Dato' Jana Santhiran Muniayan
KETUA SETIAUSAHA KBS

PASUKAN EDITORIAL

KETUA EDITOR

Izzad Zalman bin Abd Kader J.S.M.
KETUA KOMUNIKASI KORPORAT KBS

EDITOR


1. Nor Azean binti Hasan
2. Salehuddin bin Klewan

JURUFOTO

1. Nurazlina binti Abdul Muthalib
2. Mohammad Husni bin Baharudin

SIDANG REDAKSI


BIL	NAMA	BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI
1	Imran Nawawi bin Mohammad Yusoff	Bahagian Pembangunan
2	Warawit a/l Etam	Bahagian Kewangan
3	Mohd Faizul bin Abd Samat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
4	Nur Aniza binti Alang Ismail	Bahagian Pengurusan Maklumat
5	Sulaiman bin Said	Bahagian Khidmat Pengurusan
6	Nor Azhani binti Abd Hazis	Unit Anti-Doping Malaysia
7	Norhaslinda binti Azizuzaman	Pejabat Audit Dalam Dan Siasatan Awam
8	Aida Mastura binti Mohamed Aman	Penasihat Undang-undang
9	Noremelia binti Rosla	Unit Integriti
10	Mohd Hakimi bin Hassim	Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
11	Sukry bin Abdul Kadir	Bahagian Dasar Dan Perancangan Strategik
12	Muhamad Asyraf bin Abdul Azias@Aziz	Bahagian Hubungan Antarabangsa
13	Shuhaimi Alang Hassan	Sekretariat Industri Sukan
14	Fadzil Hadri bin Mohd Nawawi	Jabatan Belia Dan Sukan Negara
15	Norliyana Syafiqah binti Che Faez	Majlis Sukan Negara
16	Mohd Damanhuri Bin Mohd Nasir	Institut Sukan Negara
17	Muhammad Rahimi Izhar bin Redzuan	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
18	Noriza binti Md Ali	Perbadanan Stadium Malaysia
19	Faiezudin Bin Mohd Kamal	Perbadanan Padang Golf Subang
20	Nur Nujhan binti Musa	Institut Pembangunan Dan Kecemerlangan Kepimpinan
21	Nik Nor Syahirah binti Nik Harun	Pesuruhjaya Sukan Malaysia
22	Koh Mei Ching	Pendaftar Pertubuhan Belia
23	Fauzi Khalip	Pusat Belia Antarabangsa (IYC)
24	Mia Amira Ishak	Impact Integrated (IMPACT)



CATATAN



CATATAN



CATATAN



KEMENTERIAN BELIA & SUKAN

Menara KBS, No 27 Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 062570 Putrajaya Malaysia

 Tel: +603-8871 3333/3000 | Faks: +603-8888 8770